



MALAYSIA
PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES
DEWAN RAKYAT
House of Representatives
PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament
PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Merakamkan Ucapan Takziah kepada D.Y.M.M. Sultan Pahang di atas
Kemangkatan D.Y.M.M. Tengku Hajjah Afzan binti Tengku Panglima Perang
Tengku Muhammad [Ruangan 3173]

Cuti kepada Ahli-ahli - Kebenaran;

Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah (Gua Musang)

Y.B. Tuan P. Patto (Ipoh)

Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

[Ruangan 3174]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3175]

USUL:

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. I) 1988

Jawatankuasa -

Maksud P.46 [Ruangan 3277]

Maksud P.49 dan P.50 [Ruangan 3278]

Maksud P.54 [Ruangan 3285]

Maksud P.55 [Ruangan 32911]

Maksud P.56 [Ruangan 3291]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri
Melayu Bersekutu (Pindaan) (Ruangan 3314)

Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit
[Ruangan 3339]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Bahaya Lalulintas di Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur - Y.B. Dr Chen Man Hin
[Ruangan 3350]

Jenayah dan Lanun di Sabah - Y.B. Tuan Fung Ket Win [Ruangan 3354]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO- MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO- SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, SS.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., SPNS., S.P.D.K., S.P.C.M., SS.M.T., D.U.N.M., P.I.S., (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU. S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., AMN. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pau).

” Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

” Menteri Buruh, TUAN LEE KIMSAL, P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT(Klang).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T (Setiu).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P, VIJANDRAN (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut)
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR B J N WAN MOHAMED, DIM.P (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D I M P (Mentakab).
- ” Timbalan-Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE K.IAT, A M N (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A M N . PIS. (Senai).
- ” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW. A.M P (Tanjong Malim)
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENGDING. K.MN. P B S (Sarikei).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D P M S, S M S. K.MN (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, DPMT. S.MT. K.MN., PJK (Hulu Terengganu).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN. D S D K, S M S (Baling).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD KHALID BIN MOHD YUNUS. D S N.S (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M, P C M (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A M N., PPN (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.MT. AMN, PJK (Dungun).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D I M P (Tumpat)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan,
TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN
BINABDUL(Pendang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P.. P.P.T. (Bagan
Datok).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH
(Gopeng).
- " TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M. D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- " DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- " DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K... A.M.K. (Kulim
Bandar Baharu).
- " TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Sungai Petani).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N.. P.J.K.
(Lembah Pantai).
- " DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A.. S.P.M.J..
P.G.D.K. (Samarahan).
- " DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S.. A.D.K. (Kok
Lanas).
- " DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N.
(Kepala Batas).
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K.. (Pengkalan
Chepa).
- " DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K..
(Padang Terap).
- " TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- " TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- " DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- " TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULS (Simunjan).
- " DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- " TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

- " TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- *' TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- " DR. V. DAVID (Puchong).
- " TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- " TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- " DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- 11 TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias*, SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- " TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- " TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN HU SEPANG (Rasah).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID. S.M.T.. A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA. P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- " DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- " DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD. D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- " TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- " TUAN LAW LAI HENG *alias*, GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- " TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- " DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " DR. LIM ANN KOON, S.S.A., P J.K. (Ampang Jaya).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

- " PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- " TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- " TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- " DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N, P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- " TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- " TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- " TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., PJ.M. (Balik Pulau).
- " TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF. J.P. (Tasek Gelugor).
- " DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- " TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- " TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- " DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- " TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- " TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- " DR. NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- " TUANNURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN P. PATTO (Ipoh).

- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.BS., P.C, KM.N., A.M.N (Saratok).
- ” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD ALI (Kinabatangan).
- ” DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P (Kangar).
- ” DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.PM.S., JSM., SMS., A.MP.P.JK(ShahAlam).
- ” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K, PSM. SPMK, S S A P, S P M.S. (Gua Musang).
- ” DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, DPMP. PMP.. A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D K., J.P. (Semporna).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ” DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED. S.M.J..A.M.N . P I S, B.S.I (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” TUAN S. S. SUBRAMANIAM. P.J.K., A.M.S (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI. P N.B.S., J.M.N (Batang Lupar).
- ” TUANTANKOKWAI(Sungai Besi).
- ” DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID. S M K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M N (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N , P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

Yang Berhormat DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Besut).

” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyuntmg: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suho bin Husin .

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 30hb Jun, 1988

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 pelang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***PEMASYHURAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA****MERAKAMKAN UCAPAN
TAKZIAH KEPADA
D.Y.M.M. SULTAN
PAHANG DI ATAS
KEMANGKATAN D.Y.M.M.
TENGGU HAJAH AFZAN
BINTI TENGGU
PANGLIMA PERANG,
TENGGU MUHAMMAD**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan amat dukacitanya saya memaklumkan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang, Tengku Hajah Afzan binti Almarhum Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad, juga bekas Permaisuri Agong pada 8.40 pagi semalam.

Sewaktu hayatnya Almarhumah adalah seorang pemimpin yang sentiasa bergerak cergas dalam kegiatan sukarela, kebajikan, sukan dan aktiviti-aktiviti lain yang telah memberi begitu banyak manfaat dan kebajikan kepada rakyat. Sikap ramah mesra dan senyum manis Almarhumah baik di mana sahaja menjadikan Baginda seorang pemimpin yang disayangi oleh rakyat. Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan kerabat Di-Raja Pahang, saya bagi

pihak Ahli-ahli Dewan Rakyat ingin merakamkan Ucapan Takziah.

Kemangkatan Almarhumah itu adalah satu kehilangan yang besar kepada rakyat di seluruh negara.

Sebagai tanda penghormatan untuk memperingati jasa-jasa baik Almarhumah Baginda, saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri bertafakur bersama-sama saya selama satu minit dan bagi hadirin yang beragama Islam menghadihkan Fatihah kepada roh Almarhumah dengan doa moga-moga roh Almarhumah ditempatkan ke dalam gotongan orang-orang yang soleh.

(Majlis bertafakur selama seminit dan Ahli-ahli yang beragama Islam membaca Fatihah)

**CUTI KEPADA AHLI-AHLI -
KEBENARAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Ahli bagi Kawasan Gua Musang dari 27hb Jun-8hb Julai, 1988.

2. Y.B Tuan P. Patto, Ahli bagi Kawasan Ipoh dari 27hb Jun-8hb Julai, 1988 kerana Yang Berhormat di dalam tahanan; dan
3. Tuan Lim Kit Siang, Ahli bagi Kawasan Tanjong dari 27hb Jun-8hb Julai, 1988 kerana Yang Berhormat di dalam tahanan.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TAWARAN CALON ANGKASAWAN

1. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan akan menerima tawaran untuk memilih seorang calon angkasawan Malaysia yang akan menyertai penerbangan kapal angkasa Soviet dan apakah kriteria seorang calon angkasawan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Soviet Union semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke USSR pada bulan Ogos, 1987 telah menawarkan kepada Malaysia untuk menyertai dalam penyelidikan bersama dalam bidang angkasa lepas. Kerajaan telah menerima tawaran ini semasa lawatan Timbalan Menteri Luar Negeri USSR pada bulan April yang lalu.

Kriteria seorang calon angkasawan yang akan menyertai penerbangan di angkasa lepas hendaklah mempunyai kelayakan untuk menjalankan penyelidikan yang akan dibuat. Selain daripada itu kriteria yang lain ialah:

- (a) mempunyai tubuh badan dan sikap mental yang sihat;
- (b) lulus ujian dan peperiksaan yang berkaitan yang disediakan oleh pihak penganjur;

- (c) berupaya menjalani latihan selama dua tahun di USSR; dan
- (d) pengetahuan bahasa Russia.

Tuan Lee Lam Thye: Saya buka bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada sehingga hari ini pihak Kerajaan ataupun pihak berkuasa yang berkenaan telah menerima apa-apa permohonan daripada orang yang berminat untuk dilatih sebagai angkasawan.

Yang kedua ialah saya hendak mendapat tahu sama ada Kerajaan Soviet ada menetapkan apa-apa syarat tentang tawaran daripada Soviet untuk melatih angkasawan Malaysia.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum menerima apa-apa perhubungan yang rasmi. Kerajaan Soviet Union akan menghantar satu delegasi ke Malaysia pada akhir tahun ini. Tujuannya untuk berunding ataupun membincang program angkasalepas dengan diteliti.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Orang dari Malaysia yang akan menyertai program angkasa lepas ini akan dipilih iaitu terdiri dari orang politikkah, ataupun orang perniagaan ataupun lain-lain mana yang patut dipilih? Itu soalan yang pertama.

Yang keduanya, dengan ada tawaran daripada pihak Russia kepada Malaysia menerima angkasawan-angkasawan iaitu peserta daripada Malaysia, adakah ini menandakan bahawa Malaysia hari ini telah bertambah pendekatan dengan Russia dalam segi politiknya, perniagaannya dan sebagainya dan apakah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah Yang Berhormat, dua soalan itu.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Dan apakah satu perkara yang

menguntungkan Malaysia selepas itu?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan-harapan kita.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, sama ada Russia pernah mempelawa negara-negara lain sdain daripada Malaysia setakat ini dan berapakah jumlah negara-negara yang telah dipelawa oleh Russia sebagaimana juga pelawaan yang diberikan kepada Malaysia setakat ini?

Yang keduanya, Yang Berhormat Menteri tadi telah menyentuh mengenai latihan yang diberi oleh pihak Russia kepada kita sebelum mereka diberi peluang untuk menyertai penerbangan ke angkasa lepas. Soalan saya ialah berapa lamakah agaknya latihan ini sebelum mereka diberi peluang terbang menjadi angkasawan.

Yang ketiganya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Satu lagi. Adakah peluang menjadi angkasawan akan diberi kepada Timbalan Menteri, ataupun bekas Timbalan Menteri? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang ketiga itu mustahak!

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Untuk menjawab soalan pertama, ya. Soalan kedua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia bertanya berapa negara telah menerima tawaran itu.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Dia bertanya tadi berapa negara dan jawapan saya ialah ya, banyak negara.

Soalan kedua, masa latihannya dua tahun.

Yang ketiga, ini terpulang kepada pihak Perdana Menteri.

HARGA BIJI KOKO

2. Dr. Nicholas Munong Anak Ibau minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab penurunan harga biji koko yang dikeluarkan di negara ini;
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membaiki keadaan supaya harga biji koko lebih tinggi dari harga yang ada sekarang; dan
- (c) apakah kriteria-kriteria yang diambil kira semasa menentukan biji koko kepada gred-gred yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua:-

- (a) Harga biji koko dalam negeri adalah sangat bergantung kepada harga di pasaran dunia, terutamanya pasaran London, kerana lebih 80% dari pengeluaran biji koko Malaysia adalah diekspor. Hubungkait yang rapat ini dapat dilihat dari aliran harga pada tahun-tahun lepas di mana apabila harga di pasaran London jatuh ke paras paling rendah iaitu £1,028 se tan pada tahun 1982, maka harga biji koko tempatan di peringkat ladang jatuh ke paras M\$2.954 se tan. Begitu juga, apabila harga melambung sehingga £2,072 se tan pada tahun 1984, harga dalam negeri melambung ke paras M\$4,853 se tan.

Penurunan harga semasa adalah akibat kemerosotan harga di pasaran luar negeri bermula dari tahun 1985. Harga semasa ialah kira-kira \$3,300 se

tan, iaitu penurunan 14% jika dibanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Faktor utama menyebabkan penurunan harga koko dunia ialah bekalan koko dunia yang melebihi permintaan bagi empat tahun berturut-turut. Pengeluaran bersih dunia dianggarkan 2.085 juta tan pada tahun semasa 1977/1988 (Oktober/September), sementara penggunaan dianggarkan 1.963 juta tan, dan ini mengakibatkan lebih 122,000 tan. Stok terkumpul koko dunia dianggarkan 713,000 tan pada akhir bulan September ini.

- (b) Kerajaan melalui beberapa agensi seperti FAMA sentiasa menjalankan beberapa program untuk memperbaiki kejatuhan harga biji koko. Salah satu daripada program berkenaan ialah dengan memperbaiki mutu koko melalui perlaksanaan Skim Menggred Koko yang bertujuan mengawal mutu koko di Malaysia di pasaran antarabangsa. Dengan adanya Skim Penggredan Koko ini, koko daripada Malaysia akan lebih mudah diterima di pasaran antarabangsa dan dapat bersaing dengan koko yang dikeluarkan daripada negara-negara pengeluar utama seperti Ghana dan lain-lain.

FAMA juga menjalankan kegiatan pengembangan bagi menunjukan petani-petani berhubung dengan amalan pengendalian dan memprosesan koko yang betuul. Langkah ini seterusnya membolehkan mutu koko daripada Malaysia dapat dipertingkatkan dan ini memberi peluang kepada petani-petani memperoleh harga yang lebih baik.

Kerajaan juga telah menjalankan beberapa usaha promosi di luar negeri untuk menerokai

pasaran baru seperti pasaran di Eropah Timur, Jepun, Korea dan China.

- (c) Penggredan biji-biji koko yang dilaksanakan oleh FAMA adalah berdasarkan kepada spesifikasi Gred Piawaian Koko Malaysia (SMC) yang diluluskan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Biji-biji koko digredkan kepada dua klasifikasi utama iaitu Gred SMC I dan SMC II. Kedua-dua gred ini adalah diasaskan kepada tahap kecacatan biji. Kedua-dua gred utama ini pula dibahagikan lagi kepada A, B dan C bergantung kepada kiraan biji koko iaitu jumlah bilangan biji koko dalam 100 gm. Bagi biji-biji koko yang mempunyai tahap kecacatan yang melebihi kadar maksima yang dibenarkan dan kiraan bijinya melebihi 120 biji koko bagi berat 100 gm adalah dikelaskan sebagai sub-standar', dengan izin.

Kriteria lain yang diasaskan kepada penentuan gred ialah tahap kandungan kelembapan biji koko iaitu tidak melebihi 7.5 peratus, kandungan sampah yang tidak melebihi 2 peratus dan kandungan biji koko yang bebas dari serangga dan berbau dalam sesuatu lot.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita terdapat ada koko sakit di negeri Sembilan iaitu penyakit koko. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu, apakah penyakit koko itu dan kuman apakah yang kena koko itu dan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil supaya penyakit koko itu tidak pergi ke negeri Perak?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, penyakit yang diheboh-

hebohkan baru-baru ini ialah berpunca dari sejenis penyakit bernama 'koko pot pol'. Pihak Kementerian telah dapat mengawal penyakit ini dari merebak ke negeri-negeri lain.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, negara-negara yang menjadi pasaran utama bagi koko yang dikeluarkan di negara kita oleh kerana ada beberapa negara seperti Australia dan China yang minat mengenai dengan koko kita memandangkan citarasa ataupun rasa koko kita itu walaupun pahit daripada citarasa ataupun rasa koko dari negara Ghana, Ivory Coast dan Brazil. Kalau negara ini merupakan negara baru yang menjadi pasaran kepada koko, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian supaya pemasaran koko kita dipergiatkan lagi kepada negara-negara ini dan juga negara lain seperti Jepun memandangkan harga koko kita di pasaran antarabangsa terutama di Eropah diberi diskaun memandangkan citarasa koko kita yang lebih pahit daripada koko yang terdapat dari Afrika.

Kedua, dalam pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar bahawa diskaun kepada harga koko kita di pasaran antarabangsa itu adalah benar-benar oleh kerana citarasa koko kita itu pahit ataupun ini disengajakan oleh pengeluar koko dari Afrika dan Brazil yang ingin menyekat pasaran koko kita di Eropah. Ketiga....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat, sudahpun panjang.

Tuan Mutang Tagal: Satu lagi, sama ada,....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat. Sila jawab

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Bagi menjawab soalan yang pertama yang dibangkit oleh Yang Berhormat itu, sukalah saya nyatakan bahawa memanglah maksud kita berusaha untuk melaksanakan satu promosi yang benar-benar berkesan dari segi penjualan koko kita di luar negeri. Itulah sebabnya tidak lama lagi satu delegasi daripada FAMA iaitu pegawai FAMA akan menjelajah negara-negara asing termasuklah China dan lain-lain lagi untuk memperkenalkan dari segi hakikinya tentang keadaan koko kita. Sebenarnya koko kita boleh dikatakan satu jenis koko yang terkenal dan pada hari ini kita berada di tahap nombor tiga jikalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Nombor satu pada hari ini ialah Ivory Coast, nombor dua, Brazil dan nombor tiga ialah negara kita. Ertinya koko kita tidak jatuh dari segi kualiti.

Mengenai soal yang kedua, yang dibangkit oleh Yang Berhormat berhubung dengan citarasa, saya rasa soalnya pada hari ini ialah soal di mana koko kita mendapat satu tempat yang boleh dikatakan terkenal, tempat yang elok, maka tentulah ada persaingan di sana sini. Jadi, persaingan ini saya rasa dapat kita atasi dengan promosi delagasi kita dari masa ke semasa. Saya berharap juga sesiapa juga daripada kita yang berada di luar negeri tolonglah sama-sama kempen berhubung dengan kebaikan koko kita yang ada pada hari ini.

GURU SANDARAN BAHASA

3. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah rasionalnya memberhentikan guru-guru sandaran satu bahasa (Bahasa Malaysia) dan mengambil guru-guru berkelayakan sains sebagai guru biasa; dan

- (b) memandangkan wujud kekurangan guru Bahasa, kenapa tidak melatih guru-guru sandaran ini sebagai guru bahasa yang berkelayakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr. Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru sandaran Bahasa yang diberhentikan perkhidmatan itu adalah guru-guru yang dilantik sebagai guru sandaran tidak terlatih, dan perlantikan guru-guru berkelayakan sains itu merupakan guru-guru sandaran terlatih. Perlantikan mereka dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan sentiasa memandang berat tentang hal ini. Langkah-langkah yang telah diambil antara lain ialah mengadakan Kursus Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris kepada siswazah-siswazah terlatih dan berkelayakan dalam bidang Sains dan Matematik. Melalui kursus ini, Kementerian Pendidikan telah melatih seramai 101 orang guru Bahasa Malaysia dan 141 orang guru bahasa Inggeris.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana menunjukkan flexibility dalam melatih kelebihan siswazah-siswazah sains dan matematik sebagai guru Bahasa untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah:

- (i) apakah jumlah guru-guru sandaran Bahasa yang tidak terlatih yang perkhidmatan mereka telah diberhentikan; dan
- (ii) adakah mereka ini diberi keutamaan dilatih sebagai guru Bahasa di maktab-maktab perguruan?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, tentang bahagian soalan yang

pertama itu, jumlah guru Bahasa sandaran tidak terlatih yang diberhentikan itu saya tidak ada angka di sini dan saya memerlukan notis. Tentang bahagian yang kedua iaitu sama ada Kementerian akan memberi keutamaan kepada mereka, itu terpulang kepada kelayakan mereka dan kalau mereka mempunyai kelayakan akademik yang cukup, saya kira mereka akan diberi pertimbangan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Minta maaf, saya ingat Kementerian Pendidikan tadi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kementerian Pendidikanlah ini. Sudahpun dijawab!

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sudah dijawab, minta maaf. (*Ketawa*) Sebenarnya saya sudah keliru, saya ingat dalam Kementerian Kesihatan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sebelum minta soalan sudah keliru!

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Soalan saya ialah saya ingin mendapat penjelasan mengenai bilangan guru Bahasa yang sedia ada dan bilangan guru-guru Bahasa yang diperlukan, keperluan yang sebenarnya dan bilakah masanya dapat mengatasi masalah kekurangan guru-guru Bahasa ini?

Dr. Ting Chew Poh: Tuan Yang di-Pertua, tentang bilangan itu. Saya memerlukan notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Muhamad bin Abdullah.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah tidak hadir).

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - KARAK - PENYELENGGARAAN

5. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah tanggungjawab dan tugas-tugas Lembaga Lebuhraya Malaysia sekarang memandangkan kerja pembinaan dan "maintenance" Lebuhraya North-South Highway telah diswastakan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Lebuhraya Malaysia pada masa ini masih mempunyai tanggungjawab untuk menguruskan operasi dan penyelenggaraan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Jambatan Pulau Pinang oleh kerana kedua-dua projek tersebut tidak termasuk di dalam projek penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan yang akan dilaksanakan oleh syarikat United Engineers Malaysia Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak penswastaaan Lebuhraya Utara Selatan itu telahpun mula berkuatkuasa (effective date), mulai 31hb Mei", 1988 yang lalu.

Pada masa ini Syarikat UEM sedang melaksanakan kerja-kerja mengambilalih operasi Lebuhraya yang diswastakan daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Proses mengambilalih operasi tersebut dijangka diselesaikan dalam masa 6 bulan daripada tarikh berkuatkuasa kontrak konsesi projek ini. Daripada tarikh berkuatkuasa Perjanjian Konsesi Projek ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia akan meneruskan operasi lebuhrayanya dan kutipan tol bagi pihak syarikat UEM. Semua perbelanjaan yang dilakukan dalam

tempoh peralihan ini akan dibuat dalam satu akaun khas sehingga tamat tempoh 6 bulan yang telah ditetapkan itu, di mana Lembaga Lebuhraya Malaysia akan menyerahkan operasi lebuhraya tersebut sepenuhnya kepada syarikat UEM.

Di dalam kontrak konsesi projek ini, Kerajaan telah menetapkan supaya Lembaga Lebuhraya Malaysia diberi tanggungjawab untuk menyelia keseluruhan projek bagi menentukan kontrak konsesi ini dipatuhi sepenuhnya oleh Syarikat UEM. Ini bermakna Lembaga Lebuhraya Malaysia akan secara langsung menjadi penyelia semua kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor projek termasuk memberikan kelulusan rekabentuk, spesifikasi, teknikal, penggunaan bahan-bahan dan penentuan mutu kerja yang dilaksanakan. Semua perkara-perkara tersebut di atas itu telahpun terkandung di dalam kontrak konsesi yang telah ditandatangani di antara Kerajaan dengan syarikat tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah amat tidak berpuas hati tentang penswastaaan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan itu memandangkan bahawa projek itu merupakan apa yang boleh saya sifatkan sebagai brainchild oleh Lembaga itu tetapi projek itu telah diserahkan kepada pihak swasta.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, itu dalam anggapan Ahli Yang Berhormat sahaja, tetapi daripada pihak Kementerian, kita tidak mendapati bahawa pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak ada mempunyai hati yang tidak begitu puas terhadap peralihan projek ini kepada UEM.

Dr. Eng Seng Chai: Tuan Yang di-

Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilangan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja LLM sebelum tarikh 31hb Mei, 1988 dan sesudah tarikh itu, tarikh itu adalah tarikh UEM mengambil kuasa pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan.

Soalan kedua, adakah sebahagian besar jawatan-jawatan LLM juga diswastakan kepada UEM?

Soalan ketiga, adakah LLM akan charge satu komisyen kepada UEM pada masa ia menjadi penyelia untuk kutip semua tol dalam masa penyerahan kepada UEM?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai bilangan yang dipohonkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dan untuk menjawab soalan yang kedua, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi, pihak Kerajaan dengan UEM sudah mempunyai agreement yang sudahpun ditandatangani dan saya harap pihak Ahli Yang Berhormat itu jangan ragu-ragu terhadap apa yang sudahpun ditandatangani itu oleh kerana pihak Kerajaan kita tentu meneliti keadaan dari semasa ke semasa.

Soalan Ahli Yang Berhormat yang ketiga, sila ulang sekali lagi.

Dr. Eng Seng Chai: Charge a commission.

Tuan Luhah Wan: Mengenai komisyen itu pun saya ingat tidak berbangkitlah kerana sebagaimana saya terangkan tadi segala-galanya sudah dimaktubkan ke dalam perjanjian yang sudahpun ditandatangani.

Dr. Eng Seng Chai: Saya minta penjelasan. Pada hari ini jawapan-jawapan semua diberi oleh orang yang menggantikan wakil Kementerian-kementerian yang berkenaan. Tadi

soalan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Siapa yang ganti.

Seorang Ahli: Tidur!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia dari

Dr. Eng Seng Chai: Jika dia tidak ganti, macam mana semua maklumat tidak ada — maklumat mahu ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan perlukan notis?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua ...

Dr. Eng Seng Chai: Maklumat tidak ada. Kita minta maklumat yang asas, dia tidak ada.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah, Yang Berhormat.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat itu sudah lupa keadaan yang sebenarnya pada masa cuti yang dia ambil dahulu. *(Tepuk)*

SKIM AKAUN PEMAJU PERUMAHAN - PELAKSANAAN

6. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah sebab-sebabnya pihak Kerajaan menanggungkan sistem kewujudkan Bank Akaun oleh pemaju-pemaju perumahan yang boleh dihadkan untuk kerja-kerja pembinaan perumahan sahaja dan apakah sebab-sebabnya pihak pemaju-pemajunya sedang membantah Skim

Bank Akaun tersebut. Bolehkan sebenar-benarnya masalah penyelesaian kewangan dalam sistem pembinaan perumahan kita boleh diatasi dengan sistem tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan telah menangguhkan pelaksanaan Akaun Pemajuan Perumahan.

Sebenarnya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih belum mengemukakan tarikh sistem itu dilaksanakan oleh kerana ianya sedang giat menyiapkan segala peraturan berkenaan pindaan-pindaan yang telah diluluskan ke atas Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dan ia akan dilaksanakan sebaik sahaja disiapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini telah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia mengenai Akaun Pemajuan Perumahan dan persatuan tersebut telah memberi sokongannya secara pnsnip.

Apa yang dikatakan bantahan itu ialah bantahan terhadap cara pelaksanaannya sahaja dan bukan keseluruhan sistem tersebut. Kementerian ini merasa dan berharap sistem itu akan berkesan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan yang tidak dapat jawapan tadi iaitu adakah sistem ini boleh menyelesaikan semua masalah-masalah yang kita sedang menghadapi berkaitan dengan pembinaan rumah-rumah kos rendah yang sedang dijalankan pada masa kini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu umum. Walau bagaimanapun suka saya menjelaskan, bagi masalah-masalah

yang terdapat daripada skim-skim yang telah pun terbengkalai ataupun yang mempunyai masalah-masalah itu berlainan sedikit. Dengan Kementerian melaksanakan sistem Akaun Pemaju Perumahan, masalah-masalah yang telah pun berada sebelum sistem itu dilaksanakan tidak akan berkait. Kita perlu meneliti dan mengatasi masalah-masalah yang sudah ada. Tetapi bagi masa hadapan iaitu bagi projek-projek yang dijalankan oleh pemaju-pemaju jika Akaun Pemaju Perumahan dilaksanakan kita harap dan yakin bahawa kebanyakan masalah-masalah yang sedang wujud dapat diatasi.

FELDA - PENEROKA/JENIS TANAMAN

7. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sama ada sedar atau tidak setengah-setengah peneroka itu diberi tempat dan mereka selalu merayu supaya ditukarkan ke tempat yang kurang jauh dari kampung asal mereka dan setengah-setengahnya pula meninggalkan FELDA dan apakah tindakan yang diambil berhubung dengan perkara ini; dan
- (b) sama ada diambil kira atau tidak bahawa di sesuatu FELDA itu ditanam getah atau kelapa sawit, kerana FELDA tidak patut menanam getah di kawasan-kawasan yang hujannya banyak seperti berlaku di Perak.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, bakal-bakal peneroka yang ditawarkan menyertai rancangan FELDA adalah mengikut giliran berdasarkan susunan ketinggian mar kah setelah mendapat kelulusan Kerajaan

an Negeri yang berkenaan. Tawaran yang dibuat kepada bakal-bakal peneroka adolah bergantung kepada kekosongan tempat yang ada yang kadangkalanya jauh dari kampung asal mereka. Bakal-bakat peneroka yang telah ditawarkan ke sesuatu rancangan tidak dibenarkan bertukar ke rancangan lain tanpa alasan-alasan yang munasabah. Tawaran tempat kepada bakal-bakal peneroka yang tiba gilirannya dibuat seboleh-bolehnya berdekatan dengan kawasan asal mereka.

Penentuan jenis tanaman di sesebuah rancangan FELDA adalah berdasarkan beberapa faktor tertentu seperti jenis tanah, keadaan permukaan bumi, lokasi kawasan, taburan hujan dan juga kemudahan berperoses. Pada lazimnya getah tidak akan ditanam di sesuatu kawasan yang tinggi taburan hujannya kerana ini akan menjejaskan kerja-kerja penorehan. Dari segi taburan hujan, kebanyakan kawasan di negeri Perak adolah didapati sesuai untuk ditanam dengan getah.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada peneroka-peneroka masing-masing mengharap-kan kepada buah kelapa sawit di atas hasil-hasil pendapatan mereka, adakah cadangan ataupun satu langkah baru supaya peneroka-peneroka ini didapati mereka menanam tanaman sayur secara besar-besaran di tanah diterokainya itu untuk menambahkan pendapatan mereka di masah-masa buah kelapa sawit memutus dan untuk menambahkan lagi pencarian mereka?

Satu lagi apakah perkembangan yang telah dianjurkan selama ini tentang peneroka-peneroka itu memelihara peliharaan kambing, biri-biri seperti mana yang telah dicadangkan dahulu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar Kerajaan untuk cuba

mempelbagaikan punca-punca ataupun sumber-sumber pendapatan di kalangan para peneroka kita dan usaha ini kita buat bukan setakat dorongan tetapi dengan bantuan-bantuan yang khusus dan ini meliputi segala jenis minat yang ada pada peneroka-peneroka itu sendiri.

Selain daripada itu kita juga menyediakan banyak kemudahan-kemudahan bagi membolehkan para peneroka kita cuba menambah dan meningkatkan punca-punca pendapatan mereka.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kriteria utamanya termasuklah taburan hujan, situasi, lokasi, kemudahan asas dan lain-lainnya. Sebagaimana yang saya difahamkan bahawa di Perak, khususnya di Batu Kurau, Ijok lebih tepat lagi, kalau berasaskan kepada taburan hujan, saya rasa rancangan itu tidak sesuai dengan getah. Walau bagaimanapun sebahagian besar daripada kawasan ini ditanam dengan getah. Cuma akhir-akhir ini sahaja ditanam dengan kelapa sawit. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui iaitu ada di setengah-setengah tempat dahulu memang kedapatan sebanyak sedikit kekaburan tentang kajian yang dibuat apabila hendak ditentukan jenis-jenis tanaman mengikut kesesuaian tanah yang ada di satu-satu tempat dan saya maklum tentang persoalan yang ada di Ijok ini dan itulah sebabnya kita cuba bila sampai masa dan keadaannya diperbetulkan mana yang tidak betul.

**PELAJAR MALAYSIA DI
UNITED KINGDOM DAN
EIRE - TUNTUTAN**

8. Tuann Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pendidikan memberi penjelasan sejauh manakah kebenaran tuntutan Pelajar-pelajar Malaysia di U.K. & Eire terhadap hubungan mereka dan layanan pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia di London. Apakah tindakan yang positif Kementerian terhadap masalah ini. Adakah masalah yang sama juga berlaku di lain-lain Negara seperti di Amerika Syarikat dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr. Ting Chew Peh); Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penuntut Malaysia di London tetap memberikan perkhidmatan dan layanan yang baik kepada semua pelajar Malaysia di United Kingdom dan Eire. Perkhidmatan yang diberikan termasuklah penempatan mereka ke institusi pendidikan, bimbingan, kaunseling, pengawasan, akademik dan hal-hal berhubung dengan kebajikan am.

Kementerian Pendidikan sentiasa memberikan panduan dari semasa ke semasa kepada Jabatan Penuntut Malaysia di London untuk menjalankan tugas mereka. Selain dari itu, Kementerian Pendidikan juga memastikan bahawa Jabatan tersebut terus memberikan perkhidmatan kepada pelajar-pelajar dengan kerjasama lain-lain jabatan yang menjadi penaja kepada pelajar-pelajar tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tidak timbul sebarang masalah seumpama ini di lain-lain Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada masalah seperti ini, masalah ini tidak akan dikemukakan oleh penuntut-penuntut di London, United Kingdom dan Eire. Walau bagaimanapun saya menerimalah jawapan daripada Yang Berhormat, tetapi kalau kita

berkisar ke Amerika Syarikat, masalah yang sama ataupun lebih lagi berlaku di kalangan MSD dan juga penuntut-penuntut yang mana ketidakpuasan penuntut-penuntut terhadap pegawai-pegawai lebih-lebih lagi dari segi sikap mereka, dari segi kemudahan asas mereka. Ini saya rasa memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat khususnya di Amerika Syarikat.

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ada asas, maka Kementerian Pendidikan akan menyiasat dengan lebih teliti lagi rungutan-rungutan itu untuk diambil tindakan yang lebih wajar.

TONG PLASTIK IKAN YANG DIIMPORT

9. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertanian menyatakan pihak Kementerian telah menguatkuasakan bahawa ikan-ikan yang diimport hendaklah diisikan ke dalam tong-tong plastik, tong-tong kayu diharamkan. Isu ini telah menimbulkan kontra di kalangan pengusaha-pengusaha tong kayu. Di Kelantan ikan-ikan yang diimport hanyalah untuk kegunaan di dalam negeri Kelantan sahaja dan biasanya diisi dalam tong kayu. Sekiranya tong plastik dikuatkuasakan ke seluruh negara - sudah tentu pengusaha-pengusaha (industri kecil) tong kayu akan kehilangan mata pencarian dengan penutupan bengkel-bengkel mereka. Adakah pengimportan di Kelantan juga dimestikan menggunakan tong-tong plastik. Ataupun tong-tong plastik ini hanya untuk mengimport ikan-ikan ke bandar besar sahaja.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian akan menguatkuasakan penggunaan tong plastik untuk ikan yang diimport mulai 1hb Julai, 1988 ini. Penggunaan tong-tong plastik ke atas ikan-ikan basah yang diimport tidak akan

menimbulkan kontra di kalangan pengusaha-pengusaha tong kayu tempatan, khususnya di negeri Kelantan, kerana ikan-ikan yang diimport kebiasannya menggunakan tong-tong kayu yang diperbuat di negara Thailand. Matlamat Kerajaan menggunakan tong-tong plastik ialah untuk memodenkan sistem pemasaran dan pengendalian ikan negara.

Pihak Kementerian pada masa ini hanya bercadang untuk menguatkuasakan penggunaan tong plastik kepada ikan basah yang diimport sahaja dan bukan untuk ikan-ikan yang dikendalikan di dalam negeri. Penguatkuasaan penggunaan tong plastik dijangka akan dapat membangunkan industri plastik dan juga mewujudkan peluang pekerjaan dari segi pembuatan, pengedaran dan pengendalian tong plastik.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bekalan ikan untuk Semenanjung Malaysia khususnya Pantai Barat adalah sebahagian besar iaitu sebanyak 80% diimport dari negara Thai. Oleh kerana langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggunakan tong-tong plastik ianya mengakibatkan rakyat Malaysia memakan ikan yang mahal.

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar juga bahawa pengimport-pengimport ikan akan mengalami kos yang lebih tinggi oleh kerana langkah yang diambil oleh Kerajaan?.Maka adakah Kerajaan akan menimbang semula langkah ini dengan tujuan akhirnya memansuhkan tindakan ini untuk menggunakan tong-tong plastik untuk ikan yang diimport?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang kami laksanakan bukan sahaja sekati, dua atau tiga kali tetapi beberapa kajian yang telah dilaksanakan, maka kita

dapati penggunaan tong plastik ini bukanlah sesuatu yang menyebabkan tingginya harga ikan. Soal-soal lain yang timbul yang menyebabkan setengah-setengah pemborong itu meningkatkan harga penjualan ikan mereka. Maka oleh sebab itu pihak kami sedikit pun tidak akan berganjak di mana kami akan melaksanakan penggunaan tong plastik ini pada lhb Julai, 1988.

Yang kedua, berhubung dengan tong plastik ini juga sukalah saya menyatakan bahawa ianya terpaksa digunakan kerana soal-soal keselamatan. Kita tidak boleh sama sekali berkaram dengan soal keselamatan. Jadi, inilah satu-satu yang kita sebagai rakyat Malaysia hari ini memikirkan dengan selanjut-lanjutnya. Kita tidak mahu sesuatu penyeludupan berlaku pada suatu masa nanti. Itulah soal yang penting bagi kita pada hari ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi saya ingin mendapat penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan ikan-ikan yang diimport.

Adakah dengan menggunakan lori atau menggunakan kapal? Sebab sekiranya ikan-ikan yang diturunkan melalui bot di pengkalan-pengkalan di dalam negara contohnya di Kuala Perlis, ikan diimport daripada negara Siam tetapi melalui dengan bot dan ikan-ikan ini tidak pernah pun digunakan tong plastik. Kalau ya, adakah kita hendak bezakan antara bot-bot daripada Thailand dengan bot-bot tempatan yang mana yang tempatan tidak payah pakai tong plastik, yang daripada luar negeri kita gunakan tong plastik.

Yang keduanya, tadi Yang Berhormat menyebut tujuan utamanya ialah masalah keselamatan. Tetapi apakah Yang Berhormat sedar bahawa mengi-

kut teknologi moden penduduk-penduduk sekarang dia seludup bukan melalui tong tetapi dia menggunakan ikan itu sendiri. Dia bubuh senjata api atau dadahkah di dalam perut ikan itu. Jadi, bagaimanakah ini boleh dikatakan dapat menyelesaikan masalah keselamatan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal import, kalau melalui jalan darat lain ceritanya, kalau melalui jalan laut lain ceritanya. Jadi, sukalah saya menyatakan di sini bahawa import ini termasuk apa jenis cara sekalipun dan bagi pihak kami akan melaksanakan apa yang perlu dari semasa ke semasa.

Yang kedua, berhubung dengan penyeludupan senjata api dan lain-lain lagi melalui perut ikan umpamanya, ini pihak kami akan meneliti untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi keadaan yang sebenar.

LESEN PENGILANG YANG DILULUSKAN

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah bilangan lesen mengilang yang telah diluluskan dan dikeluarkan bagi pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri sejak 2 tahun lalu dan tempoh sehingga akhir Mei, 1988. Daripada jumlah ini, berapa banyak lesen yang telah dibatalkan kerana gagal mendirikan kilang-kilang dalam masa yang ditetapkan. Adakah Kementerian sedar bahawa salah satu sebab ialah kerana ketidak-tentuan politik di negara ini. Apakah tindakan yang telah Kementerian ambil bagi membantu untuk memulakan projek tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, bilangan lesen pengilang yang telah diluluskan dan dikeluarkan bagi pelabur-pelabur tem-

patan dan luar negeri dari tahun 1986 sehingga bulan Mei, 1988 ialah 1,570. Di antara lesen-lesen ini, tidak terdapat sebarang lesen yang dibatalkan. Walau bagaimanapun di antara tahun 1986 dan 1987, 67 lesen telah dibatalkan dan diwartakan, tetapi lesen-lesen ini telah dikeluarkan sebelum tahun 1986 dan telah dibatalkan di antara tempoh masa 1986 hingga sekarang. 24 lagi akan diwartakan pada akhir bulan ini.

Di antara sebab-sebab lesen ini dibatalkan ialah:-

- (a) Syarikat menukar tapak kilang.
- (b) Syarikat berhenti operasi.
- (c) Syarikat meminta supaya lesen dibatalkan kerana tidak ingin meneruskan operasinya.
- (d) Syarikat tidak melaksanakan projek oleh sebab masalah kewangan, keadaan pasaran dan sebgainya.

Bilangan lesen yang dibatalkan oleh sebab kegagalan mendirikan kilang dalam masa yang ditetapkan adalah tidak banyak kerana syarikat-syarikat boleh memohon untuk perlanjutan tempoh perlaksanaan, jika ada sebab-sebab yang menasabah yang diberi. Lazimnya, perlanjutan tempoh ini adalah diluluskan bagi memberi syarikat-syarikat masa yang cukup bagi memulakan projek masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang ada di Kementerian ini, tiada sebarang projek yang telah terbengkalai disebabkan ketidak-tentuan keadaan politik di negara ini. Sepanjang pengetahuan Kementerian ini, kebanyakan daripada projek-projek yang tidak dilaksanakan adalah kerana masalah kewangan ataupun kerana projek tersebut didapati tidak lagi berdaya maju.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara sebab-sebab yang diberikan oleh Yang

Berhormat tadi adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada bilangan pengilang yang berpindah daripada negara ini ke negara-negara jiran seperti Thailand. Kalau tidak sedar, bolehkah Yang Berhormat menyasat dan menyelidik bilangan yang lari daripada negara ini kerana faktor-faktor termasuklah tangkapan dan tahanan yang besar-besaran.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar kalau kita bandingkan dengan pelaburan di negara-negara jiran seperti negeri Thai. Tetapi di sini saya ingin menegaskan bahawa ada beberapa faktor tentang pelaburan-pelaburan masuk ke sesuatu negara. Negara Thai ada faktor yang positifnya tetapi negara kita pun ada faktor positif. Tetapi siapa tahu berapa sudah lari. Kita tahu berapa masuk ke negara kita sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dari angka yang telah diberikan tadi iaitu 1,570 lesen mengilang yang telah dikeluarkan oleh Kementerian yang berkenaan berapa bilangannya ialah untuk pelabur-pelabur tempatan dan berapa bilangan untuk pelabur luar negeri. Sila memberi penjelasan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini minta maaf kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang oleh kerana saya tidak ada satu analisa di mana saya boleh menjelaskan berapa dari tempatan dan berapa dari luar negeri, tetapi kalau Yang Berhormat boleh menulis kepada saya, saya boleh menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Puan Shariffah Dorah Dato' Syed Mohamed.

(Soalan No.11 Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed tidak hadir)

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Kesihatan telah mencetak sebanyak 50,000 naskah buku kecil mengenai AIDS dan usaha sedang dijalankan untuk mencetak lebih banyak naskah tambahan serta menterjemahkannya ke dalam beberapa bahasa. Seterusnya buku-buku kecil ini akan disebarluaskan kepada orang ramai di seluruh negara termasuk sekolah-sekolah, rakyat Malaysia mahupun pelawat-pelawat asing.

(h) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah menyediakan sebuah kertas kerja dan sedang membincangkannya dengan pihak agensi pusat untuk mendapat peruntukan khas daripada Kerajaan bagi membolehkan Rancangan Imunisasi Hepatitis B dilancarkan secepat mungkin. Kempen ini akan ditumpukan kepada kumpulan sasaran tertentu yang mempunyai risiko jangkitan yang tinggi, seperti bayi-bayi baru lahir dan pekerja perubatan dan kesihatan. Kempen di Sabah akan dilancarkan serentak dengan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun pihak Kementerian Kesihatan telah mencetak 50,000 risalah bagi memberi penerangan tentang bahaya AIDS tetapi bagaimanakah Kementerian Kesihatan hendak mengatasi masalah perkembangan AIDS oleh kerana kita tahu bahawa AIDS ini salah satunya dibawa oleh pusat-pusat pelancuran di mana berlakunya homoseksual dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah tindakan Kementerian Kesihatan bagi memastikan pusat-pusat pelancuran yang ada di negara kita ini dapat

dihapuskan supaya penyakit-penyakit AIDS ini boleh dikurangkan selain daripada memberi penerangan melalui risalah-risalah secara yang lebih positif dan praktikal.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang dikatakan itu benar, kita di Kementerian merasa bahawa adalah baik kita menyedarkan rakyat kita tentang cara jangkitan penyakit AIDS ini untuk membolehkan mereka bukan sahaja mengambil tindakan-tindakan yang perlu mengenai pesakit-pesakit dan carrier dan lainnya, tetapi juga untuk mereka sendiri mengelak daripada tindakan-tindakan atau tabiat-tabiat yang boleh membawa jangkitan kuman AIDS ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kursus khas kepada persatuan pondan-pondan di negara ini kerana mereka merupakan di antara kumpulan yang aktif yang dijangka boleh menyebabkan AIDS kerana melalui sebaran-sebaran ini saya percaya tidak berkesan dan kerana banyak yang tidak berminat membaca. Jadi, apakah cara lain, seminarkah ataupun mengumpulkan mereka di Pulau Bidong (*Ketawa*) untuk mengelak AIDS berlaku.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menganggap bahawa semua orang yang dikatakan atau nampak sebagai pondan adalah orang yang mempunyai tabiat hidup yang berisiko tinggi seperti homoseks dan sebagainya. Walaupun risalah-risalah ini disebar juga kepada kumpulan-kumpulan yang kita dapat kesan dengan harapan bahawa mereka akan dapat faedah untuk menyelamatkan diri atau mencegah daripada membawa jangkitan kepada orang lain.

BEKALAN ELEKTRIK LUAR

BANDAR DI SABAH

13. Tuan Maidoom bin Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementeriannya sudah menerima cadangan-cadangan bagi projek bekalan tenaga elektrik luar bandar untuk tahun 1988 daripada Kerajaan Negeri Sabah. Kalau sudah, tolong nyatakan apakah dia projek itu dan bilakah kerja pelaksanaannya dimulakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, cadangan projek bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Sabah untuk tahun 1988 telah diterima oleh Kementerian ini pada 14hb Jun, 1988. Kementerian telah meneliti cadangan tersebut dan kelulusan untuk pelaksanaannya telahpun diberi pada 21 hb Jun, 1988. Projek yang diluluskan ialah sebanyak 18 buah projek yang melibatkan 1,900 pengguna dengan peruntukan sebanyak \$3.85 juta. Projek-projek ini dijangka akan dilaksanakan pada bulan Julai, 1988 ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Semalam ada beberapa perkataan yang unparliamentary telah disebut dalam Dewan ini, tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak menarik balik.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tuan Yang di-Pertua tidak.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, Tuan Yang di-Pertua tidak mengarahkan ahli yang berkenaan menarik balik. Contohnya, dia menggunakan perkataan "lu" dan juga "kurang ajar".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau dia tidak mengarahkan saya tidak perlu.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau begitu, hari ini saya boleh gunakan perkataan dalam ucapan saya kalau tidak tarik balik. Saya hendak beritahu yang itulah, perkataan "lu" dengan "kurang ajar" boleh digunakan dalam Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat sudah, duduk!

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mului teiah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 11, 14 hingga 68 adalah diberi di bawah ini)

PROTON SAGA DIEKSPORT KE LUAR NEGERI

4. **Tuan Muhamad Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) berapakah jumlah PROTON SAGA telah dieksport keluar negeri dan kepada negara-negara mana dan bagaimanakah sambutanannya oleh pengguna-pengguna di negara berkenaan;
- (ii) ke negara-negara manakah lagi Kerajaan bercadang untuk mengeksport kereta tersebut di dalam tahun ini dan tahun 1989;
- (iii) sehingga sekarang berapakah jumlah PROTON SAGA telah dikeluarkan; dan
- (iv) adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan PROTON SAGA jenis lori, van dan bas. Kalau bercadang bilakah akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Sehingga 15 Jun 1988 sebanyak 966 unit PROTON SAGA telah dieksport ke luar negeri. Negara-negara

yang telah mengimport kereta nasional adalah seperti berikut:-

<i>Negara</i>	<i>Bilangan (unit)</i>
Bangladesh	127
Brunei Darussalam	120
New Zeaiand	168
Malta	80
Sri Lanka	80
Eire	320
Jamaica	71
	966
JUMLAH	966

Sambutan yang diterima di negara-negara berkenaan menggalakkan. Hampir semua unit yang dieksport telah pun dijual dan beberapa negara seperti Bangladesh, Brunei Darussalam dan Eire teiah pun membuat tempahan tambahan.

Kerajaan kini berusaha mencari pasaran baru bagi tahun-tahun akan datang termasuk Singapura, Hong Kong, Papua New Guinea, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Selaras dengan usaha-usaha ini PROTON telah menandatangani perjanjian dengan:-

- (a) Proton Cars Ltd (UK) pada 23 November 1987 untuk mengeksport sebanyak 5,000 unit PROTON SAGA ke Britain pada tahun pelancaran (1989). Jumlah tersebut akan ditambah menjadi 14,000 unit pada tahun kelima.
- (b) Proton America Inc. (PAI) pada 20 November 1987 untuk mengeksport sebanyak 30,000 unit PROTON SAGA ke Amerika Syarikat pada tahun pelancaran (1989).

Sehingga Disember 1987, sebanyak 56,945 PROTON SAGA telah dikeluarkan.

Buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengeluarkan PROTON SAGA jenis lori, van dan bas.

**INSTITUT KEMAJUAN WANITA
MALAYSIA (IKWAM) - AKTIVITI**

11. Puan Shariffah Dorah Binti Dato' Syed Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah definisi IKWAM. Bepapa ramaikah wanita di seluruh negara yang telah mendaftarkan diri dengan IKWAN, serta nyatakan jumlah yuran yang dikenakan ke atas setiap ahli; dan
- (b) apakah aktiviti yang dijalankan oleh IKWAN dan adakah IKWAN bercadang untuk membentangkan laporannya di Parlimen bagi mendapat perhatian Kerajaan supaya ditimbangakan peruntukannya.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, IKWAM ialah Institut Kemajuan Wanita Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Syarikat yang bercorak berhad tanpa mempunyai modal saham.

Pada masa ini IKWAM mempunyai seramai 102 orang ahli yang berdaftar di seluruh negara. Keahlian IKWAM terdiri bukan sahaja daripada ahli-ahli akademik, kakitangan kerajaan, profesional, malahan juga melibatkan peniagawati, pengusaha dan suri-suri rumahtangga.

Yuran tahunan ahli-ahli adalah seeperti berikut:-

- (a) Ahli Biasa - \$50.00
(sebagai individu)
- (b) Ahli Biasa - \$200.00
Berkumpulan
(bagi tiap-tiap lima orang)

- (c) Ahli Bersekutu - \$100.00
(bagi wanita berbangsa asing dan kaum lelaki yang berminat dengan isu-isu wanita)
- (d) Ahli-ahli yang - \$20.00
menuntut

- (b) Aktiviti yang dijalankan oleh IKWAM adalah seperti berikut:
1. Berdialog mengenai peluang-peluang perdagangan dalam keadaan ekonomi meleset.
 2. Mengadakan bengkel kraftangan bagi penubuhan industri kecil-kecilan.
 3. Menganjurkan seminar mengenai strategi perhubungan awam bagi 'first line management'.
 4. Memberi ceramah dan taklimat mengenai isu-isu kepentingan wanita, misalnya "safety at home" dan lain-lain.

Program-program yang akan diadakan adalah seperti:

1. Pusat kaunselling.
2. Program pengurusan rumahtangga bagi pembantu-pembantu rumah.
3. Latihan 'self-development'.
4. Ceramah mengenai isu-isu wanita dan lain-lain.

Oleh kerana IKWAM adalah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965, laporan tahunan IKWAM tidak akan dibentangkan di Parlimen untuk mendapat perhatian kerajaan supaya ditimbangakan peruntukannya.

**PENDATANG HARAM VIETNAM
DI PULAU BIDONG**

14. Tuan Zubir Embong minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah awal yang telah diambil dan disusun bagi menutup Pulau Bidong sebagai "transit camp" bagi pelarian Vietnam. Sila nyatakan tarikh anggaran bagi penyerahan pulau tersebut dan apakah gantirugi yang akan dipertimbangkan.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Dengan pengumuman yang telah dibuat oleh kerajaan untuk menutup Pulau Bidong kepada Pemandang Haram Vietnam beberapa langkah awal telah pun diambil. Ini termasuklah mengadakan perbincangan-perbincangan dan kajian-kajian dengan berbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam mengendalikannya masalah ini. Di samping itu kerajaan juga sedang mengkaji dan merangka tindakan-tindakan yang akan diambil di samping mengenal pasti kesan-kesan dan masalah-masalah yang mungkin akan berbangkit dengan penutupan Pulau Bidong. Oleh yang demikian buat masa ini sebelum kajian-kajian ini selesai kerajaan tidak dapat menyatakan tarikh sebenar bilakah pulau tersebut akan diserahkan kembali kepada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun sebagaimana yang dinyatakan tadi kerajaan sedang mengambil tindakan-tindakan yang perlu ke arah itu.

Berhubung dengan ini masalah pembayaran gantirugi yang akan dipertimbangkan oleh kerajaan tidak berbangkit. Ini adalah kerana di Pulau Bidong hanya terdapat seluas 10,635 ekar sahaja tanah perseorangan. Dan tuan-tuan tanah ini telah dibayar gantirugi sebanyak \$8,347.35 tiap-tiap tahun.

PELABURAN DARI TAIWAN

15. Tuan Tan Tok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (i) jumlah wang dilaburkan di Malaysia oleh pelabur Taiwan

sejak 1.1.1987 hingga 31.5.1988;

- (ii) sama ada Malaysia tertinggal jauh kebelakang dari lain-lain negara anggota Asean dalam menarik pelabur-pelabur Taiwan, jika ada, mengapa;
- (iii) strategi-strategi yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dalam mendapatkan atau menarik lebih banyak pelaburan daripada Taiwan; dan
- (iv) kategori-kategori dan bentuk-bentuk pelaburan oleh para pengusaha Taiwan dan usahawan-usahawan Taiwan di Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

- (i) Berdasarkan kepada perangkaan-perangkaan mengenai kelulusan projek-projek perkilangan yang disediakan oleh pihak MIDA, jumlah ekuiti asing dari negara Taiwan yang dicadangkan dalam projek-projek ini bagi tempoh 1 Januari, 1987-31 Mei, 1988 adalah sebanyak \$ 138.6 juta.
- (ii) Di antara negara anggota ASEAN, pelaburan dari Taiwan lebih tertumpu pada Malaysia dan negara Thai. Berdasarkan kepada maklumat yang telah diperolehi dari Board of Investment, (BOI), Thailand, jumlah pelaburan dari Taiwan ke negara Thai bagi tahun 1987 melebihi jumlah pelaburan dari Taiwan ke Malaysia.

Walaupun bagaimanapun prestasi pelaburan patut dinilai dalam masa yang lebih daripada satu tahun. Dengan kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif yang sedia ada untuk menarik pelaburan asing pada keseluru-

hannya dan juga misi-misi yang tertentu yang telah pun dianjurkan oleh pihak di peringkat negeri ke Taiwan, saya yakin pelaburan dari negara Taiwan akan terus meningkat.

- (iii) Strategi-strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menarik pelaburan asing, termasuk dari Taiwan, adalah melalui pelaburan.

Dari segi perhubungan awam aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah melalui publisiti yang meluas di media-media dalam dan luar negeri. Publisiti ini adalah berkaitan dengan pembangunan perindustrian dan peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui MIDA, juga menjemput para wartawan asing dari majalah perniagaan, jurnal perindustrian serta akhbar perniagaan tertentu untuk melawat Malaysia dan seterusnya menulis rencana-rencana berkaitan. Iklan-iklan di media antarabangsa juga digunakan.

Dari segi langkah galakan pelaburan, Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-Kerajaan Negeri menganjurkan lawatan Rombongan Galakan Pelaburan ke negara-negara yang merupakan "capital and technology exporting countries" (tanasuklah negara Taiwan).

Dalam lawatan rombongan galakan pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan, seminar pelaburan akan diadakan di negara-negara yang dilawati. Seminar ini adalah bersifat lebih umum di mana tujuannya adalah untuk memaklumkan para usahawan asing akan polisi-polisi, kemudahan-kemudahan dan peluang-pe-

luang pelaburan yang terdapat di Malaysia.

Rombongan galakan pelaburan anjuran Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah bersifat lebih khusus yang bertujuan untuk memperkenalkan peluang-peluang pelaburan, kemudahan-kemudahan yang disediakan serta untuk menarik para pelabur asing untuk melabur di negerimasing-masing.

Di samping seminar pelaburan yang diadakan bersempena dengan lawatan rombongan galakan pelaburan,

- (iv) Kebanyakan projek-projek dengan penyertaan dari negara Taiwan bagi tempoh 1 Januari, 1987 - 31 Mei, 1988 adalah untuk pembuatan barang-barang elektrik dan elektronik (14), barang-barang getah (14), barang-barang kayu (7) dan barang-barang tekstil (7).

Mengikut ekuiti pula, projek-projek yang mempunyai ekuiti Taiwan yang besar adalah dalam industri elektrik dan elektronik (\$53.4 juta), barang-barang plastik (32.1 juta) barang-barang kimia (\$16.0 juta) dan barang-barang getah (10.8 juta).

BUKU CERITA/ENSIKLOPEDIA BERTENTANGAN DENGAN AQIDAH ISLAM

16. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan benarkah dakwaan yang mengatakan ada beberapa buah kedai yang menjualkan buku-buku cerita dan ensiklopedia yang mengandungi fakta-fakta yang bertentangan dengan aqidah Islam. Misalnya ada ensiklopedia yang memberi keterangan bahawa kejadian manusia adalah daripada kuasa semula jadi dan bukan Allah s.w. Jika benar apakah langkah-langkah positif yang

diambil oleh Kerajaan untuk mengawal pengedaran buku-buku import yang boleh mengancam kepercayaan kanak-kanak Islam di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayub); Dakwaan bahawa beberapa buah kedai menjual buku-buku cerita dan ensiklopedia yang mengandungi fakta bertentangan dengan aqidah Islam adalah terlalu umum bagi saya menjawab dengan tepat. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi buku-buku yang menentang Islam dan tidak keberatan untuk mengambil tindakan ke atas buku-buku yang mencemarkan kedaulatan Islam. Dalam pada itu, Kementerian saya sedar bahawa ada buku-buku yang menonjol pandangan pakar-pakar sains mengenai kejadian manusia yang dikatakan wujud melalui kuasa atam semula jadi. Sungguhpun begitu pandangan mereka, itu tidak semestinya mengancam aqidah Islam melainkan ada niat jahat sedemikian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, buku-buku yang diimport atau diterbitkan oleh syarikat-syarikat tempatan sentiasa diperiksa, dan sekiranya bertentangan dengan Islam serta memudaratkan keselamatan negara buku-buku tersebut akan ditahan atau diharamkan.

FERI MALAYSIA - MATLAMAT INTEGRASI NASIONAL

17. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sama ada matlamat mengadakan Feri Malaysia antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak sudah tercapai. Jika belum apakah langkah yang akan diambil untuk menentukan matlamatnya tercapai;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa

ramai orang kenamaan termasuk ahli-ahli Lembaga Pengarah Feri Malaysia sendiri didapati tidak berminat menggunakan Feri Malaysia. Adakah Kerajaan bercadang hendak memastikan bahawa semua Ahli Jemaah Menteri (Persekutuan dan Negeri, sekurang-kurangnya sekali setahun menggunakannya;

- (c) apakah langkah lain untuk menggalakkan seluruh rakyat menggunakan Feri Malaysia;
- (d) berapakah jumlah penumpang yang telah menggunakannya setakat ini;
- (e) berapakah jumlah tenaga kargo yang telah dibawanya; dan
- (f) berapakah jumlah pendapatan terkumpul setakat ini.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Pencapaian matlamat integrasi nasional tidak mudah diukur kerana proses ini memakan masa yang lama dan pencapaiannya juga dipengaruhi oleh beberapa faktor lain. Perlu dijelaskan bahawa Feri Malaysia cuma merupakan satu daripada berbagai strategi Kerajaan untuk mempercepatkan proses integrasi nasional. Oleh itu, sungguhpun pengurusan Feri Malaysia sentiasa berusaha mengadakan berbagai cara promosi untuk menjayakan program ini, pencapaian matlamat tersebut memerlukan dorongan, sambutan, kebijaksanaan pelaksanaan dan penyertaan semua negara ini.

Sebagai sumbangannya terhadap pencapaian matlamat ini, Feri Malaysia sentiasa sedia memberikan potongan tambang kepada kumpulan penumpang yang mengadakan rancangan-rancangan untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Selain daripada itu pihak

Feri Malaysia sendiri sentiasa berusaha mewujudkan suasana yang mendorong ke arah integrasi nasional di atas kapal dengan cara-cara berikut:

- (i) menggalakkan penumpang-penumpang bergaul di antara satu sama lain melalui penyertaan dalam permainan dan pertandingan atas dek;
 - (ii) mengadakan persembahan kebudayaan;
 - (iii) mempamerkan karya-karya yang bercorak kebudayaan dan perpaduan.
- (b) Adalah tidak benar bahawa orang-orang kenamaan tidak berminat menggunakan Cruise Muhibah. Untuk makluman Y. B. semua Ahli Lembaga Pengarah dan beberapa orang kenamaan telah menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia. Sebenarnya atas permintaan Lembaga Pengarah, mesyuarat Lembaga Pengarah telah pun diadakan di atas kapal pada 18 Oktober 1986.

Kerajaan sememangnya menggalakkan semua anggota kerajaan, termasuk ahli Jemaah Menteri untuk melancang ke tempat indah di negara ini dengan menggunakan pengangkutan nasional seperti Feri Malaysia. Sebenarnya satu Surat Pekeliling telah pun diedarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 14 Oktober 1987 untuk menggalakkan pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan menggunakan khidmat Cruise Muhibah di dalam perjalanan ke Sabah dan Sarawak atau sebaliknya sama ada untuk tujuan melancang, bercuti, berpindah atau menghadiri latihan/mesyuarat/seminar.

(c) Langkah-langkah lain bagi menggalakan seluruh rakyat menggunakan Feri Malaysia ialah:-

- (i) memperhebatkan pengiklanan dan promosi melalui radio, televisyen dan akhbar-akhbar;
 - (ii) menjalankan pemasaran dan penjualan yang agresif;
 - (iii) menjalankan kempen yang ditujukan kepada 'commuters' dengan menawarkan tambang yang lebih murah;
 - (iv) memberi potongan tambang kepada kumpulan-kumpulan kanak, pesara-pesara dan orang-orang cacat;
 - (v) mengadakan pelayaran khas untuk badan-badan dan kumpulan-kumpulan yang besar melalui memajak sewa (charter hire).
- (d) Sehingga 31 Mei 1988 jumlah penumpang yang menggunakan Feri Malaysia ialah seramai 46,233 orang.
- (e) Sehingga 31 Mei 1988 jumlah tonnage kargo yang telah dibawa oleh Feri Malaysia ialah sebanyak 46,135.97 tan.
- (f) Sehingga 31 Mei 1988, operasi Feri Malaysia masih belum mendapat keuntungan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Feri Malaysia ini bukan sebuah projek yang semata-mata mengutamakan keuntungan tetapi satu projek sosial yang bertujuan untuk menambah saluran perhubungan yang dapat menyenangkan proses integrasi nasional di antara rakyat Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Adalah

dijangkakan untuk beberapa tahun pertama, ini, projek ini tidak akan memperolehi keuntungan. Namun demikian, pihak pengurusan Feri Malaysia akan sentiasa dikehendaki berusaha untuk mengurangkan kerugian ini.

BAHASA BAKU - PENGGUNAAN

18. Tuan Haji Abdul Rahman Bin Bakar minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (i) adakah Kerajaan menyedari bahawa penggunaan bahasa baku di negara ini tidak menyeluruh, selaras dan seragam. (Misalnya TV3 menggunakannya, RTM 1 tidak menggunakannya - atau di majlis-majlis rasmi Kerajaan). Kiranya sedar adakah kerajaan bercadang menyelaraskan menyeragamkan penggunaan dan pengamalannya secara sistematik dan menyeluruh; dan
- (ii) adakah pihak kerajaan mempunyai satu perancangan dan matlamat khusus penggunaan bahasa ini. Kiranya ada, apakah bentuk perancangan itu dan matlamatnya. Adakah Kerajaan akan mengadakan satu garis panduan atau pengajaran khusus melalui media bunyi bagi membabitkan semua rakyat negara ini.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya "bahasa baku" yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah "sebutan baku" yang sedang diperkenalkan di sektor pendidikan sekarang ini, maka dapatlah disebutkan bahawa Kerajaan memang sedar bahawa penggunaan "sebutan baku" di negara ini tidak atau belum menyeluruh, selaras dan seragam. Malah di sektor pendidikan sendiri pun penggunaan "sebutan baku" masih belum selaras dan seragam dengan sepenuhnya

di semua sekolah, maktab perguruan dan institusi pengajian tinggi.

Perkara ini berlaku kerana "sebutan baku" baru sahaja diperkenalkan penggunaannya di sektor pendidikan pada awal tahun 1988 ini. Masih banyak lagi tenaga pengajar yang belum terdedah dan belum mendapat penjelasan yang cukup lengkap tentang pedoman dan cara sebutan baku yang terperinci. Pengetahuan yang ada pada tenaga pengajar dan pelajar setakat ini hanyalah maklumat tentang pedoman dasar tentang cara sebutan baku yang tersebut melalui saluran-saluran rasmi Kementerian Pendidikan yang dilakukan semenjak pertengahan tahun 1987 yang lalu dan melalui media.

Daripada maklumat yang diperolehi, kerajaan percaya penggunaan sebutan baku mendapat sambutan yang menggalakkan dan positif daripada kalangan selain sektor pendidikan yang sedang menggunakannya dengan lancar. Oleh sebab itu, kerajaan mempunyai hasrat hendak menyeragamkan atau menyelaraskan penggunaannya supaya dapat dimanfaatkan oleh semua golongan penutur dalam urusan rasmi.

Adalah agak sukar juga bagi kita hendak meramalkan penggunaan sebutan baku yang menyeluruh dan seragam di seluruh negara kerana pelaksanaan dan kejayaannya bergantung kepada berbagai-bagai faktor. Walau bagaimanapun, setakat ini kerajaan memang mempunyai perancangan dengan matlamat khusus tentang penggunaan sebutan baku, iaitu penggunaan sebutan baku yang menyeluruh di sektor pendidikan.

Tujuan utama kita melaksanakan sebutan baku di sektor pendidikan ialah untuk mewujudkan satu cara komunikasi yang lebih mudah dan lebih berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran, dan agar komunikasi tersebut adalah berlandaskan satu cara

sebutan yang seragam dan mantap yang diterima umum bagi menggantikan pelbagai cara sebutan (termasuk loghat atau dialek) yang masih digunakan hingga kini.

Kementerian Pendidikan telah merancang untuk mengadakan siri penerangan tentang kaedah atau cara sebutan baku yang betul melalui siaran TV dan Radio Pendidikan. Kita percaya penggunaan sebutan baku melalui media elektronik seperti radio dan TV akan membantu meningkatkan penggunaannya dengan betul dan seragam di kalangan pengguna di sektor pendidikan khususnya, dan memberikan pengetahuan yang menyeluruh kepada orang ramai.

ORANG ASLI MEMELUK AGAMA ISLAM

19. Tuan Haji Mohammad Yusof Bin Haji Abdul Latif minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa ramaikah Orang-orang Asli yang telah memeluk Agama Islam di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) apakah tindakan susulan yang telah dibuat terhadap mereka untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayub:

- (a) Sehingga kini terdapat seramai 7,133 Orang Asli di Semenanjung Malaysia telah memeluk Agama Islam.
- (b) Bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam mereka, beberapa tindakan susulan telah diambil iaitu:-
 1. Mengadakan kelas-kelas bimbingan agama, Fardhu Ain dan Muqaddam dengan kerjasama Majlis Agama dan Jabatan Agama Islam Negeri.

2. Mengadakan kursus-kursus kefahaman Islam kepada belia-beliawanis Orang Asli, kakitangan jabatan dan pegawai kerajaan yang terdiri dari Orang Asli beragama Islam dan pelajar-pelajar.
3. Mengadakan kursus kefahaman Islam anjuran bersama INDAH/JHEOA, Pejabat Agama Islam Negeri dan kerjasama atau anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
4. Mengadakan majlis-majlis keraian kebesaran Islam di negeri-negeri dengan kerjasama Pejabat Agama Negeri seperti Maulud Nabi, Israq dan Mikraj, sambutan Hari Raya dan Majlis Berbuka puasa.
5. Lawatan Penerangan/Muhibbah yang dilakukan pada setiap bulan oleh Anggota Unit Pembangunan Rohaniah Jabatan dan lawatan bersama dengan INDAH, PERKIM, Pejabat Agama, Persatuan dan Pertubuhan tertentu seperti Akademi Islam, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan lain-lain.
6. Menghantar belia-beliawanis Orang Asli untuk mengikuti kursus Agama Islam ke Institut Dakwah Islamiah Perkim untuk melatih bagi dijadikan pendakwah (kader-kader).
7. Lawatan sambil belajar juga diadakan dengan kerjasama Pusat Islam ke pusat-pusat dakwah di sekitar Kuala Lumpur.

**BIL PERLINDUNGAN
PERDAGANGAN**

20. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada negara mendapat faedah dari bil perlindungan perdagangan yang diluluskan oleh Kongres Amerika Syarikat tidak lama dahulu; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mempelbagaikan perdagangan Malaysia.

Dato' Kok Wee Kiat: Sebagaimana yang diketahui baru-baru ini, Presiden Reagan telah menggunakan kuasa vetonya untuk menolak bil perdagangan (dengan izin, "Omnibus Trade Bill 1988") yang dimaksudkan. Dewan Senate Amerika pula telah gagal membatalkan kuasa veto itu pada 8 Jun 1988.

Ini bermakna bil perdagangan yang dimaksudkan tidak diluluskan sebagai undang-undang. Oleh itu soal kesan-kesan sebenarnya ke atas perdagangan Malaysia-Amerika Syarikat tidak berbangkit.

Sebagai menjawab bahagian kedua soalan itu, ingin saya menjelaskan bahawa tindakan untuk mempelbagaikan perdagangan Malaysia dilakukan secara dua serampang. *Pertamanya* tindakan diambil untuk *mempelbagaikan pasaran* barangan Malaysia ke pasaran-pasaran baru melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- (a) penghantaran rombongan perdagangan ke negara-negara luar selain daripada rakan perdagangan utama kita;
- (b) penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan antara-bangsa untuk memperkenalkan barangan eksport Malaysia dan untuk meningkatkan hubungan pengusaha dan pengeksport tempatan dengan pengimport-pengimport luar negeri.

- (c) pemberian khidmat runding dan penyebaran maklumat kepada pengeksport tempatan melalui MEXPO mengenai pesanan-pesanan bagi barangan keluaran Malaysia daripada pengimport-pengimport luar negeri;
- (d) penggalakan rombongan pembelian (dengan izin "buying missions") dari luar negeri di bawah program kerjasama perdagangan untuk melawat Malaysia dan mengadakan hubungan perdagangan dengan pengeluaran dan pengeksport tempatan; dan
- (e) rundingan dua hala dan pelbagaihala untuk mendapatkan penurunan tarif, tarif istimewa, penghapusan langkah bukan tarif dan lain-lain langkah pembukaan pasaran oleh negara-negara rakan perdagangan kita.

Serampang *keduanya* ialah merupakan beberapa langkah dasar untuk menggalakkan *pelbagaian barangan* eksport iaitu termasuk:

- (a) mengadakan insentif bagi menggalakkan eksport termasuk bagi barangan pembuatan yang berasaskan sumber;
- (b) melonggarkan syarat-syarat pelaburan tertentu bagi menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk melabur dan mengusahakan pengeluaran barangan siap dan barangan yang berasaskan sumber yang sebahagian besarnya dieksport ke pasaran luar negeri; dan
- (c) menggalakkan usaha-sama di antara pelabur tempatan dan pelabur asing bagi memperolehi kepakaran dan teknologi untuk tambahan nilai dalam proses pembuatan barangan yang dieksport.

PEREMBA - PUNCA KERUGIAN

21. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab-sebab dan punca kerugian yang berterusan yang dialami oleh "PEREMBA" sehingga syarikat ini menanggung liability yang melebihi daripada aset dan hari ini berapa dalam keadaan yang tenat, nyatakan:

- (a) berapa jumlah kerugian yang sebenar;
- (b) adakah syarikat ini akan ditutup. Kalau ya, bila; dan kalau tidak mengapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Haji Taha): Peremba Berhad telah ditubuhkan pada 3 Mei 1979 sebagai Syarikat Induk UDA yang bergiat dalam sektor pembangunan hartanah sebagai aktiviti utamanya. Oleh yang demikian, kedudukan prestasi kewangannya adalah sangat berkait rapat dengan prestasi keseluruhan dalam industri berkenaan.

Semasa Peremba Berhad ditubuhkan kedudukan industri hartanah berada di tahap yang amat memuaskan, maka prestasi keseluruhan Peremba Berhad turut membanggakan. Pada tahun pertama operasinya iaitu pada tahun 1980 sehinggalah pada tahun 1984, Peremba Berhad telah berjaya mencatatkan keuntungan yang memuaskan. Kedudukan keuntungannya adalah sepertimana berikut:

Tahun	<i>Keuntungan Semasa (Akaun yang disatukan)</i>
1980	\$ 6.559 juta
1981	\$31.034 juta
1982	\$ 3.862 juta
1983	\$43.663juta
1984	\$14.796juta

Sektor hartanah yang mulai terjejas telah mempengaruhi prestasi kewangan Peremba Berhad. Pada tahun 1985 di

mana Peremba Berhad telah mencatatkan kerugian sebanyak \$0.851 juta dan seterusnya pada tahun 1986 kerugian sebanyak \$65.819 juta. Di samping berpunca daripada kelembapan di dalam industri hartanah sendiri, kerugian ini turut berpunca daripada penglibatan Peremba Berhad di dalam projek-projek yang memerlukan pelaburan yang besar dan memerlukan jangka masa pulangan yang panjang. Projek-projek berkenaan termasuk UBN Holdings dan juga Golf Resort yang mana projek-projek berkenaan masih belum mampu memberikan pulangan kepada Peremba Berhad.

Sehingga kini sungguhpun kerugian yang dicatatkan pada tahun 1986 adalah besar, akan tetapi ianya tidaklah sampai ke tahap yang memerlukan Peremba Berhad perlu ditutup. Kedudukan aliran tunai yang memuaskan serta prospek industri hartanah sendiri yang dijangka akan pulih pada tahun-tahun akan datang dijangka akan dapat memperbaiki daya maju dan seterusnya akan dapat membaikpulih prestasi.

Sungguhpun Peremba Berhad berada di dalam kerugian akan tetapi kedudukan nilai harta-hartanya adalah masih besar dan mampu untuk menyelesaikan tanggungan-tanggungannya. Sehingga akhir tahun 1986, jumlah harta-hartanya adalah sebanyak \$521.2 juta sedangkan jumlah tanggungannya hanyalah sebanyak \$269.3 juta sahaja. Kenyataan Yang Berhormat berkenaan yang mengatakan kedudukan tanggungan Peremba Berhad yang melebihi daripada jumlah hartanya adalah tidak tepat.

BANTUAN MANGSA- MANGSA BANJIR

22. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan adakah cadangan supaya

diadakan satu Pasukan Penyelamat Khas yang bertugas setiap masa dengan menyediakan bot-bot untuk menyelamatkan nyawa yang dihanyutkan oleh air sama ada di sungai-sungai ataupun longkang-longkang besar di Kuala Lumpur kerana perkara ini sering berlaku dan apabila kemalangan berlaku terpaksa pula berhubung beberapa jabatan untuk meminta bantuan bagi mencari mangsa-mangsa atau mayat yang telah dihanyutkan oleh air.

Tuan Othman bin Abdullah: Usaha-usaha memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir adalah usaha-usaha terselaras yang melibatkan banyak agensi. Peranan agensi-agensi ini tertakluk kepada jenis aktiviti yang dijalankan seperti usaha-usaha pemindahan, menyelamatkan, penyediaan pusat-pusat pemindahan, kebajikan mangsa-mangsa semasa di pusat-pusat pemindahan, penjagaan, rawatan perubatan dan kesihatan dan sebagainya.

Bagi kawasan Kuala Lumpur, memang telah wujud Pasukan Penyelamat Khas di bawah tanggungjawab Direktorat Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya yang merupakan agensi penyelarasan dan utama dalam memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai beberapa buah bot untuk melaksanakan tugas menyelamatkan dan memindah. Bilik Gerakan Bencana Alam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur digerakkan selama 24 jam dan dianggotai oleh seramai 16 orang yang sentiasa siap sedia untuk menjalankan tugas mereka semasa keadaan memerlukan.

Adalah wajar pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur meminta bantuan daripada agensi-agensi lain, seperti Polis Di Raja Malaysia, dalam usaha-usaha menyelamatkan dan mencari mangsa yang dihanyutkan oleh air. Apa yang penting ialah kemampuan Pasukan

Penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tiba di tempat kejadian secepat mungkin dan memberi bantuan awal.

PROJEK LEMBU DAGING

23. **Tuan Basri bin Bajuri** minta Menteri Pertanian Malaysia sama ada Kementerian melalui agensi-agensi atau pengswastaan merancang untuk mewujudkan projek menternak lembu daging dan tenusu secara besar-besaran. Jika ya, bilakah pelaksanaannya dan jika tidak mengapa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Kajian perancangan awalan untuk mengadakan satu projek lembu daging secara besar-besaran sedang diadakan. Projek ini berbentuk integrasi vertikal, yang mana akan melibatkan kegiatan-kegiatan sehubungan dan perhiliran, seperti penyembelihan dan pemrosesan daging, perkilangan makanan ternakan, pengeluaran baja, pemrosesan kulit dan urusan pengeksportan, di samping urusan utama, iaitu pehternakan lembu pedaging secara fidlot. Ianya juga melibatkan penyertaan dan pelaksanaan beberapa pihak swasta dan kerajaan, dan jika didapati menguntungkan, akan dimulakan pada tahun 1990.

Buat masa ini, Kementerian Pertanian tidak merancang untuk menubuhkan perladangan tenusu secara besar-besaran, selain dari apa yang sedang dilaksanakan sekarang, iaitu program penternakan tenusu. Dari segi penyertaan para penternak dan penghasilan susu, program ini sudah pun boleh dianggap sebagai projek bertahap besar-besaran.

TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

24. **D. V. DAVID** minta Menteri Dalam Negeri adakah beliau sedar bahawa jaminan telah diberi di Dewan

yang mulia ini bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri akan digunakan semata-mata terhadap anasir-anasir komunis dan bukan untuk tujuan lain. Jika beliau sedar, kenapa ada sebilangan besar pembekal dadah, kakitangan Jabatan Imigresen dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Adakah ini merupakan satu penyelewengan kuasa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 telah digubal dan dirangka sedemikian rupa untuk membolehkan pihak berkuasa kerajaan menghadapi ancaman-ancaman bukan sahaja daripada anasir-anasir komunis tetapi juga meliputi apa-apa kegiatan atau penglibatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Adalah tidak benar sebilangan besar pengedar dadah ditahan di bawah AKDN 1960. Semua kes-kes penahanan yang melibatkan pengedaran dadah adalah diambil di bawah peruntukan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

Bersabit dengan kes beberapa orang kakitangan Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara yang ditahan di bawah AKDN 1960, kegiatan-kegiatan mereka adalah melibatkan penyelewengan kedudukan mereka sebagai kakitangan awam dalam membekalkan dokumen-dokumen penting secara pemalsuan seperti paspot, kad pengenalan, sijil kewarganegaraan dan sijil beranak kepada warganegara asing dan juga orang-orang tempatan yang tidak berhak disisi undang-undang memilikinya. Penglibatan mereka ini adalah dianggap sebagai kegiatan yang boleh mengancam dan memudaratkan keselamatan negara kerana orang-orang asing berkenaan dapat bergerak dengan bebas di samping menikmati keistimewaan-keistimewaan sebagai war-

ganegara Malaysia secara tidak sah disisi undang-undang.

Adalah tidak benar penahanan mereka-mereka ini di bawah AKDN 1960 ditakrifkan sebagai satu penyelewengan kuasa kerana tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa polis adalah untuk menjaga kepentingan keselamatan negara dari sebarang bentuk ancaman mengikut peruntukan undang-undang.

PEMBELIAN RUMAH TANPA RIBA

25. **Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah dengan cadangan LUTH bagi mengadakan sistem Pinjaman Membeli Rumah kepada penyimpan-penyimpannya.

Tuan Othman bin Abdul: Bilangan pendeposit terkumpul Tabung Haji hingga 31 Mei 1988 adalah seramai 1,212,363 orang dan jumlah simpanan terkumpul pada 31 Mei 1988 adalah sebanyak \$2.42 ribu juta. Manakala simpanan bersih (setelah ditolak pengeluaran wang naik haji dan lain-lain tujuan) adalah sebanyak \$730.6 juta.

Cadangan Tabung Haji untuk mewujudkan sistem pembelian rumah tanpa riba adalah merupakan cadangan jangka panjang Tabung Haji. Pelaksanaannya bergantung kepada beberapa faktor. Salah satu faktor penting ialah apabila kedudukan kewangan Tabung Haji lebih kukuh serta mampu memberi perkhidmatan tersebut. Ini boleh tercapai jika lebih ramai umat Islam menjadi pendeposit dan menyimpan dengan Tabung Haji. Buat masa ini hanya 1.2 juta umat Islam sahaja (15%) yang menjadi pendeposit Tabung Haji berbanding dengan jumlah umat Islam di negara ini seramai 8.5 juta orang. Juga kadar simpanan purata bagi seorang pendeposit ialah di antara \$400.00 hingga \$500.00 sahaja dan

Tabung Haji sedang berusaha supaya jumlah kadar purata itu ditingkatkan kepada \$1,000.00 seorang sekurang-kurangnya.

Setelah kedudukan kewangan Tabung Haji bertambah kukuh barulah sistem pembelian rumah tanpa riba itu boleh dipertimbang dan dilaksanakan. Keutamaan perkhidmatan ini akan diberi kepada pendeposit Tabung Haji.

FELDA - BAKAL PENEROKA DITEMUDUGA

26. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) kenapa masih banyak bakal-bakal peneroka yang telah ditemuduga hampir 15 tahun belum dipanggil dan tidak ada apa-apa surat diberi sama ada mereka diterima atau tidak;
- (b) kenapakah masih banyak didapati jalan-jalan di dalam FELDA seperti FELDA Ijok masih belum memuaskan dan apakah langkah yang telah sedang dan akan diambil berhubung dengan perkara tersebut.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus):

- (a) Kebanyakan bakal-bakal peneroka yang telah ditemuduga tidak dapat ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA memandangkan bahawa ramai di antara mereka berasal dari negeri-negeri yang mana tidak mempunyai rancangan-rancangan FELDA. Oleh kerana Kerajaan Negeri telah mengenakan syarat di mana mereka lebih mengutamakan bakal-bakal peneroka yang terdiri daripada anak negeri masing-masing, maka ramai di antara

bakal-bakal peneroka yang telah ditemuduga belum dapat ditempatkan. Untuk makluman Y. B. penempatan bakal-bakal peneroka adalah tertaktuk kepada persetujuan Kerajaan Negeri di mana calon-calon akan ditempatkan.

- (b) Jalan-jalan dalam rancangan FELDA di bawah penyeliaan Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja menaikkan taraf jalan dan penjagaan dilaksanakan oleh Jabatan berkenaan bergantung kepada peruntukan yang diperolehi. Keutamaan diberi kepada rancangan-rancangan lama di mana keadaan jalan-jalan yang ada tidak memuaskan. Kerja-kerja menaikkan taraf jalan dan penjagaan bagi jalan-jalan kampung di rancangan FELDA Ijok telah disiapkan dalam bulan Oktober 1987.

TELUK PARSİ - KESELAMATAN PELAYARAN

27. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah ia suka Amerika berada di Teluk Parsi dalam ketegangan sekarang dan adakah beliau bersetuju bahawa kehadiran Amerika itu memudahkan ketegangan di rantau itu diatasi.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Malaysia berpendapat bahawa Teluk Parsi adalah perairan antarabangsa maka keselamatan pelayaran di Teluk mestilah dihormati oleh semua pihak. Kehadiran Amerika Syarikat di kawasan Teluk ialah untuk menjamin keselamatan pelayaran ini terutamanya bagi kapal-kapal mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia juga sedar bahawa kehadiran Amerika Syarikat di situ boleh mengeruhkan lagi suasana serta meningkatkan lagi ketegangan di rantau tersebut. Oleh yang demikian,

kita amat berharap supaya Amerika Syarikat tidak mengambil sebarang tindakan yang boleh menambahkan ketegangan dan sebaliknya perlu mengamalkan sikap yang lebih berhati-hati.

RUMAH KOS RENDAH - SASARAN

28. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) setakat manakah rancangan khas rumah kos rendah untuk membina 80,000 setahun bagi tempoh 3 tahun 1986-1988 telah mencapai sasarannya;
- (b) jika tidak, apakah sebabnya; dan
- (c) apakah tindakan kementerian yang akan diambil untuk mencapai sasarannya.

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30-4-1988, sejumlah 680 projek atau 240,000 unit telah disasarkan untuk pelaksanaan di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah bagi tempoh 3 tahun mulai Julai, 1986 hingga Jun, 1989. Pecahan sasaran tersebut bagi ketiga-tiga tahun pelaksanaan adalah seperti berikut:-

	<i>Projek</i>	<i>Unit</i>
Tahun Pertama (Julai 1986-Jun 1987)	184	79,755
Tahun Kedua (Julai 1987-Jun 1988)	289	100,087
Tahun Ketiga (Julai 1988-Jun 1989)	207	60,158
	<u>680</u>	<u>240,000</u>

Bagi tahun pertama dan kedua, sehingga 30 April 1988,

sejumlah 15,042 unit telah dapat disiapkan manakala sebanyak 59,445 unit lagi sedang dalam peringkat pembinaan.

- (b) Berasaskan kepada unit-unit rumah yang siap dibina di bawah program khas, pencapaian sehingga 30 April 1988 tersebut masih belum memuaskan. Di antara beberapa masalah yang dikenalpasti yang menyebabkan kemajuan pelaksanaan yang tidak memuaskan ialah:

- (i) Tapak-tapak yang dikenalpasti kurang sesuai dimajukan serta merta akibat ciri-ciri fizikal tapak dan dah segi permintaan berkesan. Ini menimbulkan masalah-masalah seperti kos pembangunan yang tinggi, kesulitan memperolehi pembiayaan dan masalah dalam memperolehi kelulusan perancangan dan infrastruktur; dan

- (ii) Bagi tapak-tapak yang sesuai pula, terdapat juga masalah-masalah lain yang wujud. Di antaranya termasuklah pemaju/kontraktor yang dipilih kurang keupayaan/kebolehan melaksanakan projek, kelewatan dalam pemilihan pemaju kontraktor dan kelewatan memperolehi kelulusan berkaitan dengan pembangunan perumahan seperti tukar syarat dan pecah sempadan tanah, pelan infrastruktur dan pelan pembangunan.

- (c) Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dan seterusnya mencapai sasarannya, Kerajaan telah dan sedang mengambil

beberapa tindakan seperti berikut:-

- (j) Memilih tapak-tapak projek yang sesuai dan 'viable' dimajukan dengan serta merta terutamanya bagi projek-projek yang akan datang (tahun ketiga);
- (ii) Mempercepatkan pemilihan pemaju/kontraktor serta menentukan pemaju/kontraktor yang dipilih adalah sesuai serta mempunyai kebolehan/keupayaan melaksanakan projek;
- (iii) Memberi intensif dan galakan kepada pemaju supaya membina lebih banyak rumah kos rendah serta mempercepatkan pelaksanaannya. Di antara galakan ini termasuklah mempercepatkan kelulusan perancangan, mengurangkan piawaian-piawaian tertentu, mengurangkan bayaran premium tanah dan mengecualikan bayaran ukur.
- (iv) Memberi galakan kepada pembeli rumah kos rendah dengan tujuan meningkatkan permintaan berkesan. Galakan yang dimaksudkan termasuklah penetapan kadar faedah pinjaman yang rendah, kelonggaran syarat pinjaman bagi pembelian rumah serta mengecualikan bayaran duti setem.

PEMERIKSAAN BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN

29. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kerjaraya menjelaskan operasi pemeriksaan bangunan-bangunan milik

Kerajaan di seluruh negara sudahkah dijalankan sepenuhnya. Hasil daripada penyiasatan ini bagaimanakah keadaan sistem kelengkapan mencegah kebakaran bangunan-bangunan tersebut. Apakah tindakan Kerajaan terhadap pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang masih menghisap rokok di dalam bangunan Kerajaan.

Tuan Luhah Wan: Pihak Kerajaan telah pun memulakan pemeriksaan kelengkapan alat-alat mencegah kebakaran bagi semua bangunan milik Kerajaan Persekutuan sejak 1980. Walau bagaimanapun sehingga ini hanya pemeriksaan bangunan milik Kerajaan Persekutuan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sahaja yang telah siap dilakukan. Bagi bangunan-bangunan milik Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri, pemeriksaannya masih dijalankan dan akan disiapkan dalam sedikit masa lagi. Hasil pemeriksaan bangunan Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mendapati bahawa alat mencegah kebakarannya adalah tidak memenuhi semua keperluan-keperluan Jabatan Bomba. Oleh kerana pemeriksaan masih dilakukan sekarang bagi bangunan-bangunan Kerajaan di negeri-negeri, maka keadaan bangunan-bangunan sama ada ianya memenuhi keperluan-keperluan Jabatan Bomba atau tidak belum dapat ditentukan lagi. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil tindakan jika perlu untuk mengubahsuai bangunan-bangunan tersebut supaya dapat memenuhi keperluan-keperluan Jabatan Bomba sebaik sahaja pemeriksaan telah siap dan hasilnya diketahui.

Mengenai pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang masih menghisap rokok di dalam bangunan Kerajaan, tindakan tatatertib mengikut perintah Am, Bab D boleh diambil.

AIDS - RAWATAN

30. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri

Kesihatan Menyatakan: tindakan susulan yang akan diambil oleh Kementerian sama ada dalam bentuk rawatan penjagaan, terhadap mereka yang dikenal pasti sebagai AIDS, terutama sekali apabila tanda-tanda penyakit tersebut menjelma selepas kira-kira lima bulan?

Apakah kemungkinan kementerian akan membenarkan percubaan ubat-ubatan baru yang mana dikaji di luar negeri seperti AZT (Azidothymidine) atau "anti-viral agent", ke atas pembawa AIDS di Malaysia, andainya pembawa tersebut memberi keizinan? Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pembawa AIDS adalah diperlukan menghadiri rawatan susulan dari masa ke semasa yang diberikan oleh seorang pakar perubatan. Rawatan susulan ini merangkumi rawatan perubatan, kajian makmal dan juga kaunseling.

Kementerian Kesihatan tidak bercadang pada masa ini untuk menggunakan ubat AZT kepada pembawa AIDS di Malaysia.

Ubat ini, yang sangat toxic, hanya digunakan sebagai percubaan sahaja oleh negara-negara yang menggunakannya dan kekesanannya masih lagi diragukan. Banyak negara-negara di dunia ini tidak menggunakan ubat tersebut.

PENYAKIT HAEMOPHILIA

31. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah Kerajaan bercadang membayar pampasan kepada budak berumur 7 tahun yang mengidap penyakit haemophilia yang ditimpa dengan penyakit AIDS kerana transfusi darah kerana Kerajaan mempunyai tanggungjawab moral ter-

hadap budak tersebut jika tidak, mengapa.

Dato' K. Pathmanaban: Saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk memberi apa-apa pampasan kepada pesakit haemophilia berkenaan. Bagaimanapun pesakit tersebut akan terus diberi apa-apa rawatan yang diperlukannya dengan secukup-cukupnya dan dengan percuma.

MAKTAB TEKNIK CHERAS — DISIPLIN

32. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan minta Menteri Pendidikan menerangkan kesan tindakan disiplin yang beliau kenakan kepada Maktab Teknik Cheras. Adakah ini melambangkan kelemahan dari aspek pentadbiran sekolah di setengah sekolah dan maktab di seluruh negara. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan kursus-kursus pentadbiran kepada pengetua-pengetua dan guru-guru besar baik dari sekolah rendah mahupun sekolah menengah dan maktab untuk mengseragamkan pentadbiran sekolah di seluruh negara.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan tegas Kementerian Pendidikan terhadap Sekolah Menengah Teknik Cheras untuk membaiki disiplin dan kebersihan sekolah tersebut memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah berkenaan bahkan juga terhadap masyarakat umum. Pihak sekolah ini telah berusaha untuk membaiki kebersihan sekolah dan tahap disiplin di kalangan pelajar-pelajarnya. Dalam tempoh yang singkat, atas kerjasama semua pihak, kebersihan sekolah ini telah berjaya ditingkatkan. Langkah-langkah yang positif telah diambil bagi memantapkan lagi disiplin pelajar-pelajar. Kementeri-

an Pendidikan telah dan sedang menjalankan kursus pengurusan dan pentadbiran bagi menyelaras dan menyeragamkan pentadbiran sekolah-sekolah dan maktab-maktab di seluruh negara. Di antara kursus-kursus ini termasuklah kursus Kepimpinan Profesional kepada guru-guru besar sekolah rendah yang baru dilantik, Kursus Kepimpinan Iktisas dan Rancangan untuk ketua-ketua Jabatan di maktab-maktab perguruan dan Kursus Kepimpinan dan Pengurusan untuk Pengetua dan Naib Pegetua Maktab Perguruan.

KEM TAHANAN KEMUNTING - LAWATAN

33. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar pihak Amnesty International dan International Red Cross telah memohon untuk melawat orang-orang tahanan di Kem Tahanan Kemunting; jika ya, nyatakan balasan Kerajaan terhadap permohonan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pihak Amnesty International dan International Red Cross telah memohon untuk melawat orang-orang tahanan di Kem Tahanan Kemunting. Pihak International Red Cross telahpun mengadakan lawatannya pada 6 hingga 8 Mei 1986.

Mengenai permohonan pihak Amnesty International pula, walaupun kerajaan menyedari bahawa laporan-laporan Amnesty International yang lepas tidak pernah mencerminkan kedudukan sebenarnya dan memahami nilai-nilai atau menghargai keperluan negara, Kerajaan telahpun menetapkan tarikh untuk bertemu dan berbincang mengenai perkara berkenaan pada 6 Mei 1988. Walau bagaimanapun, pihak Amnesty International telah menangguhkan pertemuan itu. Kerajaan juga akan membenarkan International Red Cross melawat orang-orang tahanan di

Kem Tahanan Kemunting dalam tahun ini.

AKTA PERTUBUHAN 1966 - PERSETUJUAN DI RAJA

34. Tuan Mohammed Tawfik bin Tun Dr. Ismail minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan 1966 yang diluluskan di Dewan pada 18 Mac 1988 yang diperkenankan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong untuk persetujuan Di Raja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan 1966 yang diluluskan di Dewan pada 18 Mac 1988 telah memperolehi persetujuan Di Raja pada 15 Mei 1988 dan diterbitkan di dalam Warta Kerajaan pada 9 Jun 1988.

DASAR PENERAPAN NILAI- NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

35. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah setakat ini Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Kerajaan sudah terlaksana;
- (b) jika sudah, apakah dan dari segi apakah ianya sudah terlaksana, jika belum, mengapa; dan
- (c) apakah pihak Kerajaan berpuas hati bahawa pihak-pihak atasan termasuk Menteri dan pegawai tinggi Kerajaan telah bekerjasama dalam pelaksanaan dasar ini.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran telah dan sedang dilaksanakan;
- (b) peringkat pertama dalam pelaksanaan dasar itu ialah penerang-

an mengenai dasar itu dan peringkat kedua ialah penerapan nilai-nilai murni Islam itu di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan. Peringkat pertama telah selesai dilaksanakan. Pada masa ini pelaksanaannya adalah pada peringkat kedua. Ini dilaksanakan melalui kursus-kursus, seminar dan ceramah-ceramah serta kolokium dan juga penerbitan buku dan risalah. Rancangan-rancangan ini dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam JPM dan juga oleh agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain bagi pegawai dan kakitangan mereka. Di samping itu program latihan di pusat-pusat latihan pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah dimasukkan juga program penerapan nilai-nilai Islam ini.

- (c) Kerajaan berpuas hati dengan kerjasama Menteri-menteri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan dalam melaksanakan dasar ini.

BANJIR DI KOTA KINABALU - KAWALAN

36. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai pengumuman beliau bahawa keadaan ekonomi negara telah bertambah baik, sama ada kementerianya akan memperuntukkan semula 27 juta di bawah RML 5 kepada Kerajaan Sabah bagi melaksanakan tuntutan skim pengawalan banjir di Daerah Kota Kinabalu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sungguhpun keadaan ekonomi adalah semakin bertambah baik sekarang ini, namun begitu kesan kepada peningkatan hasil negara akan hanya dapat dirasakan dalam tahun berikutnya. Oleh yang demikian pada masa sekarang ini

Kerajaan masih lagi terpaksa berhati-hati dalam melaksanakan segala perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan. Hanya projek-projek yang berhubung secara langsung dengan pertumbuhan ekonomi akan diberi keutamaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan juga sedang mengkaji semula peruntukan Rancangan Malaysia Kelima dan projek yang dinyatakan oleh Y.B. itu bolehlah dikemukakan untuk dipertimbangkan berdasarkan kepada keutamaannya bersama-sama dengan projek-projek lain yang telah ditangguhkan.

TELEFON KE KAWASAN SETINGGAN

37. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan telefon tidak dibenarkan oleh beberapa Kerajaan Negeri setakat ini, kepada kawasan-kawasan setinggan. Jika sedar, sila terangkan sebab-sebab tidak membenarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Pihak Kementerian memang sedar bahawa terdapat beberapa Kerajaan Negeri yang tidak membenarkan bekalan perkhidmatan telefon ke kawasan-kawasan setinggan. Walau bagaimanapun peraturan dan arahan yang seragam mengenai kedudukan permohonan telefon bagi penduduk di kawasan setinggan di seluruh negara masih lagi di peringkat perbincangan oleh pihak STM.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perbincangan telah diadakan di antara Kerajaan Negeri dan pihak STM di mana pihak STM telah diminta memberi kerjasama supaya tidak memberi perkhidmatan telefon di

kawasan-kawasan setinggannya kepada setinggannya baru dan kilang-kilang baru yang tidak mendapat kelulusan Kerajaan Negeri dan biasanya didirikan di tanah belum tukar syarat dan kedudukannya adalah di luar kawasan zon perindustrian.

Ini juga adalah kerana pihak Kerajaan Negeri menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kembali tanah-tanah yang diduduki oleh pihak setinggannya bagi tujuan pembangunan. Perkhidmatan telefon juga tidak akan diberikan di mana tiada skim kabel.

Bagi negeri-negeri lain, permohonan telefon di kawasan setinggannya akan dikaji dengan teliti dan perkhidmatan telefon akan diberi setelah pihak STM mendapati pihak Kerajaan Negeri ada menyediakan bekalan air dan elektrik serta berdasarkan skim kabel telefon yang sedia ada.

Perkhidmatan telefon juga tidak akan diberi kepada kilang-kitang dan bengkel-bengkel haram dan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai skim bengkel.

PERSIDANGAN MENTERI- MENTERI LUAR PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI JORDAN

38. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pencapaian konkrit hasil Persidangan Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Negara-negara Islam Ke 17 yang berlangsung di Aman, Jordan dalam bulan Mac tahun ini, terutamanya sejauh mana persidangan ini telah berhasil dalam membincangkan dan memberi satu penyelesaian kepada isu kebangkitan orang-orang Palestin di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza yang diduduki oleh Regim Tel Aviv; dan

- (b) apakah isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Menteri Luar Negeri Malaysia di persidangan itu dan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dari segi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa berhubung perkara-perkara yang dibangkitkan oleh perwakilan Malaysia.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) Persidangan Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Negara-Negara Islam ke-17 yang berlangsung di Amman, Jordan dalam bulan Mac tahun ini telah mencapai beberapa hasil yang konkrit. Di antaranya, ia mengalukan keputusan negara-negara ASEAN untuk mengujudkan Kawasan Tenggara Asia yang bebas dari senjata-senjata nuklear (Nuclear Weapon Free Zone). Persidangan juga meluluskan rancangan jangka panjang untuk membiayai perdagangan (Long Term Trade Pinancing Scheme) yang telah memulakan tugasnya di bawah Bank Pembangunan Islam (IDB) dan juga berpuas hati di atas kemajuan yang dicapai oleh Pusat Pembangunan Perdagangan Islam (Islamic Centre for Development of Trade - (ICDT) dalam usahausahanya untuk melaksanakan Sistem Perdagangan Istimewa "Trade Preferential System" dan "Trade Information Network" (TINIC) di kalangan anggota OIC. Di dalam rangka ini, ia menyokong penganjuran Expo Perdagangan Islam yang ketiga di Kaherah, Mesir dalam bulan Oktober 1988 ini.

Persidangan itu juga telah meluluskan Perjanjian Galakan, Perlindungan dan Jaminan Pelaburan antara negara-negara ahli yang telah mula berperanan semenjak bulan Februari 1988,

selepas mendapat kelulusan dari negara-negara anggota.

Berhubung dengan isu kebangkitan rakyat Palestin di Tebing Barat Sungai Jordan dan Semenanjung Gaza, Persidangan dengan sebulat suara menyokong tindakan rakyat Palestin dan menamakan Persidangan yang ke-17 itu sebagai "Sessi Perpaduan Umat Islam Dengan Rakyat Palestin", ini sebagai menghormati pengorbanan dan perjuangan rakyat Palestin. Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) juga telah diiktiraf sebagai wakil tunggal yang sah bagi rakyat Palestin dengan hak-haknya.

- (b) Di antara isu-isu utama yang dikemukakan oleh Malaysia di Persidangan itu ialah soal penyalahgunaan dadah dan rancangan-rancangan yang berkaitan dengannya. Persidangan telah menerima usul dari Malaysia yang telah disokong oleh Turki supaya ahli-ahli OIC bekerjasama dalam rancangan membenters dadaah, yang berdasarkan kepada nilai-nilai Islam.

Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam membincangkan isu-isu keselamatan dan perpaduan di kalangan anggota OIC dan menyokong cadangan Kerajaan Turki untuk mengkaji persoalan peningkatan kewibawaan dan keselamatan di kalangan negara-negara ahli. Persidangan telah bersetuju melantik 5 orang kenamaan termasuk seorang dari Malaysia untuk menyediakan kajian ini yang akan dibentang di Persidangan akan datang.

Dalam bidang kebudayaan pula, Malaysia sekali lagi menekankan betapa pentingnya projek universiti-universiti Islam. Hasilnya Persidangan menggesa semua negara-negara ahli

supaya memberi segala jenis bantuan kepada universiti-universiti Islam, termasuk Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia.

Sebagai pengiktirafan akan usaha-usaha kita di Persidangan ke-17 OIC ini, Malaysia telah dipilih sebagai jurucakap bagi kawasan Asia di Persidangan ini. Selain daripada itu Menteri Luar Malaysia juga telah dilantik sebagai salah seorang Timbalan Pengerusi Persidangan.

INDUSTRI PELANCONGAN - TARIKAN

39. Tuan Hsiang Yin Shean minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelancongan bukan hanya kecantikan pantai-pantai, bukit-bukit-peranginan dan pusat membeli belah tetapi kita kekurangan daya penarik ciptaan manusia dan masih perlu untuk membangunkan alam semula jadinya. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian beliau untuk menghasilkan sesuatu yang baru dan menartk-memandangkan yang operator-operator tempatan hanya dapat menjualnya tetapi tidak menciptanya. Dengan tema "As old as time, as new as tomorrow" di World Expo 88 yang berlangsung di Brisbane, apakah pencapaian yang diperolehi setakat ini oteh mereka yang diutus untuk menarik pelanconge negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memang sedar bahawa tarikan pelancongan bukan hanya melibatkan kecantikan alam semula jadi tetapi projek-projek ciptaan manusia termasuk kemudahan-kemudahan infrastruktur juga memainkan peranan yang besar dalam usaha-usaha menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Untuk mengenal pasti dan meningkatkan lagi produk-produk pelancongan. Kementerian telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa yang dianggotai oleh kesemua wakil-wakil kerajaan-kerajaan negeri, jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan pusat serta wakil-wakil dari sektor swasta yang terlibat dalam industri pelancongan untuk merancang dan membuat keputusan mengenai projek-projek pelancongan yang merangkumi projek-projek untuk membangunkan alam semula jadi serta projek-projek ciptaan manusia. Jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan ialah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Induk Pelancongan yang dianggotai oleh semua ahli Exco serta wakil-wakil pelancongan di peringkat negeri dan wakil-wakil dari agensi-agensi pusat.
- (ii) Jawatankuasa Product Development yang dianggotai oleh wakil-wakil dari agensi-agensi pusat dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta.

World Expo 88 sedang berlangsung di Brisbane dan adalah terlalu awal pada masa ini untuk menentukan pencapaian yang diperolehi. Walaupun demikian Astaka Malaysia di Expo tersebut dikunjungi oleh lebih kurang 17,000 pelawat dalam satu hari dan sehingga 20 Jun 1988 seramai 900,000 orang telah melawat Astaka Malaysia iaitu termasuk seramai 50,000 pelawat pada 'preview day' bertarikh 23 April yang lalu. Astaka Malaysia juga ditayangkan dalam iklan beberapa syarikat seperti Syarikat Kodak International dan juga dalam iklan pihak penganjur Expo ini.

(Soalan No. 40. Sila lihat jawapan No. pada 27.6.88)

**PROJEK DI KAWASAN
PARLIMEN BUKIT MERTAJAM**

41. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada cadangan projek-projek kecil 1988 untuk Kawasan Parlimen Bukit Mertajam yang dikemukakan oleh beliau (Tuan Chian Heng Kai) melalui Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah pada 26 Februari 1988 telah dipanjangkan untuk dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan nyatakan apakah setiap satu projek yang diluluskan itu dengan belanjanya.

Tuan Othman bin Abdul: Setakat ini Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah tiada menerima surat daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Mertajam bertarikh 26 Februari 1988 yang dinyatakan. Bagaimana Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah ada menerima surat bertarikh 29 hb. Februari 1988 yang mengandungi permohonan untuk melaksanakan 2 buah projek di Kawasan Parlimen Bukit Mertajam seperti berikut:-

- (i) Membina semula tandas awam di pasar Awam Bukit Mertajam,
- (ii) Mengorek parit di Mukim 8, Permatang Pasir.

Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah telah mengkaji kedua-dua projek tersebut dan mendapati keutamannya rendah berbanding dengan projek-projek lain yang telah dilaksanakan di kawasan berkenaan dengan jumlah peruntukan yang terhad.

**PELANCONG DI LANGKAWI -
KESELAMATAN**

42. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah keselamatan pelancong yang menaiki dan turun dari feri di jeti-jeti Kuala Perlis dan Kuah, Langkawi;
- (b) apakah usaha Kementerian ini dalam kegiatan menarik pelan-

congong luar negeri bagi peningkatan industri pelancongan di Pulau Langkawi;

- (c) adakah Kementerian bercadang untuk menambah perkhidmatan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Langkawi melalui Lapangan Terbang Kepala Batas Alor Star; dan
- (d) apakah tindakan Kementerian mencegah perbuatan pelancong yang berbogel di Pantai negara ini.

Tuan Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Keselamatan berkaitan dengan pengangkutan laut adalah di bawah kuasa Jabatan Laut. Di bawah 'Ordinan Perkapalan Saudagar', setiap bot atau feri yang membawa penumpang disyaratkan berdaftar dengan Jabatan Laut. Ianya hendaklah memenuhi syarat-syarat dari segi pembinaan, peralatan keselamatan penumpang seperti jaket keselamatan, alat pemadam kebakaran dan lain-lain. Di samping itu setiap bot atau feri berkenaan hendaklah mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengawal dan memastikan keselamatan penumpang.

Pihak Jabatan Laut mengawasi segala syarat-syarat ini diikuti dan dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha bot atau feri dan mengawal kesesakan di jeti serta memastikan penumpang-penumpang feri turun dan naik dengan selamat.

Untuk menjamin keselamatan para pengguna ataupun pelancong dengan menyediakan perkhidmatan yang lebih selesa, Jabatan Laut telah merancang untuk membesarkan mengubahsuai jeti Kuah sesuai dengan penggunaannya yang kiat me-

ningkat. Projek yang dijangka menelan belanja \$7.62 juta tersebut dijangka siap dalam bulan Oktober 1989. Projek pembaikan/ubahsuai juga telah dilaksanakan di jeti Kuala Perlis di mana projek tersebut dimulakan dalam bulan Ogos 1986 dan siap dalam bulan November 1987 dengan kos projek sebanyak \$452,578.01. Projek ini termasuklah pembinaan pagar-pagar keselamatan dan jalan dua hala untuk kemudahan penumpang-penumpang dan para pelancong.

- (b) Sebagai langkah untuk menarik pelancong luar negeri bagi peningkatan industri pelancongan di Pulau Langkawi, usaha-usaha telah dan akan terus dibuat untuk menggalakkan pembangunan tarikan-tarikan pelancong di pulau tersebut. Ini termasuklah menarik minat sektor swasta mendirikan kemudahan-kemudahan penginapan, pusat membeli-belah dan aktiviti-aktiviti riadah seperti sukan laut dan lain-lain.

Pada masa ini terdapat 3 buah hotel lagi sedang dirancang/dilaksanakan di Pulau Langkawi. Di samping itu projek-projek seperti mengindah dan menyediakan kemudahan pelancongan di Makam Mahsuri, pembinaan kemudahan-kemudahan di Tasik Dayang Bunting, projek pengindahan untuk seluruh Pulau Langkawi, projek papan tanda pelancongan dan pusat penerangan petancongan sedang dilaksanakan.

Dari segi pemasaran pula, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah dan akan terus menonjolkan Pulau Langkawi di dalam aktiviti pengiklannannya di samping lain-lain destinasi pelancongan utama

negara terutamanya di dalam majalah-majalah serta media massa antarabangsa. Risalah-risalah mengenai Pulau Langkawi juga diterbitkan dan diedarkan di dalam dan di luar negeri di samping membuat filem, pita video dan persembahan pandang dengan (A/V Show). Perbadanan juga terus menggalakkan para pengusaha pengembaraan di dalam dan luar negeri menambahkan tawaran 'package holiday' ke Pulau Langkawi. Pulau Langkawi juga diliputi di dalam program lawatan penulis-penulis rombongan filem dan agen-agen pelancongan dengan tujuan mendapatkan publisiti yang meluas ke atas pulau tersebut sebagai destinasi yang menarik.

Di samping itu dijangkakan pada akhir tahun ini perkhidmatan penerbangan terus antara Singapura dan Langkawi akan diperkenalkan.

- (c) Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) belum ada menjalankan perkhidmatan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Langkawi melalui Lapangan Terbang Kepala Batas Alor Star. Walau bagaimanapun MAS telah pun mengadakan sebanyak 7 penerbangan seminggu antara Kuala Lumpur dengan Pulau Langkawi melalui Pulau Pinang. Adalah didapati bahawa perkhidmatan yang ada sekarang mencukupi untuk menampung permintaan yang ujud bagi perjalanan ke Pulau Langkawi.

Memandangkan terdapatnya kemudahan tersebut, MAS buat masa sekarang tidak ada rancangan untuk menambah perkhidmatan ke Pulau Langkawi dengan mengadakan penerbangan melalui Alor Star. Walau

bagaimanapun, MAS akan mengkaji permintaan trafik dari Alor Star ke Pulau Langkawi samada ia dapat menampung perkhidmatan di sektor berkaitan.

- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbuatan pelancong yang berbogel di pantai tidak pernah berlaku. Sekiranya perkara ini berlaku, sesiapa sahaja yang lakukannya akan di tangkap oleh pihak berkuasa.

PERJANJIAN PERDAGANGAN MALAYSIA-CHINA

43. Dato' Dr. Affudin bin Hj. Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah perjanjian perdagangan bilateral dengan Republik Rakyat Cina yang akan menurunkan tariff ke atas barangan eksport Malaysia akan ditandatangani. Apakah sebabnya, mengapa ianya tidak dapat ditandatangani walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat lawatan rasmi ke Republik Rakyat Cina.

Dato' Kok Wee Kiat: Perjanjian Perdagangan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China telahpun ditandatangani pada 1hb. April, 1988 yang lalu. Dengan adanya Perjanjian Perdagangan ini, barangan Malaysia yang diimport ke RRC dikenakan kadar duti minima (most favoured nation rates). Kadar duti minima ini adalah 10% hingga 20% kurang dari kadar am. Keadaan ini akan meningkatkan daya saing barangan Malaysia dalam pasaran RRC. Pada masa yang sama ianya akan menggalakkan Perbadanan-Perbadanan Kerajaan RRC mengimport secara terus dari Malaysia dan tidak melalui negara ke tiga.

Manakala RRC pula akan mendapat faedah dari segi meningkatkan eksport barangan mereka ke Malaysia. Ini adalah kerana komisyen 12% yang dikenakan ke atas "barang-barang import" dari RRC telah dihapuskan dengan termansuhnya permit AP yang dimaksudkan itu.

LADANG GETAH MILIKAN SYARIKAT EROPAH

44. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad meminta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah keluasan ladang-ladang getah yang dimiliki oleh Syarikat British di seluruh negara bagi tempoh 57 hingga

69 dari 69 hingga 79. Bagaimana tanah-tanah itu diperolehi sama ada cara membeli atau hadiah. Apakah usaha Kerajaan mengimbangkan milik harta tersebut di atas di antara warganegara kita dengan Syarikat-syarikat asing.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunis: Di seluruh Semenanjung jumlah luas ladang-ladang getah yang dimiliki oleh Syarikat-syarikat Eropah (yakni terdiri daripada 95% Syarikat-syarikat British dan 5% Syarikat-syarikat negara-negara Eropah yang lain) dalam tempoh 1957 hingga 1966 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah luas ladang getah (hektar)	Luas ladang getah kepunyaan Syarikat-syarikat Asia	Luas ladang getah kepunyaan Syarikat-syarikat British dan Eropah	Peratusan luas ladang getah milikan Syarikat British dan Eropah
1957	809,000 ha.	289,000 ha.	520,000 ha.	64.3%
1958	792,000 ha.	292,000 ha.	500,000 ha.	63.1%
1959	777,000 ha.	299,000 ha.	478,000 ha.	61.5%
1960	773,000 ha.	306,000 ha.	467,000 ha.	60.4%
1961	776,000 ha.	310,000 ha.	466,000 ha.	60.1%
1962	771,000 ha.	309,000 ha.	462,000 ha.	59.9%
1963	768,000 ha.	310,000 ha.	458,000 ha.	59.6%
1964	757,000 ha.	307,000 ha.	450,000 ha.	59.4%
1965	743,000 ha.	316,000 ha.	427,000 ha.	57.5%
1966	725,000 ha.	320,000 ha.	405,000 ha.	55.9%

Tanah-tanah ladang getah kepunyaan Syarikat-syarikat British telah mulai dibangunkan sebelum perang dunia kedua dan juga sebelum merdeka. Adalah dipercayai pada masa itu tanah-tanah itu telah diberimilikan kepada Syarikat-syarikat British yang berkenaan dengan dikenakan bayaran premium tanah dan lain-lain bayaran atas kadar namaan dan nominal.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas tadi, maka dapat diperhatikan

bahawa jumlah luas tanah ladang getah yang dimiliki oleh Warganegara Malaysia telah meningkat dari setahun ke setahun manakala jumlah luas tanah ladang getah milikan Syarikat-syarikat kepunyaan bukan Warganegara menurun tahun demi tahun. Ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan yang pada masa itu menggalakkan Syarikat-syarikat tempatan mengambil alih dengan cara membeli dan tukar milik ke atas ladang-ladang yang berkenaan.

Dalam tempoh tahun 1967 hingga tahun 1977, kedudukan milikan ladang-ladang getah dalam negeri-negeri Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah luas ladang getah	Milikan Warganegara Malaysia	Milikan lain-lain Syarikat	Milikan Syarikat syarikat British	Peratusan ladang Syarikat-syarikat British
1967	699,000 ha.	270,000 ha.	116,000 ha.	313,000 ha.	44.8%
1968	671,000 ha.	274,000 ha.	107,000 ha.	290,000 ha.	43.2%
1989	656,000 ha.	285,000 ha.	101,000 ha.	270,000 ha.	41.2%
1970	639,000 ha.	280,000 ha.	102,000 ha.	257,000 ha.	40.2%
1971	624,000 ha.	278,000 ha.	97,000 ha.	249,000 ha.	39.2%
1972	603,000 ha.	279,000 ha.	92,000 ha.	232,000 ha.	38.5%
1973	582,000 ha.	279,000 ha.	86,000 ha.	217,000 ha.	37.3%
1974	574,000 ha.	280,000 ha.	91,000 ha.	203,000 ha.	35.4%
1975	563,000 ha.	279,000 ha.	88,000 ha.	196,000 ha.	34.8%
1976	553,000 ha.	283,000 ha.	89,000 ha.	181,000 ha.	32.7%
1977	539,000 ha.	295,000 ha.	86,000 ha.	158,000 ha.	29.3%

Kedudukan milikan ladang-ladang getah di Semenanjung Malaysia dalam tempoh tahun 1978 hingga 1979 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah luas ladang getah	Milikan Warganegara Malaysia	Milikan bukan Warganegara Malaysia	Peratusan luas ladang getah milikan bukan Warganegara Malaysia
1978	523,000 ha.	313,000 ha.	210,000 ha.	40.2%
1979	508,000 ha.	311,000 ha.	197,000 ha.	38.8%

BANTUAN KEPADA PENUNTUT SEKOLAH

45. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan kadar pemberian atau bantuan yang diberikan kepada tiap-tiap satu kepala murid-murid atau penuntut-penuntut bagi semua jenis sekolah (Rendah dan Menengah serta Menengah Atas) pada masa sekarang, Nyatakan kadar yang tersebut berapa lama sudah berjalan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pemberian atau bantuan yang diberikan kepada tiap-tiap seorang murid atau penuntut bagi sekolah rendah, menengah dan menengah atas adalah berbeza-beza mengikut jenis

mata pelajaran serta berdasarkan bilangan murid atau pemmtut yang terdapat di sesebuah sekolah itu. Kadar yang digunakan ini adalah berdasarkan kadar yang telah diluluskan dalam tahun 1974.

BAYARAN ELEKTRIK HOTEL DI SABAH

46. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telckom dan Pos menjelaskan sama ada beliau sedar bahawa hotel-hotel di Sabah sedang membayar lebih kurang \$36,000.00 untuk bil elektrik setiap bulan, lebih daripada hotel-hotel di Semenanjung Malaysia. Jika benar, bilakah Menteri tersebut bercadang untuk mengurangkan kadar bayaran elektrik bagi industri hotel di Sabah demi untuk meningkat-

kan lagi intergrasi nasional, pelancongan dan penanam modal.

Tuan Ong Tin Kim: Memandangkan soalan Ahli Yang Berhormat dari Tawau dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru pada 8 Julai, 1988 merupakan soalan-soalan yang berkaitan dengan perkara yang sama, 'maka saya minta izin menjawab kedua-dua soalan ini secara bersama pada hari ini.

Kerajaan sememangnya berhasrat menggalakkan pertumbuhan industri-industri di negara ini termasuk industri pelancongan. Selaras dengan hasrat itu, beberapa rancangan telah dilaksanakan, di antaranya ialah mengurangkan kos infrastruktur dan kadar tarif. Lembaga Letrik Sabah (LLS) yang bertanggungjawab ke atas pembekalan elektrik di Sabah turut menyertai usahausaha Kerajaan itu dengan mengkaji semula kadar tarifnya apabila harga minyak bahanapi turun pada 1986. Kajian semula ini telah menghasilkan penurunan kadar tarif LLS sebagaimana yang telah dikuatkuasakan pada 1 April, 1986. Di bawah tarif baru ini, industri-industri di Sabah termasuk pelancongan telah menikmati pengurangan kadar sebanyak 10% setiap bulan berbanding dengan kadar tarif yang lama.

Selain daripada ini, sebagai memberi sumbangan tambahan kepada industri pelancongan, khususnya sektor hotel, Kerajaan juga telah memutuskan supaya hotel-hotel, walaupun diletakkan di bawah kategori tarif perdagangan tetapi dikenakan kadar tarif di bawah kategori tarif perindustrian yang lebih rendah. Walaupun demikian, kadar baru ini memanglah tidak begitu menarik jika dibandingkan dengan kadar yang dinikmati oleh sektor hotel di Semenanjung Malaysia, kerana kos penjanaan seunit tenaga di Sabah adalah lebih tinggi berbanding dengan kosnya di Semenanjung Malaysia.

Buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang mengurangkan kadar tarif LLS lagi kerana ini akan membebaskan lagi tanggungan kewangan LLS. Sebagaimana yang tersedia maklum, kedudukan kewangan LLS masih lagi lemah; penurunan kadar tarif LLS pada April 1986 telahpun menyebabkan pengurangan pendapatan LLS sebanyak \$18 juta setahun. Walaupun demikian, kedudukan tarif elektrik di Sabah akan sentiasa mendapat perhatian Kementerian saya dan penurunannya akan diberi pertimbangan -apabila keadaan mengizinkan kelak.

ROMBONGAN PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI

47. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah rombongan perdagangan keluar negeri bagi meningkatkan hubungan dan perniagaan secara duahala mengikut negara yang dilawati dalam tahun 1987 hingga bulan Mei, 1988; dan
- (b) sejauh manakah rombongan-rombongan itu berjaya mencapai matlamatnya.

Dato Kok Wee Kiat: Dalam tahun 1987 dan tahun 1988 (Jan - Mei), Kerajaan Persekutuan telah menganjurkan 11 rombongan perdagangan ke luar negeri. Tempat yang dilawati ialah Belgium, Perancis, Sweden, Finland, Turki, Malta, Hong Kong, Taiwan, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman Barat, Australia, Emiriyah Arab Bersatu, Kuwait, Arab Saudi, Itali, Belanda, Jepun, Korea Selatan dan Republik Rakyat China.

Rombongan-rombongan yang dihantar tersebut telah mencapai matlamatnya. Syarikat-syarikat yang mengikut rombongan ini telah berjaya menjual barang-barang bernilai MS62.9 juta semasa mengikuti rombongan-rom-

bongan ini. Peserta-peserta rombongan telah dapat meninjau dan mencari pasaran bagi barang-barang keluaran Malaysia dan komoditi; menjalinkan hubungan dengan ahli-ahli perdagangan di negara-negara yang dilawati, meninjau persaingan dan kehendak pasaran serta memahami struktur pasaran negara-negara tersebut. Maklumat-maklumat yang telah diperolehi akan membolehkan pengeksport-pegeksport kita meningkatkan eksport barangan Malaysia ke luar negeri.

**TENTERA UDARA DIRAJA
AUSTRALIA (RAAF) -
PENGUNDIAN**

48. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pertahanan menyatakan komitmen kedudukan pertahanan Australia terhadap persambungan pertahanan ke atas Negara Malaysia dan juga nyatakan bilangan askar-askar Australia yang gugur semasa menentang pemberontak-pemberontak komunis di negara ini.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Pengunduran skuadron Tentera Udara DiRaja Australia (RAAF) tidak akan menjejaskan pertahanan Udara Malaysia kerana RAAF masih lagi mempunyai komitmen dengan Kerajaan Malaysia melalui penempatan pesawat-pesawat pejuang baru RAAF yang masih beroperasi di Butterworth secara bergilir-gilir bagi jangkamasa tertentu selepas pengundurannya baru-baru ini. Di samping itu, pasukan-pasukan lain tentera Australia iaitu pasukan Tentera Darat dan pesawat Maritime Surveillance juga akan terus dikekalkan di Butterworth. Ini bermakna TUDM dan RAAF masih lagi mengadakan kerjasama pertahanan selepas pengunduran tersebut.

Mengenai bilangan askar-askar Australia yang gugur semasa menen-

tang pemberontak-pemberontak komunis di negara ini mengikut rekod yang ada seperti berikut:

- (a) Semasa Darurat
1943 - 1960 ialah
Tentera Darat - 27
Tentera Udara - 9
- (b) Semasa Konfrantasi
1948 - 1966
Tentera Laut - 1
Tentera Darat - 1
- (c) Konfrantasi di Sabah dan Sarawak 1962 - 1966
Tentera Darat - 15

SEMARAK - KEJAYAAN

47. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) setakat manakah SEMARAK telah berjaya mencapai matlamatnya di negeri-negeri yang telah dilancarkan;
- (b) jika tidak, apakah sebab-sebabnya; dan
- (c) apakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah mengemaskinikan kelemahan-kelemahan SEMARAK sebelum ia dilancarkan di negeri-negeri lain.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan no. 3 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Bintang yang dijawab di Dewan ini pada 27-6-1988. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

**KAMPUNG BARU -
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN**

50. Tuan Cttew Kam Hoy minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar Jabatan Pembangunan Kampung Baru tidak cukup peruntukan untuk

pembangunan kerana kekurangan peruntukan; dan

- (b) jika benar, bolehkah Jabatan Pembangunan Kampung Baru in dipindahkan balik ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana peruntukan untuk pembangunan itu cukup.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Kerajaan sedar bahawa Bahagian Kemajuan Perkampungan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi pembangunan kampung-kampung baru. Ini disebabkan kelembapan ekonomi yang memerlukan penyemakan semula peruntukan-peruntukan asal.

Walau bagaimanapun agensi-agensi pelaksana Kerajaan yang lain seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Bekalan Air dan Majlis Daerah mempunyai peruntukan untuk pelaksanaan projek-projek besar dan kecil. Perlu dimaklumkan bahawa peruntukan pembangunan di Kampung-kampung Baru diperolehi daripada pelbagai sumber dan bukan semata-mata bergantung kepada peruntukan di KPNLB.

- (b) Soal pemindahan balik Bahagian Kemajuan Perkampungan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak timbul pada masa ini. Namun demikian, Bahagian Kemajuan Perkampungan seperti Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain boleh dipindahkan ke mana-mana Kementerian jika dianggapkan perlu oleh Jemaah Menteri.

ANGKA DAGANGAN LUAR

51. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (i) adakah lebih dagangan negara selepas suku tahun pertama tahun ini terus meningkat; dan
- (ii) secara perbandingan dengan rakan dagangan utama negara; iaitu Singapura, Jepun, Amerika dan Kesatuan Eropah (EC); adakah tercatat lebih dagangan yang rendah berterusan dalam dagangan dengan Amerika dan EC dan nyatakan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi lebih dagangan rendah yang berterusan ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, angka-angka dagangan luar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan sehingga kini adalah untuk jangkamasa suku tahun pertama (Januari-Mac 1988) sahaja. Jabatan Perangkaan sedang memproses angka-angka dagangan luar Malaysia bagi bulan Januari-April, 1988. Lebih dagangan negara bagi suku tahun pertama 1988 tidak banyak berubah berbanding dengan suku tahun pertama 1987. Jumlah lebih dagangan bagi suku tahun pertama 1988 adalah sebanyak M\$2,964.8 juta.

Mengenai perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah, lebih dagangan Malaysia dengan negara-negara ini bagi suku tahun pertama 1988 menurun dibandingkan dengan suku tahun pertama 1987 disebabkan kadar peningkatan import Malaysia adalah melebihi kadar peningkatan eksport. Import dari Amerika Syarikat telah meningkat sebanyak 44.4% dari M\$1,237.9 juta ke M\$1,787.4 juta manakala eksport hanya meningkat 27.3%, iaitu dari M\$1,560.7 juta ke M\$1,986 juta. Import dari negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah bagi tempoh ini telah meningkat sebanyak

37% dari M\$941.7juta ke M\$1,299juta dan eksport telah meningkat sebanyak 17.6% dari M\$ 1,538.4juta ke M\$1,809.5 juta. Peningkatan import adalah untuk memenuhi keperluan peningkatan akti-viti-aktiviti pengeluaran sektor pengilangan negara. Barang-barang yang diimport adalah lebih tertumpu kepada barang-barang mentah dan barang-barang modal (capital goods).

BAHASA MALAYSIA - PENGUNAAN BAHASA BAKU

52. **Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah guru-guru sekolah diberikan latihan dalam cara yang betul untuk melafazkan Bahasa Malaysia mengikut sebutan bahasa baku. Apakah standard yang digunakan untuk menentukan penggunaan bahasa baku dengan tepat, terutama sekali dalam ujian lisan SPM. Memandangkan kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia, bagaimanakah kempen Bahasa Baku dilaksanakan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua guru sekolah diberi latihan penggunaan sistem Bahasa Malaysia yang betul melalui kursus Bahasa Malaysia yang diwajibkan kepada guru-guru pelatih di Maktab-Maktab Perguruan. Guru-guru juga diberikan pendedahan tentang bahasa baku seperti dalam Kursus-Kursus KBSM dan aktiviti "Cintailah Bahasa Malaysia".

Standard yang digunakan untuk menentukan penggunaan bahasa baku adalah berpandukan kepada buku Tatabahasa Dewan Jilid 1 dan risalah Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan belum mewajibkan penggunaan sebutan baku dalam ujian lisan SPM. Walau bagaimanapun calon-calon adalah digalakkan menggunakannya dalam ujian tersebut.

KERJASAMA PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM MALAYSIA- THAILAND

53. **Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertanian menyatakan perbezaan-perbezaan utama di antara bentuk projek kerjasama penangkapan ikan laut dalam Malaysia-Thailand dengan ptojek usahasama yang telah diiktirafkan oleh Kerajaan sebagai perniagaan berbentuk Ali-Baba. Apakah kekurangan-kekurangan serta kelebihan-kelebihan yang boleh didapati dari yang pertama tetapi tidak boleh atau sukar dinikmati dengan usahasama Ali-Baba? Apakah bukti-bukti Kerajaan untuk menyokong pendirian tersebut?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Di dalam projek kerjasama perikanan, bot adalah dimiliki sepenuhnya oleh syarikat tempatan yang mana ekuitinya dimiliki sepenuhnya (100%) oleh warganegara Malaysia. Pendaftaran bot-bot berkenaan di luar negeri juga dibatalkan. Bidang kerjasama yang dibenarkan ialah bidang pemasaran, penukaran kepakaran dan pemindahan teknologi,

Di dalam projek usahasama pula, bot-bot yang diusahakan tidak dimiliki sepenuhnya oleh syarikat atau warganegara tempatan, tetapi dimiliki secara bersama di antara warganegara tempatan dan asing. Tambahan pula selaras dengan kehendak di dalam Akta Perikanan 1985, projek usahasama perikanan dengan negara-negara asing memerlukan perjanjian perikanan dua hala antara dua buah kerajaan berkenaan. Ketika ini, perjanjian tersebut masih lagi belum wujud dan yang demikian, projek tersebut tidak dapat dilaksanakan. Di dalam projek kerjasama perikanan pula, perjanjian perikanan tersebut tidak perlu diadakan oleh kerana bot-bot yang diusahakan adalah dimiliki sepenuhnya oleh warganegara tempatan. Projek kerjasama perikanan ini akan dapat memunafaat-

kan Malaysia dari segi pemasaran hasil tangkapan dan pemindahan teknologi. Ikan-ikan yang ditangkap dieksport ke Thailand.

HARGA GETAH ASLI

54. Tuan Hu Sepang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan disebabkan harga komoditi khasnya getah telah meningkat, apakah Kementerianya berfikir kenaikan ini akan berterusan dan adakah Menteri berkenaan sedar kenaikan harga ini disebabkan oleh spekulasi dalam pasaran komoditi oleh pelabur-pelabur Jepun, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan spekulasi dalam pasaran tersebut tidak akan menyebabkan harga getah terjatuh pula.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Lim Keng Yaik): Adalah dijangkakan bahawa harga getah asli akan terus kekal di paras yang lumayan memandangkan bahawa faktor-faktor pasaran dan permintaan adalah kukuh.

Saya sedar bahawa kenaikan harga bahan tersebut sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh faktor spekulasi tetapi faktor spekulasi bukanlah merupakan faktor utama yang menyebabkan kenaikan harga bahan tersebut. Pengaruh faktor tersebut telahpun berkurangan sejak akhir-akhir ini dan harga getah telahpun berada di paras yang lebih realistik sebagaimana telah saya jelaskan di Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan dari Tuan S.S. Subramaniam pada 29 Jun 1988. Dengan itu, perkembangan serta langkah-langkah yang telah diambil seperti mana yang telah saya sebutkan pada 29 Jun 1988 akan membantu mengembalikan keseimbangan di antara penawaran dan permintaan getah asli di pasaran.

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ
UNIVERSITI 1971 - KESAN**

55. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan minla Menteri Pendidikan menerangkan sejauh mana kesan Akta Universiti dan Kolej Universiti Pindaan 1975 di dalam perkembangan dan pembangunan Mahasiswa dari segi pembentukan identiti, keperibadian, krisis keyakinan, dinamisma, kematangan dan lain-lain sejajar dengan kehendak masa dan zaman sejak akta ini diperkenalkan pada tahun 1975. Adakah Y.B. Menteri puashati dengan keadaan yang ada dan kalau tidak apakah rancangan Y.B. Menteri.

Tuan Aimar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 pindaan 1975 tidak memberi kesan-kesan yang negatif kepada perkembangan dan pembangunan Mahasiswa dari segi pembentukan identiti keperibadian, krisis keyakinan dinamisma, kematangan dan lain-lainnya sejajar dengan kehendak masa sejak akta ini diperkenalkan pada tahun 1975. Pihak universiti tidak menyekat sebarang kegiatan pelajar dijalankan di dalam atau yang di luar universiti. Pelajar-pelajar adalah bebas merancang dan menganjurkan sebarang kegiatan di bawah persatuan-persatuan yang mereka tubuhkan semasa belajar di universiti.

Kementerian Pendidikan dan universiti sentiasa menggalakkan pelajar-pelajar supaya menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh meninggikan taraf kematangan mereka dan pihak universiti memberikan sedikit bantuan kewangan untuk tujuan tersebut.

Setakat ini Kementerian Pendidikan berpuashati tentang keadaan yang ada dan percaya kepimpinan universiti akan terus menggalakkan kegiatan-kegiatan pelajar yang sihat dari semasa ke semasa.

**SABAH DEVELOPMENT FINANCE
CO-OPERATIVE SOCIETY
LIMITED - PENYIASATAN
STOP**

56. Tuan Gerard Math Lee minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (1) sama ada penyiasaan ke atas Sabah Development Finance Co-operative Society Limited sudah selesai;
- (ii) jika sudah, apakah cadangan balas (recommendations);
- (iii) jika tidak mengapa ia mengambil masa yang begitu lama dan bilakah agaknya penyiasaan akan selesai.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Pertanyaan (i), (ii) dari Ahli Yang Berhormat pada asasnya adalah sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tawau pada 28.6.88. Oleh kerana pertanyaan tersebut telah dijawab, saya tidak bercadang untuk menjawabnya sekali lagi.

Mengenai pertanyaan mengapa penyiasaan mengambil masa, ingin saya nyatakan bahawa Bank Negara Malaysia perlu membuat pemeriksaan yang rapi ke atas semua aset dan tanggungjawab koperasi ini bagi menentukan kedudukan yang sebenar. Tindakan ini perlu dijalankan dengan teliti kerana kepentingan pendeposit dan juga kewibawaan pengurusan koperasi berkenaan adalah terlibat.

PASAR IKAN KOTA KINABALU

57. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa ramai suri rumah yang enggan pergi ke pasar ikan Kota Kinabalu sebab berlakunya tipu daya oleh penjual-penjual ikan haram dan mereka juga sering membuat serangan terhadap pegawai penguatkuasa Majlis Perbandaran Kota Kinabalu. Selepas membuat serangan mereka yang terlibat (kebanyakannya pendatang-pendatang haram dari Filipina) akan melompat ke dalam bot dan terus menuju ke pulau-pulau dengan cepatnya. Apakah langkah-

langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini. Dan samada Kementerian beliau akan menimbangkan untuk melengkapkan pegawai polis bersenjata yang tetap untuk ditugaskan di pondok-pondok polis yang ada.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak sedar perkara yang dibangkitkan oleh beliau itu kerana sehingga kini tiada laporan polis mengenainya. Sekiranya perkara tersebut benar, sukacita Ahli Yang Berhormat membuat laporan rasmi kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.

PESAWAT PEJUANG SKYHAWK TERSADAI - PENYIASATAN

58. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah hasil penyiasaan yang dijalankan ke dalam "grounding" semua kapalterbang pejuang Skyhawk Tentera Udara Di Raja Malaysia pada Mac, 1988; nyatakan sama ada penggunaan kapalterbang pejuang Skyhawk buatan Amerika ini selamat atau tidak untuk anggota Tentera Udara kita; jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan keselamatan mereka. Sila nyatakan juga sama ada Suruhanjaya Penyiasaan Di Raja akan ditubuhkan bertujuan menyasat sebab-sebab pembelian kapalterbang pejuang Skyhawk dilakukan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya ingin menegaskan di sini iaitu pesawat pejuang 'Skyhawk' kepunyaan Tentera Udara Di Raja Malaysia tidak pernah tersadai (grounded) sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini pesawat pejuang Skyhawk yang digunakan oleh TUDM adakah dalam

keadaan baik dan mempunyai prestasi penerbangan yang memuaskan. Senggaraan yang dijalankan oleh TUDM telah memastikan setiap pesawat yang hendak digunakan adalah selamat. Oleh itu soal menubuhkan satu Suruhanjaya Penyiasat Di Raja untuk menyiasat pembelian pesawat-pesawat ini tidak timbul sama sekali.

JEJANTAS DI JALAN BUKIT MERTAJAM

59. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada kementerian beliau bercadang supaya membina suatu jejantas di Jalan Besar, Bukit Mertajam demi keselamatan orang awam dan kelicinan lalulintas. Jika ya, bila dan kita tidak, mengapa.

Tuan Luhut Wan: Jalan Besar di Bukit Mertajam adalah jalan negeri. Saya telah menyiasat perkara ini dan difahamkan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak ada cadangan untuk membina jejantas di jalan tersebut oleh kerana jalan tersebut sangat sempit dan tidak terdapat kawasan yang cukup besar bagi pembinaan jejantas berkenaan.

PERUMAHAN KOS MURAH - PEMBINAAN

60. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah Kerajaan akan mengambilalih tanggungjawab untuk pembinaan skim perumahan kos murah untuk rakyat kita dan apakah cara dan sistem untuk Kerajaan memasuki dalam sistem pembinaan tersebut.

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan pembangunan perumahan kos rendah di tanah-tanah yang diserahkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sebaik sahaja tanah-tanah tersebut di-

beri hak milik daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Buat masa ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini sedang di dalam proses memohon tanah-tanah yang telah dipersetujui diserahkan oleh beberapa Kerajaan Negeri.

- (b) Untuk melaksanakan skim rumah murah ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi Jabatan Perumahan Negara akan mengswastakan pembinaan rumah-rumah ini sebaik sahaja tanah-tanah telah diserahkan hak milik kepada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan juga sedang menimbangkan pengwujudan sebuah Badan Berkanun yang di antara lainnya berperanan melaksanakan projek-projek rumah kos rendah ini terutamanya untuk golongan yang berpendapatan rendah.

DADAH DI PENJARA - PENGEDARAN

61. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini telah menyelesaikan laporannya ke atas pengedaran dadah di penjara-penjara dan sama ada laporan-laporan ini akan diumumkan dan jika ia, bila, jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan Yang Berhormat ini telah pun saya jawab bersama dengan soalan No. 5 dari Yang Berhormat dari Sandakan pada 28.6.88. Oleh itu saya tidaklah bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

INDUSTRI MINYAK KELAPA SAWIT

62. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil usaha-usaha Kementeriannya

menggalakkan pelaburan baru dalam perindustrian minyak kelapa sawit di negara ini pada tahun 1986 dan tahun 1987 dan amalan tahun 1988. Bahagikan pelaburan baru ini mengikut negara asalnya.

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Adalah menjadi objektif Kementerian Perusahaan Utama memastikan iaitu kemajuan industri kelapa sawit negara mencapai pulangan pelaburan yang menarik di sektor ini. Jumlah pelaburan di dalam industri kelapa sawit adalah dianggarkan di sekitar \$12 billion dengan mengambilkira belanja-belanja pembangunan kemudahan-kemudahan infrastruktur, pembangunan tanah, pembangunan kilang-kilang memproses buah dan kilang-kilang penapis. Suka saya menegaskan bahawa sumber pelaburan yang utama dalam industri kelapa sawit Malaysia berpunca dari pelaburan dalam negara. Melalui kerjasama yang erat yang diberikan oleh lain-lain Kementerian dan agensi Kerajaan, pelaburan di industri kelapa sawit turut meningkat tahun demi tahun. Rekod-rekod pelaburan baru di sektor ini menunjukkan pada tahun 1986 berjumlah \$11,988 juta meningkat kepada \$12,633 juta pada tahun 1987 dan pada tahun 1988 dijangka mencapai paras \$13,000 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1986 hingga awal 1988, jumlah pelaburan asing adalah di sekitar \$267.25 juta dan Singapura merupakan negara pelabur asing yang terbesar dengan jumlah pelaburan sebanyak \$111.7 juta. Lain-lain negara pelabur asing yang penting adalah seperti berikut:-

- (i) Jepun - M\$81.50 juta
- (ii) India - M\$39.455 juta
- (iii) United Kingdom - M\$14.57 juta
- (iv) Jerman Barat - M\$7.75 juta
- (v) Panama - M\$5.30 juta
- (vi) Luxemborg - M\$4.00 juta

- (vii) Hong Kong - M\$0.60 juta
- (viii) Belgium & USA - M\$0.49 juta

PENIAGA BUMIPUTERA - BANTUAN PINJAMAN

63. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah dan apakah kejayaan yang telah dicapai dan dinikmati oleh peniaga-peniaga Bumiputera yang mendapat bantuan pinjaman dan bimbingan semenjak Majlis Amanah Rakyat (MARA) ditubuhkan di negeri Sabah;
- (b) apakah bentuk-bentuk pinjaman yang telah disediakan setakat ini;
- (c) adakah MARA bercadang untuk membeli ruang-ruang kedai di pusat-pusat perniagaan untuk disewakan kepada peniaga-peniaga Bumiputera terutama sekali penjajah-penjajah;
- (d) berapa banyakkah jumlah bangunan/pusat perniagaan yang telah didirikan untuk peniaga-peniaga Bumiputera.

Dato Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) (i) sehingga Mac, 1988, MARA telah mengeluarkan sebanyak 4,276 bilangan pinjaman yang berjumlah \$22,393,622 kepada Bumiputera Sabah. Baki pinjaman pada tarikh yang sama ialah \$7,154,975 bagi 2,766 bilangan peminjam. Dari jumlah ini sebariyak \$6,590,490 adalah tunggakan yang masih belum dikutip daripada usahawan Bumiputera Sabah.
- (ii) Semenjak 1980 - 1988 (maklumat sebelum 1980

tidak dapat diperolehi) seramai 8,532 peserta dari Sabah telah mengikuti 271 kursus-kursus perniagaan. Dalam jangka masa yang sama, sebanyak 1,014 usahawan Bumiputera Sabah telah mendapat. 1,582 Khidmat Nasihat & Bimbingan Perniagaan.

- (b) Bentuk pinjaman yang disediakan oleh MARA setakat ini adalah "term loan" untuk tujuan modal pusingan dan juga pembelian harta tetap untuk sektor-sektor seperti berikut:-
- (i) Pembuatan
 - (ii) Pembinaan
 - (iii) Perdagangan
 - (iv) Pengangkutan
 - (v) Perkhidmatan
- (c) MARA memang ada dasar untuk membeli ruang-ruang kedai di pusat perniagaan untuk disewakan kepada peniaga-peniaga Bumiputera. Namun demikian amalan yang biasa dilakukan ialah mencari tapak/tanah yang strategik untuk MARA membina bangunan-bangunan perniagaan bagi disewakan kepada peniaga-peniaga Bumiputera
- (d) Sejak 1970 hingga sekarang MARA telah mendirikan 258 buah projek bangunan perniagaan yang mengandungi 3,859 unit ruang di seluruh negara.

Bagi negeri Sabah sahaja 3 projek yang mengandungi 89 unit ruang niaga telah siap dibina dan beroperasi:-

Projek-projek tersebut ialah seperti berikut:-

<i>Projek</i>	<i>Bil. Unit</i>	<i>Tarikh Siap</i>
(i) Aked Kudat	20	Feb 1981

(ii) Komplek Tawau	35	Nov 1984
(iii) Komplek Sandakan	34	Jan 1985

PEGAWAI PERUBATAN DI SABAH - PENGISIAN JAWATAN

64. Tuan Nurnikman Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah tambahan seramai 72 orang Doktor dan mula berkhidmat di Sabah. Adakah Kerajaan sedar bahawa Sabah sudah lama kekurangan Doktor dan Doktor-doktor tambahan ini sangat diperlukan dengan segera. Adakah kerajaan bercadang untuk membina hospital di daerah-daerah pendalaman di Sabah dan jika ada berapa buahkah dan bilakah ianya akan dibina.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sebanyak 69 tambahan jawatan Pegawai Perubatan di Sabah baru diluluskan pada bulan April 1988. Proses pengisian jawatan-jawatan ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat sepanjang tahun 1988 ini dan di awal tahun 1989 nanti.

Mengenai cadangan membina hospital-hospital di Sabah, Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji dan meneliti keperluan mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan supaya perkhidmatan kesihatan dapat dinikmati bersama oleh penduduk bandar dan luar bandar. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) Kementerian Kesihatan telah merancang untuk membina sembilan (9) buah hospital daerah baru bagi negeri Sabah. Oleh kerana peruntukan pembangunan yang terhad, hanya sebuah (1) sahaja, iaitu Hospital Daerah Kota Marudu, dengan 3 buah wad dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan diluluskan untuk dilaksana dalam RML. Pembinaannya dijangka akan dimulakan pada awal tahun 1989. bagi 8 buah hospital lagi akan dicadangkan semula untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Enam kelak.

TENDER MELEBARKAN JALAN KUCHING

65. Tuan P. Patto minta Menteri Kerjaraya menyatakan:-

- (a) Nama-nama syarikat yang telah menender untuk projek pembangunan jalan untuk melebarkan Jalan Kuching dan pembinaan plaza tot yang kemudiannya diberi kepada sebuah syarikat bernama Seri Angkasa Sdn. Bhd.
- (b) Sebab-sebab penender-penender lain diketepikan dalam pemberian kontrak ini di mana syarikat yang berjaya mendapat kontrak tersebut, iaitu Seri Angkasa Sdn. Bhd., tidak mempunyai pengalaman langsung untuk membina Jalan sebelum ini; dan
- (c) Apakah peranan menteri kewangan dalam pemberian kontrak ini memandangkan abangnya Encik Abdul Wahab Zainuddin, menjadi salah seorang pengarah dalam Seri Angkasa Sdn. Bhd. Sewaktu syarikat ini diberi kontrak Kepong ini.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Nama-nama syarikat yang telah memasuki tawaran pembangunan jalan untuk melebarkan Jalan Kuching dan pembinaan plaza tol ialah:-
 - (1) Syarikat Jurutama - Muda Jaya Joint Yenture
 - (2) Syarikat Pembinaan Hasbudin (M) Sdn. Bhd.
 - (3) Wan Sam Construction Sdn. Bhd.
 - (4) Seri Angkasa Sdn. Bhd.
 - (5) Maraputra Sdn. Bhd.
 - (6) Concrete Engineering Product Sdn. Bhd. Jurutera Konsultant (SEA) Sdn. Bhd.

(7) Malaysia - Thai Development Sdn. Bhd.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah ditawarkan secara terbuka kepada semua syarikat tempatan yang berminat dan mempunyai kebolehan untuk melaksanakan.

Syarikat Seri Angkasa Sdn. Bhd. adalah di antara syarikat-syarikat yang telah mengemukakan tawaran bagi projek ini.

Syarikat ini telah dipilihkan sebagai operator untuk melaksanakan projek ini oleh kerana cadangannya adalah terbaik dalam segi rekabentuk, tempoh pengutipan tol dan kemampuan kewangan serta kebolehan teknikalnya.

Walaupun Seri Angkasa Sdn. Bhd. tidak mempunyai pengalaman secara langsung dalam pembinaan jalan raya, tetapi syarikat ini mempunyai rakan-rakan kongsinya yang menunjukkan mereka mempunyai pengalaman dan keupayaan teknikal yang mencukupi untuk melaksanakan projek dengan sempurna. Adalah dimaklumkan bahawa projek ini telah dijalankan mengikut jadual dan kerja-kerja yang telah siap bermutu tinggi dan sangat memuaskan. Kejayaan ini menunjukkan keputusan untuk memilih Seri Angkasa Sdn. Bhd. Sebagai operator untuk projek ini adalah wajar.

- (c) Tawaran telah diterima oleh Kementerian Kerja Raya dan keputusan untuk menerima tawaran daripada Seri Angkasa Sdn. Bhd. Telah dibuat oleh jawatankuasa tawaran Kementerian Kerja Raya. Menteri Kewangan tidak dirujuk untuk kelulusan oleh kerana projek ini

adalah projek pengwastaaan yang tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan oleh kerajaan dan pihak kerajaan telah memberi Kuasa kepada Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan projek ini.

MINYAK MENTAH MALAYSIA - PENGELUARAN

66. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah tong minyak petroleum mentah yang dikeluarkan oleh Malaysia setiap hari sekarang;
- (b) harga setong minyak petroleum mentah keluaran Malaysia;
- (c) jumlah telaga minyak yang kini mengeluarkan minyak petroleum mentah;
- (d) berapa lama Malaysia boleh mengeluarkan minyak petroleum berdasarkan kepada kadar pengeluaran minyak petroleum mentah; dan
- (e) dasar Kerajaan dalam pengeluaran minyak petroleum mentah sekiranya terdapat peningkatan dalam harga minyak petroleum mentah di pasaran dunia.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Buat masa sekarang pengeluaran minyak mentah Malaysia pula adalah di dalam lingkungan 540,000 tong sehari.
- (b) Buat masa ini harga minyak mentah Malaysia pula adalah di dalam lingkungan 16 ke 17 Ringgit Amerika (atau 40 ke 42 Ringgit Malaysia) setong.
- (c) Sehingga kini terdapat sebanyak 30 buah minyak dalam peringkat pengeluaran.
- (d) Berdasarkan paras pengeluaran sekarang sebanyak 540,000 tong sehari serta jumlah rezab yang

ada sebanyak lebih kurang 2,700 juta tong, tempoh hayat bagi rezab minyak mentah Malaysia dianggarkan lebih kurang 14 tahun.

- (e) pada dasarnya pengeluaran minyak mentah ditetapkan dengan mengambilkira keperluan kewangan negara, serta strategi-strategi untuk menstabilkan harga minyak dunia sebagaimana yang diusahakan oleh OPEC. Kepentingan-kepentingan ini perlu diseimbangkan dalam memastikan hasil negara tidak terjejas, sama ada di masa harga diparas yang rendah ataupun tinggi. Di samping itu juga Kerajaan mengambil kira Dasar Susutan Negara dengan menghadkan pengeluaran daripada lapangan utama (yang mempunyai rezab lebih daripada 400 juta tong) supaya tidak melebihi 3% daripada rezab lapangan tersebut dalam sesuatu tahun.

KUTIPAN TOL DISETIAP PLAZA

67. Tuan P. Patto minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah kutipan tol disetiap Plaza/Pondok Tol di seluruh negara dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini dan apakah dasar kerajaan terhadap pemansuhan Tol Lebuhrayaa sepertimana didesak oleh rakyat biasa.

Tuan Luhut Wan; Jumlah Kutipan Tol di setiap Plaza/Pondok Tol diseluruh negara dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini adalah seperti berikut:-

Mengenai pemansuhan Tol pula, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan kutipan Tol dan kutipan tol akan terus dilaksanakan sehingga kesuatu masa lain dimana Kerajaan perlu membuat kajian secara menyeluruh ke atas perkara ini.

<i>Nama-nama Plaza Tol</i>	<i>Jumlah Hasil (\$)</i>
1. Plaza Tol Bukit Kayu Hitam	110,012.00
2. Plaza Tol Alor Setar Selatan	612,604.00
3. Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang	9,819,118.00
4. Plaza Tol Changkat Jering	1,242,798.38
5. Plaza Tol Kuala Kangsar	336,311.10
6. Plaza Tol Jelapang	1,407,524.30
7. Plaza Tol Slim River	1,539,360.50
8. Plaza Tol Gombak	2,267,230.20
9. Plaza Tol Bentong	793,444.80
10. Plaza Tol Sungai Besi	5,760,779.15
11. Plaza Tol UPM	331,787.30
12. Plaza Tol Kajang	542,853.83
13. Plaza Tol Bangi	392,577.75
14. Plaza Tol Nilai	450,371.10
15. Plaza Tol Seremban	1,252,331.20
16. Plaza Tol Port Dickson Selatan	769,907.90
17. Plaza Tol Port Dickson Utara	160,842.90
18. Plaza Tol Senawang	895,402.80
19. Plaza Tol Pemas Linggi	92,990.20
20. Plaza Tol Simpang Empat	1,139,620.30
21. Plaza Tol Ayer Keroh	2,642,385.40
22. Plaza Tol Senai	2,020,727.81
23. Plaza Tol Pintu masuk Johor Bahru	2,392,714.55
	36,983,695.47

KOPERASI USAHA BERSATU (KUB) - PENYELEWENGAN

68. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tentang kedudukan KUB dari segi:-

- (i) zstatus KUB;
- (ii) tindakan untuk menyelamatkan KUB oleh Kementerian Pembangunan -Negara dan Luar Bandar;
- (iii) apakah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak menyedari akan penyelewengan di KUB; selama ini. Jika tahu, apa tindakannya; dan
- (iv) apakah tindakan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk memulihkan ke-

adaan tenat yang berlaku dalam KUB ini.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Gbazali:

- (i) KUB adalah sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi No.33/1948;
- (ii) Tindakan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bergantung kepada hasil siasatan yang sedang dijalankan sekarang;
- (iii) Sepanjang pengctahuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tidak ada penyelewengan yang berlaku dalam KUB. Setakat ini KUB, sebagai sebuah koperasi, belum menjalankan apa-apa kegiatan

perniagaan. KUB melaburkan wangnya dalam syarikat-syarikat anak dan syarikat-syarikat ini yang menjalankan perniagaan.

Ketua Pendaftar Koperasi tidak ada kuasa untuk membuat pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat berkenaan kerana ianya didaftarkan di bawah Akta Syarikat (Company's Act). Oleh itu Kementerian ini tidak dapat menyatakan sama ada berlaku penyelewengan atau tidak dalam syarikat-syarikat anak berkenaan. Walau bagaimanapun beberapa laporan polis telah dibuat oleh berbagai pihak dan pihak polis sedang menjalankan siasatan.

- (iv) Buat masa ini Kementerian ini tidak dapat menyatakan bentuk tindakan pemulihan yang boleh diambil. Ini bergantung kepada hasil siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL.1) 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas "Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1988" dalam Jawatankuasa seluruh Majlis. (29hb Jun, 1988) *Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud P.46 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1988) -

Tuan Pengerusi (Tuan D.P.Vijan-

dran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$9,859,800 yang disebutkan dalam Maksud P.46 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,859,800 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1) 1988.

Maksud P.49 dan P.50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1988) -

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Yijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.49 dan P.50 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Tetapi sebelum bahas, saya menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 67B(6)(a) menghadkan masa untuk bahas semua Kepala Pembangunan. Kita harus menghabiskan semua ini sebelum pukul 5.00 petang hari ini, sebab itu saya mintalah kerjasama semua Ahli Yang Berhormat untuk meringkaskan ucapan-ucapan. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.41 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Maksud P.50 berkaitan dengan Jabatan Penerbangan Awam, di mana satu tambahan sebanyak \$33.7 juta adalah dikehendaki bagi perbelanjaan yang disenaraikan dalam Kertas Perintah 23A Tahun 1988.

Daripada jumlah yang disebutkan dalam Kertas Perintah 23A ini, di bawah Jabatan Penerbangan Awam, saya mendapati bahawa sebanyak \$13

juta diperlukan sebagai pinjaman kepada Jabatan Penerbangan Awam untuk meningkatkan sistem landasan dan "taxiway", dengan izin, di Lapangan Antarabangsa Subang bagi membolehkan pendaratan pesawat Jumbo B747-400 dan disamping itu saya juga mendapati bahawa sebanyak \$3.2 juta dikehendaki untuk memodenkan sistem kawalan Trafik Udara di Lapanganterbang Subang.

Tuan Pengerusi, peningkatan kemudahan-kemudahan di lapanganterbang di negara kita, terutamanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang memang sudah lama ditunggu-tunggu. Peningkatan sistem Kawalan Trafik Udara di Subang memang sudah lama dinantikan. Ini kerana kekurangan kemudahan-kemudahan di semua lapangan terbang di negara kita. Yang lebih mustahak ialah berkaitan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan ststem Kawalan Trafik Udara. Di sini saya ingin menyentuh secara khusus sistem radar di semua lapangan terbang di negara kita yang telah ketinggalan masa dan patut dipertingkatkan. Apa yang kita gunakan pada masa ini ialah primary atau basic radar system, dengan izin, yang hanya boleh mengesan sebuah kapalterbang sahaja, tetapi bukan ketinggian kapalterbang itu. Radar yang ada itu sekarang tidak berupaya mengenalpasti dengan tepat sebuah kapalterbang dan mengaturkan pergerakan kapalterbang itu dengan cara yang berkesan. Primary Radar yang ada ini sebenarnya patutlah diganti dengan apa yang saya sifatkan sebagai Secondary Surveillance Radar (SSR) yang sedang digunakan oleh banyak negara bagi memastikan kawalan yang lebih baik dan tepat pergerakan kapalterbang. Malah Singapura dan Jakarta mempunyai sistem ini dan inilah masanya kita melengkapkan lapangan terbang kita dengan peralatan elektronik yang mutakhir bagi membantu kawalan trafik.

Menekankan kepada Secondary Surveillance Radar (SSR) sangat penting bagi menentukan keselamatan udara, lebih-lebih lagi apabila lebih banyak kapalterbang antarabangsa mendarat dan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan juga untuk menampung perkembangan MAS (Syarikat Penerbangan Malaysia). Memang tidak boleh disangkal jika dikatakan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sering disifatkan sebagai sebuah lapangan terbang hitam atau black airport, dengan izin, oleh ramai juruterbang antarabangsa, kerana kita tidak mempunyai Secondary Surveillance Radar dan lain-lain kemudahan yang kemaskini. Tragedi-trege di udara yang melibatkan sebuah kapalterbang Airbus (MAS) dan satu lagi nahas yang melibatkan sebuah kapatterbang kepunyaan Japan Airlines di beberapa tahun lalu masih segar dalam ingatan kita.

Saya berharap bahawa Kementerian akan mengambil perhatian yang serius terhadap pandangan-pandangan saya ini dan juga lebih banyak yang diperlukan untuk meningkatkan sistem kawalan udara bagi memastikan keselamatan udara, maka peruntukan tersebut hendaklah digunakan. Mengenai peningkatan sistem landasan yang diperluaskan sejauh 1,000 kaki lagi bagi membolehkan pesawat Jumbo B747-400 mendarat, ini amat penting bagi menampung perkembangan MAS dan saya harap ini akan disiapkan pada bulan April apabila kita menjangka untuk menerima B747-400 untuk mula beroperasi. Saya juga berharap dengan peruntukan yang diminta, langkah-langkah juga akan diambil untuk meningkatkan kemudahan lampu-lampu landasan dan taxiway untuk kegunaan kapalterbang, terutama pada waktu malam. Malah kemudahan lampu di bangunan lapangan terbang juga patutlah dikemaskinikan.

Pada akhirnya, saya menggesa pihak berkuasa berkenaan supaya melaksa-

nakan lebih banyak pembaikan di semua lapangan terbang dalam negara kita, terutamanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan menjadikannya berupaya menyaingi lapangan terbang yang terbaik di dunia. Berkaitan dengan lapangan terbang, saya ingin menambah sebagai mengakhiri ucapan saya bahawa penghargaan patutlah diberikan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) kerana di bawah pimpinan dinamik Pengarah Urusannya, kita dapat menyaksikan banyak kemajuan dan perkembangan dalam organisasi ini. Oleh kerana MAS semakin berkembang dan maju, maka lapangan terbang kita harus juga berkembang dan maju sejajar dengan pertambahan penggunaannya. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Menteri menjawab.

3.48ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah memberikan padangan dan pendapat dan juga menyokong peruntukan yang dipohon untuk mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan di Lapangan Terbang Subang dan juga lain-lain lapangan terbang.

Sebenarnya, memanglah projek mempertingkatkan kemudahan di lapangan terbang di Kuala Lumpur ini satu projek yang telah dirancang begitu lama dan memang untuk memberikan kemudahan bagi pendaratan Boeing 747-400. Pada hari ini belum ada lagilah mana-mana syarikat penerbangan yang membawa Boeing 747-400 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan persediaan yang kita buat ini adalah untuk peningkatan kemajuan pada masa hadapan, terutamanya apabila pihak MAS sendiri sudahpun merancang

membeli sebuah kapal terbang jenis B747-400 ini dan akan dibawa masuk balik ke Malaysia pada tahun 1989, dalam bulan April.

Seperti Yang Berhormat dan Dewan ini sedia maklum, bahawa peruntukan yang dipohon adalah untuk menambah memanjangkan landasan dan taxiway sebanyak 300 meter ataupun 1,000 kaki, bukan bererti bahawa dalam keadaan sekarang Boeing 747-400 tidak boleh mendarat. Ianya boleh mendarat, tetapi kita tidak boleh menggunakan full capacity iaitu dari segi muatannya dan juga dari segi fuelnya kalau dia hendak berjalan terus, misalnya dari Kuala Lumpur ke London, dia tidak boleh, kerana tidak boleh isi load dengan sepenuhnya dan minyaknya atau fuelnya, dengan izin, juga tidak boleh diisi penuh, tetapi kalau misalnya ia hendak berhenti di Bangkok atau di tempat lain, isi semula, itu boleh. Jadi bukanlah bererti bahawa kemudahan kita itu tidak up-to-date langsung, tidak, boleh, tetapi ada hadnya. Oleh kerana itu kita ingin menambah lagi kemudahan itu supaya ianya boleh lebih baik lagi.

Selain daripada itu perkara-perkara yang akan diperbaiki dan ditambah ialah by-pass taxiway baru di Runway 33, high speed taxiway baru, melebarkan fillets taxiway turn-off, memperbaiki perparitan landasan, memperbaiki lampu-lampu landasan dan meningkatkan aerodrome groundlighting. Jadi, semua ini sudahpun diambil kira dan dengan peruntukan yang akan diluluskan ini kita akan dapat melaksanakan kerja-kerja ini bukan sahaja di Lapangan Terbang Subang di Kuala Lumpur tetapi lapangan terbang-lapangan terbang yang lain juga seperti di Pulau Pinang yang mana kita ada meminta peruntukan tambahan ini untuk memperbaiki Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan mempertingkatkan juga kemudahan di Lapangan Terbang Ipoh supaya membo-

leaskan pendaratan Boeing 737 dan juga pendaratan di waktu malam.

Mengenai kawalan trafik udara, memang benarlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Banyaklah perkara-perkara yang dicakapkan itu adalah benar, tetapi hendak mengatakan sehinggakan Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur ini dijadikan 'black spot' rasa saya tidaklah benar kerana kalau ianya 'black spot' tentulah sudah begitu banyak kemalangan yang berlaku atas pertembungan kapalterbang-kapalterbang di udara. Kita telah begitu banyak tahun melaksanakan atau menguruskan sistem kawalan udara ini dan kita bersyukur juga walaupun sistem yang ada sekarang ini - bukan saya hendak defend sistem yang ada - walaupun sistem yang ada ini memanglah tidak up-to-date tetapi tidaklah begitu buruk. Adalah kemudahan-kemudahan ini memang telah dirancang.

Untuk makluman Dewan ini, satu pelan induk bagi tujuan meningkatkan sistem kawalan trafik udara memang telah disediakan pada tahun 1984 oleh satu fima juruperunding. Pelan induk ini telahpun mengambil kira sistem kawalan trafik udara yang sedia ada dan telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil tindakan untuk mempertingkatkan sistem kawalan trafik udara secara berperingkat.

Selaras dengan cadangan yang dikemukakan itu peruntukan kewangan sebanyak \$35 juta iaitu \$20 juta untuk Semenanjung Malaysia dan \$15 juta untuk Sabah dan Sarawak telahpun disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk melaksanakan sebahagian daripada cadangan juruperunding berkenaan. Pada ketika ini Kementerian Pengangkutan adalah dalam proses membuat penilaian atas 5 buah syarikat juruperunding yang telahpun mengemukakan cadangan-cadangan teknikal serta kewangannya untuk memberikan

perkhidmatan juruperunding serta aspek penyeliaan peringkat pelaksanaan projek ini. Projek ini dijangka akan mengambi) masa selama 3 tahun.

Objektif projek ini adalah untuk meningkatkan capacity sistem kawalan trafik udara yang sedia ada untuk menampung trafik udara yang kian bertambah di ruang udara Malaysia. Sekarang ini, untuk makluman Dewan ini, saya diben faham bahawa satu bulan sebanyak 9,000 penerbangan melalui Lapanganterbang Subang, Kuala Lumpur.

Butir-butir kerja yang akan dilaksanakan dari segi sistem kawalan trafik udara ini adalah menggantikan alat-alat kelengkapan yang lama yang bolehlah dikatakan outdated itu dengan sistem surveillance radar seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, pemasangan alat-alat baru termasuk sistem radar yang mempunyai coverage yang lebih menyeluruh iaitu SSR di mana segala maklumat mengenai penerbangan boleh dapat diketahui, mewujudkan sistem kawalan semi-automated di semua lapanganterbang dan pembinaan sebuah kompleks kawalan trafik udara di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur untuk menampung alat-alat kelengkapan tambahan baru tadi. Jadi, jumlah wang \$3.270 juta itu adalah unluk bangunan.

Dengan projek ini siap dilaksanakan kelak, Malaysia akan mempunyai satu sistem kawalan trafik udara yang lebih moden dengan ruang udara dapat digunakan dengan lebih berkesan bukan sahaja bagi penerbangan awam tetapi juga operasi Tentera Udara Diraja Malaysia. Tambahan pula keselamatan penerbangan yang beroperasi di ruang udara Malaysia akan dapat dipertingkatkan.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasakah?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Baiklah.

Tuan Lee Lam Thye: Cuma saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian yang berkenaan ada menetapkan jangka masa ataupun time frame agar kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan yang kemaskini itu dapat dilaksanakan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Saya katakan tadi seluruh projek itu akan dapat dilaksanakan dalam 3 tahun. Yang pertama ini iaitu bangunan sudahpun rekabentuknya disiapkan oleh JKR, cuma menunggukan kita melantik juruperunding dan mendapat nasihat daripada juruperunding mengenai rekabentuk tersebut. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P.49 dan \$33,720,000 dalam Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P.49 dan \$33,720,000 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988.

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988) -

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P.54 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

3.53 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, dijelaskan bahawa \$597 juta telah disediakan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima untuk membiayai pembinaan projek baru ini. Tambahan \$15 juta dikatakan dikehendaki untuk memulakan pelaksanaan projek ini.

Tuan Pengerusi, pada 16hb Pebruari, 1988 Menteri Kerjaraya telah mengemukakan bahawa projek ini dijangka akan bermula pada tahun 1990. Adakah wang ini merupakan bayaran bagi perkhidmatan perunding untuk menjalankan kajian ke atas topograH serta penajajaran atau, topographical and alignment study, dengan izin, Tuan Pengerusi. Dikatakan bahawa rekabentuk terperinci atau detailed design, dengan izin, akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu tahun untuk disiapkan setelah pihak Kerjaraya memilih penajajaran yang terbaik daripada kajian perunding? Adakah sebahagian wang \$15 juta juga untuk membiayai kos rekacipta tersebut?

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun difahamkan bahawa jalan raya yang dikatakan 'pet project', Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menyambung Cameron Highlands, Bukit Praser dan Genting Highlands, tetapi bagi projek 03100 hanyalah disebutkan tentang Genting Highlands dan Bukit Praser. Saya ingin tahu sebab-sebab pihak Kementerian berbuat demikian kerana banyak pet projects termasuk PERWAJA, PROTON, Kedah Cement sekarang mengalami kesusahan sehingga Kerajaan hendak menyusun semula dari segi ekuiti dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dengan tambahan \$15 juta ini bukannya ini bermakna bahawa keseluruhan projek pada titik masa ini adalah bernilai \$612 juta iaitu \$12 juta lebih daripada jumlah wang yang diumumkan oleh Menteri Kerja

Raya pada bulan Pebruari lalu. \$12 juta bukan sedikit Tuan Pengerusi, sebab itulah saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab dengan tepat jangan mengelakkan soalan seperti ini.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Kerjaraya Seharusnya memberitahu kita kos membina sekilometer terowong atau jejambat pada umumnya. Dari kajian yang dibuat oleh perunding dan yang dipilih oleh Jabatan Kerjaraya berapa banyakkah terowong atau jejambat yang akan diperlukan untuk Lebuhraya tersebut yang disebutkan dalam pengumuman oleh Menteri Kerjaraya bulan Februari lalu. Jalan yang kelak dibina adalah sebatang jalan biasa dua lorong dan mengikut satu pengumuman yang lebih awal juga oleh Menteri Kerjaraya pada 8hb Januari tahun ini sekilometer jalan sedemikian menelan belanja \$1.7 juta untuk dibina.

Tuan Pengerusi, andainya bahawa seluruh 160 kilometer daripada jalanraya ini yang bermula dari Tanah Rata menyambungkan Bukit Fraser dan Genting Highlands kos pembinaan hanyalah \$272 juta, bolehkah wang bakinya iaitu sebanyak \$340 juta ini dikatakan akan dibelanjakan untuk kajian dan perkhidmatan perunding. Satu amaun yang sangat besar di dalam memorandum itu tidak disebutkan. Kerajaan mesti menjelaskan peruntukan ini terutamanya kos membina satu kilometer terowong jejambat dan bayaran bagi perkhidmatan perunding. Tuan Pengerusi, tambahan lagi jalan raya ini akan disambungkan dengan Lebuhraya Utara Selatan pada masa akan datang supaya membolehkan pelancong membuat lencangan dan tidak perlu melalui Kuala Lumpur apabila menuju ke Genting Highlands, satu konsep yang agak progresif tetapi perbelanjannya begitu besar. Adakah ini seimbang? Bagaimanakah sambungan jalan ini dengan Lebuhraya Utara-Selatan akan mempengaruhi kontrak di

antara Kerajaan dengan United Engineers Malaysia kerana kami tidak mahulah dalam beberapa tahun ke hadapan Dewan Rakyat ini akan membincangkan permintaan tambahan lagi untuk projek ini. Apakah kemungkinannya tol akan ditutup disepanjang gerakan jalan raya ini atau di point masuk dari Lebuhraya ke keratan jalan ini. Sekiranya tol tetap akan ditutupkan, apakah peranan UEM dan Kerajaan di dalam membina tol-tol ini? Apakah pendirian Kerajaan dalam perkara ini?

Saya berharap jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menyentuh soal-soal yang telah saya kemukakan kerana saya ulangi saya tidak mahulah projek-projek yang disukai ini (pet project), dengan izin, Tuan Pengerusi, seperti PERWAJA, PROTON, KEDAH SIMEN dan sebagainya akan mengalami kesusahan di masa akan datang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, menjawab.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Pengerusi, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telahpun membuat beberapa teguran terhadap anggaran yang telahpun dikhaskan untuk pembinaan projek dari Cameron Highlands, Bukit Praser ke Genting Highlands.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum \$15 juta bagi anggaran tambahan yang kita bincangkan dalam Dewan ini ialah tambahan yang agak banyak kalau mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi oleh kerana projek ini melibatkan berbagai-bagai perkara yang berkenaan teknikal tentu sekali kita tidak dapat memikirkan jumlah yang

sebenarnya yang harus dibelanjakan untuk pelaksanaan projek tersebut. Oleh kerana hal yang demikian saya bagi pihak Kementerian Kerjaraya menjawab sedikit sebanyak terhadap teguran-teguran Ahli Yang Berhormat tadi yang mana mengatakan anggaran ini terlalu banyak, beliau menyatakan supaya sistem tender untuk syarikat-syarikat dibuat dengan baik tanpa membazirkan wang rakyat, ini adalah satu syor yang baik kepada Kerajaan pada hari ini..

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat \$15 juta ini adalah sebahagian daripada \$600 juta kos projek yang telah diperuntukkan bagi projek membina jalan di antara Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands sebagaimana yang saya sebut dari mula tadi.

Sebagai satu langkah anti recession, dengan izin, yang diambil oleh Kerajaan \$15 juta ini adalah satu anggaran sahaja untuk membiayai kerja-kerja ukur dan rekabentuk projek ini yang akan menggunakan System Airborne Laser Terrain Profiling, dengan izin. Sistem ini telah didapati sesuai untuk kerja-kerja ukur di kawasan-kawasan bukit-bukau dan hutan rimba dilakukan dengan segera dan tepat ataupun accurate, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan menawarkan kerja-kerja ukur tersebut secara tender terbuka. Jalan raya yang dicadangkan ini pun, Tuan Pengerusi, agak panjang oleh kerana dari Genting Highlands ke Bukit Fraser tidak kurang dari 60 kilometer, Bukit Fraser ke Cameron Highlands 195 kilometer dan tambahan pula ada perkara-perkara lain yang sukar atau sulit untuk saya terangkan dalam Dewan ini kerana maklumlah kerja yang melibatkan bagaimana yang saya sebutkan dari mula tadi dengan berbagai-bagai, teknikal.

Saya sebagai laymen tidaklah dapat menerangkan dengan begitu jelas untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, anggaran yang telahpun diluluskan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi \$600 juta untuk Genting Highlands, Bukit Fraser dan juga dari Bukit Fraser ke Cameron Highlands. Saya harap Ahli Yang Berhormat ini jangan begitu khuatir.

Kita pun sentiasa membuat pertimbangan terhadap masalah-masalah membelanjakan wang ringgit rakyat ini oleh kerana kita mengetahui bukan senang mendapat wang yang begitu banyak tetapi sudah tentu sekali bagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum sebelum Kerajaan menentukan atau mengambil tindakan untuk meluluskan apa sahaja anggaran untuk mana-mana satu projek tentu sekali projek tersebut diteliti dengan baik. Jikalau nampaknya memang viable, tentu sekali Kerajaan menumpukan perhatian supaya projek yang penting begitu dapat dilaksanakan dengan tidak mengalami kerugian daripada pihak Kerajaan dan rakyat.

Jadi sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana dia telah membuat teguran yang begitu baik dan semua teguran beliau saya telah catatkan di sini dan saya akan rujuk kembali dan runding dengan expert-expert yang ada di dalam Kementerian kami.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$15,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,000,000 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.I) 1988.

Maksud P. 55 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.I) 1988) -

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.55 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.55 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.55 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.I) 1988.

Maksud P.56 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.I) 1988) -

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.56 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat daripada Simunjan.

4.13 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang membincangkan sedikit sebanyak mengenai Maksud P.56 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang saya rasa tajuknya sungguh menyeronokkan semua Ahli Yang Berhormat

walaupun sekarang Dewan nampak lengang sedikit.

Saya ingin menyentuh terutama sekali mengenai Butiran 02300 Pemberian Kepada Negeri-negeri untuk Jalan-jalan Luar Bandar. Di Malaysia ini bagaimana membangun sekali pun bandar ataupun kawasan luar bandar masih lagi saya rasa mereka memerlukan jalan, kalau jalan telah baik mungkin diminta jejambat ataupun jalan berpusing-pusing seperti di Kuala Lumpur. Tetapi saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Kerajaan kerana wang sebanyak \$20,080,000 dipohon daripada Dewan ini untuk diluluskan untuk memberi negeri-negeri tertentu termasuk Sabah dan Sarawak supaya jalan-jalan luar bandar dapat diperbaiki, dapat dibuat, dibina dan sebatangnya dan ini sudah tentu menguntungkan rakyat di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya membuat beberapa komen di sini. Pertama saya mohon Kerajaan kalau dapat peruntukan ini mintalah dari segi pemberian itu adil, apa kata kita "fair", dengan izin, adillah - just. Dan dari segi penyedaran dari negeri-negeri pun tersebar dengan fair, dengan adil. Jangan negeri ini lebih, negeri itu kurang, kawasan ini lebih, kawasan itu kurang. Kadang-kadang oleh kerana kawasan itu kawasan Yang Berhormat

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, itu dasar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Memang saya sentuh ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Menumpukan kepada Butiran.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Betul, saya sebutkan tadi Butiran 02300.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P.

Vijandran): Ya, tetapi apa Yang Berhormat kata tadi dasar. Beri sinikah, beri sana itu dasar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, kerana tajuk ini nampaknya merupakan dasar sedikit.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat, teruskan dengan lain tajuk.

Tuan Haji Bujmig bin Haji Ulis: Jadi penyebaran pemberian itu. Misal kata kawasan Ahli yang lebih berkuasa itu dapat banyak, yang tidak berkuasa sedikit, yang tidak menyokong Kerajaan itu sedikit lagi. Jadi ini kita tidak mahu. Kita mahu sama rata, kawasan Ketua Menteri, kawasan Perdana Menteri sama dengan kawasan Wakil Rakyat biasa kerana niat kita untuk membantu rakyat di luar bandar supaya menikmati kemudahan dan pembangunan yang dicap dan dirasai kita selepas mencapai kemerdekaan.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran 02300 ini memang wajar ditumpukan perhatian kepada kawasan-kawasan luar bandar. Kawasan-kawasan yang belum berjalan misal kata kawasan pilihanraya saya, semenjak 10 tahun yang lepas hingga hari ini masih banyak lagi kawasan yang belum diberi jalan-jalan yang memuaskan. Ada lagi kawasan yang belum berjalan, rakyat masih pakai cememt slab, masih pakai simen biasa, kadang-kadang tidak ada simen pun, tanah, kadang-kadang berjalan dalam hutan. Jadi ini perlu diberi tumpuan dan saya harap peruntukan ini akan digunakan untuk membangun jalan-jalan di kawasan-kawasan luar bandar seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah apabila membuat jalan luar bandar seperti yang dipohon hendaklah jalan-jalan ini jangan hanya jalan yang not very lasting, dengan izin, yang tidak boleh tahan lama, kadang-kadang dia

buat hari ini besok habis sudah, kerana kontraktor tidak buat dengan betul, jadi orang kampung ini terkeliru dan bahan-bahan untuk membuat itu mestilah bahan-bahan oleh kerana jalan kampung, anggapan orang bahawa jalan ini tidak perlu buat baik tetapi kita hendaklah ingat bahawa orang kampung pun menghendaki jalan yang baik sama dengan orang bandar. Kita perlu gunakan bahan dan kontraktor yang baik dan sebagainya supaya jalan itu dapat tahan lama dan supaya Kerajaan tidak kerugian yang.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah Butiran 02500 Pembangunan Masyarakat iaitu di bawah Butiran kecil 01 Menaikkan Taraf Jalan Kampung. Jadi ini juga perlu. Alhamdulillah, kita bersyukur dan terima kasih kepada Kementerian kerana begitu memandangi berat terhadap pembangunan kampung terutama sekali di Sabah dan di Sarawak. Banyak jalan-jalan di kampung-kampung seperti di kawasan saya itu yang sekarang menggunakan tanah dan perlu dinaikkan taraf kepada jenis jalan yang lebih bermutu. Saya fikir perbelanjaan sebanyak \$2,500,000 tidak cukup dan saya fikir perlu tambah lagi kerana yang selama ini ketinggalan ialah orang-orang di kawasan luar bandar, yang di bandar itu boleh tahan. Jadi kalau dapat peruntukan itu tambah sedikit. Kawasan Timbalan Menteri Kejaraya, Yang Berhormat Luhut Wan teruk lagi saya fikir dan memerlukan jalan yang baik dan kebetulan jugalah Timbalan Menteri Kerjaraya.

Tuan Luhut Wan: Kawasan saya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya sudah pergi ke kawasannya, saya tahu, teruk. Alhamdulillah, dapat jadi Timbalan Menteri Kerjaraya mungkin dapat bantu Kerajaan beri projek-projek banyak kawasan dia sendiri.

Tuan Pengerusi, Butiran 02500, Pembangunan Masyarakat, 02 Rancangan Pemulihan Kampung. Ini kepada saya kurang jelas sedikit, pemulihan apa? Banyak yang dipulih di kampung. Orangnya perlu dipulih, mungkin ramai yang belum mencapai taraf pemikiran yang sepatutnya. Kemudian kawasan itu pun perlu dipulihkan. Saya dua minggu lepas melawat kawasan, saya melihat bahawa ada rumah orang-orang kampung yang condong dan tidak ada kemampuan untuk mereka memperbaiki rumah itu. Dan ada juga kawasan-kawasan Dewan Masyarakat yang diberi oleh Kerajaan peruntukan untuk membuat, sudah lama sangat pun begitu juga, rosak tidak diperbaiki dan tidak dijaga. Jadi, ini pun perlu dipulih. Oleh kerana itu komen saya ialah peruntukan ini tidak mencukupi, banyak yang perlu kita pulih, terutama sekali kawasan-kawasan kampung, rumah-rumah di kampung yang teruk, yang condong, yang bocor dan sebagainya yang perlu kita beri bantuan kepada mereka ini. Memanglah ada juga yang mempunyai rumah yang condong, yang bocor, yang teruk ini, orang yang boleh kerja, tetapi tidak semua mereka boleh bekerja. Ada yang memang teruk, ada yang hanya sebatang kara, tidak tempat bergantung.

Jadi, saya rasa ini perlu kita perbaiki. Dan ini juga boleh bekerjasama, saya fikir pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar boleh bekerjasama dengan pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kerana sekarang di kawasan saya pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat potong peruntukan diberi kepada orang tua yang balu yang tidak boleh bekerja, yang tiada anak dan sebagainya. Dia potong sekarang, dahulu banyak sekarang dipotong. Jadi, kalau dapat, saya rasa peruntukan seperti ini ditambahkan supaya mereka yang tidak berkemampuan ini dari segi membuat rumah, membuat apa-apa perkakas di

rumah, dapat dibantu, bukan hanya pemberian itu daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat tetapi pemberian dan bantuan harus datang juga daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan dapatlah ditambah kemudahan rumah dan rumah mereka yang condong, yang bocor dapat diperbaiki dengan peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Nampaknya, Tuan Pengerusi selalu tengok saya, mungkin sepatutnya saya berhenti. Jadi, oleh kerana macam itu berhentilah. Saya ucapkan terima kasih dan saya pohon supaya apa yang telah saya kemukakan itu diambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.24 *ptg.*

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P.56, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan merujuk kepada Butiran Projek 00100 - Kemajuan Masyarakat.

Tambahan sebanyak \$500 ribu yang dikehendaki ini bagi membina kerja-kerja pemulihan bagi Pusat Latihan KEMAS di Kuantan, Pahang Darul Makmur, saya suka bertanya kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar setakat ini adakah satu peraturan-peraturan tertentu dibuat kepada penyelia-penyelia KEMAS bagi menghadiri sebarang kursus-kursus dan juga latihan-latihan, kerana apa yang saya tahu terdapat kadangkala kakitangan KEMAS termasuk penyelia-penyeliana terlalu sangat diberi kursus yang berlebihan sehingga kadangkala menimbulkan tandatanya di kalangan masyarakat, kenapakah penyelia ini tidak berhenti-henti berkur-

sus dan kesannya dari kursus yang berlebihan ini juga tidak menampakkan sesuatu yang memuaskan.

Saya faham bahawa bukanlah kakitangan ini tidak perlu diberi kursus dan ianya perlu diberi berdasarkan perkembangan-perkembangan semasa tetapi kalau berlebihan sangat, ini agak menimbulkan ketegangan terutama kepada Penyelia Pembangunan Keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Butiran 02300 mengenai program pembinaan jalan-jalan di kawasan luar bandar, saya sangat bersetuju dengan pendapat Ahli-ahli yang lain supaya luar bandar dilebihkan bantuan kepada negeri-negeri yang mundur bagi pembinaan jalan-jalan di kawasan kampung sangat perlu ditutamakan kerana di kampung masih lagi banyak jalan-jalan yang mundur, jalan-jalan yang tidak begitu baik yang memerlukan bantuan yang memerlukan perhatian dari Kementerian ini dan faktor negeri dan daerah yang paling mundur hendaklah diberikan keutamaan dalam memberikan bantuan ini.

Di samping itu, saya mengharapkan Kepada Kementerian ini supaya mengambil kira juga permintaan-permintaan daripada Wakil-wakil Rakyat tempatan kerana saya mendapat tahu bahawa pemberian peruntukan untuk jalan-jalan ini disalurkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada PKN (Pegawai Kemajuan Negeri) dan kadangkala PKN tidak ambil kira cadangan-cadangan daripada Wakil Rakyat berkenaan dalam memberikan agihan-agihan peruntukan dalam pembinaan-pembinaan jalan-jalan tersebut. Ini berlaku di negeri Selangor. Saya berharap kepada Kementerian ini untuk mengambil perhatian di atas teguran yang saya berikan ini.

Di samping itu, dalam Butiran itu juga telah dinyatakan bahawa kenaikan taraf jalan daripada jalan biasa, jalan tanah merah kepada jalan tar. Ini juga perlu ditambah peruntukan tersebut kerana \$2.5 juta ini saya kira adalah sebagai asas peruntukan awalan yang perlu diterus-meneruskan, perlu ditambah dari masa ke semasa bagi membolehkan banyak jalan-jalan kampung yang pada masa ini tidak begitu sempurna yang masih berdebu dapat dinaikkan kepada jalan tar bagi kemudahan petani-petani dan juga orang-orang kampung berurus dan menggunakan jalan-jalan tersebut dalam urusan kehidupan mereka seharian dalam usaha memasarkan hasil-hasil pertanian mereka.

Yang akhir sekali, saya suka merujuk kepada Butiran 02500, Pembangunan Masyarakat mengenai rancangan pemuliharaan kampung. Dalam usaha pemuliharaan kampung ini, saya tertarik dengan pertandingan keindahan kampung yang diwujudkan pada tahun ini oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah mewujudkan pertandingan keindahan kampung ini. Sekaligus ianya telah memberikan pejuang kepada kampung-kampung untuk membangun kampung-kampung tersebut memulihkan mana yang belum pulih bagi menyertai pertandingan ini kerana tentunya akan diambil kira beberapa faktor tertentu dan juga kemungkinan pengiktirafan-pengiktirafan daripada hasil pertandingan ini.

Apa yang saya harapkan dalam pertandingan pengindahan kampung ini mestilah diambilkira tentang kampung-kampung tradisi dengan kampung-kampung biasa supaya satu kriteria pemilihan dan juga faktor-faktor lain mestilah diambilkira supaya membezakan kampung tradisi dan kampung biasa ini dalam menentukan ciri-ciri tertentu bagi dipertandingkan

sebelum keputusan ataupun pemilihan dibuat.

Saya ingin bertanya apakah hadiah istimewa yang akan diberi oleh Kementerian ini kepada kampung yang berjaya? Adakah Ketua Kampung dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK.) akan mendapat hadiah-hadiah tertentu seperti lawatan ke luar negeri seperti yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada kampung-kampung yang baik, mereka dihantar ke Medan, Indonesia. Ini di peringkat Negeri. Apakah hadiah di peringkat Persekutuan, adakah mereka akan dihantar ke Australia, ke Los Angeles ataupun menunaikan tardu haji ke Mekah sebagai suatu penghormatan kepada Ahli JKKK. Jadi saya ingin mendapat jawapan daripada Kementerian yang berkenaan.

Selain daripada itu, adakah juga satu hadiah lagi akan diberi kepada daerah yang berkenaan seiaian daripada hadiah kepada kampung yang berjaya tadi. Saya kira daerah juga perlu diberikan hadiah yang lebih yang merupakan bentuk pembangunan kepada daerah itu, sebagai galakan kepada kampung yang berjaya. Saya berharap kesemuanya mendapat penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan.

Saya menyokong terus supaya pertandingan ini akan diadakan dari tahun ke setahun dan semoga usaha ini berjaya. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

4.33 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang sekejap untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah bersusah payah dan berusaha menambahkan peruntukan ini untuk membangunkan negara.

Kalau kita rujuk balik kepada Buku Prestasi, kita dapat akuilah banyak benda-benda yang boleh memberikan manfaat dan kebajikan kepada rakyat khususnya rakyat di luar bandar.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya bangun ini untuk menyentuh beberapa masalah yang saya rasa perlu dibangkitkan dalam Dewan ini terutama sekali masalah di bawah Butiran (Projek) 00100 iaitu mengenai peruntukan yang diberi sebanyak \$500,000 dan \$700,000. Saya tidak tahu peruntukan ini ke manakah pihak Kementerian akan beri dan atas butiran apakah peruntukan ini akan ditentukan. Tetapi satu perkara yang harus saya menarik perhatian Kerajaan mengenai Kelas KEMAS atau Kelas Kemajuan Masyarakat di mana pada suatu masa dahulu, saya telah menyarankan kepada Kerajaan supaya kelas ini ditutup terus, memandangkan kepada ekonotni negara yang merosot dan berbagai masalah telah timbul. Tetapi pada satu ketika pula Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengisytiharkan bahawa Kerajaan akan berusaha untuk menambahkan gaji guru-guru KEMAS.

Setakat hari ini saya tak tahulah pengisytiharan itu terhenti setakat mana, tetapi kita boleh melihat pada hari ini, memandangkan kepada hasrat dan tujuan Kerajaan yang begitu besar, tetapi hasilnya yang kita dapat lihat melalui kelas KEMAS ini, saya tak dapat bukti tentang kejayaannya, bahkan saya dapat mengatakan bahawa peruntukan yang diberikan untuk kelas KEMAS ini merugikan kepada pihak Kerajaan sendiri tetapi sebaliknya menguntungkan kepada orang-orang yang tertentu. Sebab itulah saya rasa tidak salah kalau saya katakan kelas KEMAS ini adalah "kelas politik" bagi Kerajaan untuk memberi kerja-kerja kepada orang-orang kuat dalam parti yang tidak ada kerja. Sampai hari ini, Tuan Pengerusi, kelas ini banyak

kosong dan tidak ada murid, tetapi ikut rekodnya masih berjalan terus. Dan saya nampak nasib kelas KEMAS ini samalah dengan nasib "Kelas Dewasa" dahulu ataupun orang kampung gelarkan "Kelas Dua-Sa", cikgu seorang, murid seorang, lampu satu. Ini pun akan berakhir juga Kelas KEMAS ini, apatah lagi apabila timbu! kelas-kelas tadika dan putera-putera. Islam yang menyebabkan murid-murid KEMAS tidak ada tetapi kelas itu masih berjalan juga.

Jadi saya menyentuh dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, supaya Kerajaan dapat memberikan perhatian khusus mengenai kelas KEMAS ini. Kalau Kerajaan merasa benar-benar tidak menguntungkan patutlah ditutup dan kalau Kerajaan merasa ada keuntungan untuk negara dan rakyat, buktikanlah keuntungan itu. Tetapi bagi saya, yang menyebabkan saya timbuikan perkara ini kerana saya nampak hasilnya tidak sama dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan dan saya boleh buktikan bahawa kelas KEMAS ini adalah "Kelas Polilik" yang sengaja diada-adakan oleh Kerajaan untuk memperkuatkan kedudukan partinya. Sebab itu

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, di sini kita tidak boleh bincang dasar kelas KEMAS. Di sini kita hanya boleh membincangkan pembinaan Pusat Latihan KEMAS di Kuantan, Pahang. Itu sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 02300 iaitu Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan Luar Bandar. Saya mengucapkan terima kasih kerana peruntukan ini dan angka itu kalau untuk diisi dengan kehendak jalan-jalan, ianya masih kecil lagi, tetapi suatu masalah yang saya suka bangkitkan di sini ialah tentang pelaksanaan projek

dalam peruntukan ini masih berlaku lagi diskriminasi. Dan saya tidak mahu Kerajaan yang telah 30 tahun lebih mempunyai pengalaman dan berbagai teguran yang diterima, tetapi masih lagi berlaku. Contoh-contoh dan gambaran yang menyeleweng yang mana kesemuanya itu akan merugikan Kerajaan.

Contohnya, Tuan Pengerusi, masalah diskriminasi ini ada dua perkara. Pertamanya saya tahu peruntukan diberikan kepada tiap-tiap wakil rakyat. Walau dari golongan mana sekalipun peruntukan itu ada dan diberikan kepada wakil rakyat tetapi di dalam pelaksanaannya wakil daripada pihak Kerajaan sahaja yang dapat menerima peruntukan itu, tetapi wakil daripada pihak Pembangkang, khususnya daripada Parti PAS tidak mendapat peruntukan itu. Yang keduanya, projek itu sendiri selalu dilaksanakan dalam kawasan-kawasan yang diwakili oleh pihak Kerajaan ataupun anggota Kerajaan, sedangkan kawasan-kawasan yang lain, walaupun lebih mustahak, keadaannya lebih buruk dan perlu diperbaiki, sampai ke hari ini tidak berlaku perubahan terutama sekali hari ini, saya percaya pihak Kerajaan seolah-olah memejamkan mata dengan negeri Kelantan khususnya di kawasan Pembangkang.

Diskriminasi ini kalau dahulu berlaku antara PAS dengan UMNO sahaja, tetapi pada hari ini berlaku antara UMNO A dengan UMNO B. UMNO B pun tak boleh dapat peruntukan, tak dapat projek sampai timbul berbagai masalah. Jadi perkara seperti ini saya rasa tidak harus berlaku dan sudah acap kali saya mengingatkan Kerajaan, kalau Kerajaan mahu sokongan yang baik, mahu nama baik, mahu bertanggung jawab, janganlah membuat amalan yang menyeleweng yang tidak sesuai lagi dengan masa kita hari ini.

Jadi, dengan sebab itu, Tuan

Pengerusi, saya mintalah kepada pihak berkenaan supaya memberikan jaminan apakah peruntukan-peruntukan ini dapat dilakukan mengikut saluran-saluran tertentu ataupun masih suka mengamalkan amalan-amalan diskriminasi sebagaimana yang dibangkitkan tadi. Jalan yang terbiar di luar bandar amat banyak terutama sekali dalam kawasan saya, masih banyak lagi jalan yang perlu diperbaiki tetapi pihak Kerajaan tidak memberikan perhatian.

Saya buat contoh yang saya katakan Kerajaan seolah-olah memejam mata kepada negeri Kelantan, seperti yang telah saya bangkitkan dua hari sudah mengenai pertanyaan saya mengenai universiti, bukan setakat peruntukan itu tidak ada tetapi hilang dalam kira-kira dan sampai pihak Kementerian tidak tahu perkara tni. Ini saya rasa tidak munasabah, tidak patut Kerajaan memberi jawapan begitu, tetapi seolah-olah tidak ada dalam perhitungan. Saya bimbang dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang sedang kita bahas pada petang ini akan berlaku pula sebagaimana yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

Seterusnya 02500, Pembangunan Masyarakat - 01-m menaikkan Taraf jalan kampung. Ini memanglah kita tahu jalan ini ada tiga jenis, jalan Penggawa, jalan Negeri dan jalan Pusat. Tetapi apa yang berlaku khususnya di dalam kawasan saya ada dua masalah. Pertamanya jalan dalam senarai untuk dinaikkan taraf yang rakyat sedang menunggu untuk menikmati jalan yang selesa, jalan yang baik. Kedua, jalan yang sudah dinaikkan taraf, dengan pengambilan tanah, dengan ukuran yang lebih luas, dengan bayaran harga pokok dan sebagainya. Tetapi setelah tanah itu diambil, bayaran sudah selesai kemudian jalan itu dibiarkan begitu hingga sampai bertahun-tahun. Jadi sama keadaan jalan itu dengan masa belum dinaikkan taraf sampailah kepada masa yang dinaikkan taraf. Saya harap akan

dapat perhatian daripada pihak berkenaan kalau Kerajaan itu benar-benar bertanggungjawab untuk melihat jalan di luar bandar itu baik dan semupurna.

Begitu juga 02 - Rancangan Pemulihan Kampung. Saya tidak faham juga sebagaimana sahabat saya tadi tidak dapat untuk menunjukkan satu rupa tentang maksud pemulihan kampung, tetapi dapat saya gambar, kalau dalam kawasan saya sekarang ini ada pertandingan kampung cantik. Ada projek-projek Kerajaan yang mengadakan pertandingan kampung cantik, diberi peruntukan kepada kampung-kampung yang telah diluluskan oleh pihak berkenaan. Setelah selesai, maka diberi hadiah pula kepada pihak-pihak tertentu. Terima kasih dengan usaha Kerajaan yang begitu baik yang menyebabkan orang kampung sedar akan tanggungjawab dan kampung itu bertambah seri pada pandangan dan juga kemudahan-kemudahan. Tetapi yang menjadi masalah, saya suka mengingatkan, dalam projek ini pun berlaku juga perkara-perkara yang tidak baik yang mana kalau saya sebutkan jadi cerita tok-nenek - gergasi makan daging. Kalau daging segantang, dua cupak masuk ke perut, dua cupak tinggal di celah gigi. Yang habisnya segantang juga. Ke manakah perginya dua cupak itu tidak tahu.

Misalnya, kalau peruntukan \$10,000, yang disaksinya dengan kemajuan itu tidak sampai \$5,000 tetapi yang dikeluarkan oleh pejabatnya \$10,000 juga. Jadi ke manakah perginya \$6,000; \$5,000; \$4,000 lagi itu, saya tidak tahu. Ini cerita nenek gergasi pada zaman dahulu, daging satu gantang - 4 cupak, masuk ke perut 2 cupak, tinggal di celah gigi 2 cupak. Inilah yang menjadi masalah kepada negara yang menyebabkan negara kita kaya, buminya kaya tetapi Kerajaan miskin.

Kesemua ini saya harap Kerajaan yang ada sekarang yang bertanggung-

jawab tidak lagi berlaku sama ada deskriminasi atau sebagainya dan saya ucapkan terima kasih di atas perhatian Kerajaan dan usaha Kerajaan menambahkan peruntukan ini untuk menjaga kedudukan rakyat luar bandar dan supaya rakyat luar bandar dapat menikmati sama kedudukannya dengan penduduk-penduduk di dalam bandar. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang akhir, Yang Berhormat dari Padang Terap. Sila ringkaskan.

4.46 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin mengalu-alukan dan seterusnya menyokong pertambahan S20 juta untuk Butiran 02300 yang bertajuk - Pemberian Kepada Negeri-negeri Untuk Jalan-jalan Di Luar Bandar.

Saya ingin mengemukakan dua soalan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan pertama, apakah asas-asas pemberian selain daripada negeri-negeri yang membuat permohonan? Kedua, adakah asas-asas permohonan yang diminta oleh negeri-negeri itu berlandaskan kepada kawasan-kawasan miskin? Saya kata begini ialah disebabkan pada masa ini faktor utama yang menyebabkan kemiskinan di luar bandar khususnya di kawasan Padang Terap dan kawasan Sik di Kedah yang telah dikatogerikan oleh SERU sebagai kawasan yang paling termiskin di negara ini ialah ketiadaan rangkaian jalan-jalan kampung dan jalan-jalan desa yang menghubungkan pusat-pusat ekonomi desa ini ke pasar-pasar di bandar.

Kalau dahulu faktor utama kita mengatakan yang menyebabkan kemiskinan di luar bandar ialah kurangnya produktiviti, tetapi dengan adanya projek-projek Kerajaan seperti FELCRA, RISDA,

FELDA dan lain-lain projek di bawah agensi-agensi Kerajaan produktiviti telahpun meningkat. Tetapi apabila penduduk-penduduk yang telah mengambil bahagian dan telahpun mengeluarkan hasil pada tahap produktiviti yang tinggi memasarkan hasil-hasil mereka, kebanyakan hasil-hasil ini tertumpah disebabkan oleh jalan, ataupun dengan perkataan yang lain, terbazir disebabkan oleh jalan-jalan yang tidak begitu baik. Misalnya, kita sedia maklum, pada masa ini bentuk penjualan getah adalah di dalam bentuk susu (latex). Kebanyakan penduduk-penduduk desa yang miskin menjual getah dalam bentuk latex dan latex ini dibawa melalui jalan-jalan yang tidak baik. Saya pasti kalau dibuat kajian oleh pihak SERU sekalipun akan didapati banyak, lebih kurang 10% daripada pengetuhan hasil kasar adalah dibazir melalui penumpahan latex ini disebabkan oleh jalan-jalan yang tidak baik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya hanya boleh membenarkan Yang Berhormat lagi dua minit.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Oleh itu, saya menyeru pihak Kementerian jikalau belum dilakukan supaya dalam pengagihan wang-wang tni diambil kira faktor ekonomi ini kerana pada fahaman saya kebanyakan jalan-jalan yang diberi di bawah projek Pembangunan Luar Bandar melalui Kementerian yang berkenaan adalah diberi mengikut kehendak sosial iaitu kehendak perhubungan semata-mata, tidak mengikut kehendak ekonomi iaitu kehendak pengeluaran yang ada pada masa ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengingatkan ataupun mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mengambil kira kawasan-kawasan yang telah disenaraikan sebagai kawasan-

kawasan yang termiskin di negara ini, khususnya di kawasan saya Padang Terap yang mana kemiskinannya saya berani kata pada masa ini disebabkan oleh ketiadaan jalan-jalan ini. Keadaan ini juga menghindar pembangunan sosial seterusnya. Contohnya kanak-kanak sekolah yang tidak dapat ke sekolah di dalam musim hujan yang bermula pada bulan ini. Kita tahu bahawa satu daripada faktor yang boleh mengeluarkan penduduk-penduduk desa daripada putaran kemiskinan ialah pelajaran. Sekarang ini berlaku pertumbuhan banyak sekolah di kawasan desa, tetapi dengan ketiadaan jalan, kebanyakan anak-anak desa yang miskin ini tidak dapat ke sekolah dengan sempurna. Ini secara tidak langsung mengakibatkan tidak tercapainya usaha-usaha kita untuk mengeluarkan penduduk-penduduk desa daripada putaran kemiskinan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab. Malangnya, Yang Berhormat hanya ada lebih kurang 5 minit.

4.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada keempat-empat Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Saya ingin memberi jawapan mengikut pecahan kepala yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhonnat.

Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah membangkalkan bahawa kursus KEMAS terlalu banyak sehinggakan

mengakibatkan penglibatan pemaju-pemaju rumah tangga. Yang sebenarnya, kursus ini bukanlah terlalu kerap ditumpukan kepada individu tetapi disebabkan Penyelia-penyelia KEMAS adalah terlalu ramai, keseluruhannya lebih daripada 800 orang Penyelia maka untuk sampai giliran kepada semua Penyelia itu, kita terpaksa mengadakan kursus-kursus yang dianggapkan kerap oleh Yang Berhormat tadi.

Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang mengatakan bahawa kelas KEMAS ini adalah merupakan kelas politik dan tidak mendapat sambutan daripada rakyat. Saya kira pandangan ini adalah pandangan yang tidak benar kerana daripada apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri menggambarkan bahawa pengetahuan Yang Berhormat berkenaan dengan KEMAS adalah begitu cetek sekali. Kerana kelas KEMAS bukanlah terhad kepada kelas-kelas yang difahami oleh Yang Berhormat, kita mempunyai lain-lain tugas seperti ekonomi rumah tangga, khutub-khanah desa dan sebagainya. Dan selain daripada itu juga kita ada Tabika, selain daripada kursus KEMAS. Dan ini saya kira bukanlah kelas-kelas politik seperti yang dianggapkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat juga mengatakan bahawa dia tidak mendapat sambutan. Tetapi dari data-data yang ada, orang ramai di peringkat kampung-kampung telah membuat permohonan-permohonan untuk mengadakan kelas KEMAS di kawasan-kawasan mereka dan permohonan-permohonan ini tidak dapat dilayan oleh Kementerian kerana terlalu banyak yang memohon kelas di kampung-kampung. Ini membuktikan bahawa saranan Yang Berhormat tadi juga adalah hanya berasaskan dari kaca mata seorang Pembangkang sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah hin Haji

Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada masa.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Berkenaan derigan tajuk 02300, seranan daripada Yang Berhormat dari Simunjan dan juga daripada Padang Terap supaya pengagihan peruntukan dan juga penyebarannya dibuat sama rata, inginlah saya memberi pengakuan bahawa setakat ini pelaksanaan projek adalah berasaskan kepada faktor-faktor yang telah digariskan oleh Kementerian. Antara faktornya ialah kemiskinan di satu-satu kawasan, pulangan dari segi ekonomi dan sosial sekiranya jalan itu diadakan dan yang ketiga barulah rangkaian untuk menghubungkan di antara kawasan yang kurang maju dengan kawasan yang maju.

Jadi kita akan pastikan bahawa kawasan-kawasan yang mundur seperti di Kelantan, di Kedah dan di Sarawak akan mendapat keutamaan kerana kita mengetahui bahawa kawasan-kawasan itu memanglah memerlukan keutamaan daripada kawasan-kawasan lain. Tetapi saranan Yang Berhormat dari Simunjan bahawa hanya tempat orang yang berkuasa sahaja mendapat peruntukan; ini adalah satu perkara yang hanya generalization sahaja, kerana kalau pun ianya benar tempat-tempat Ketua Menteri ataupun Menteri-menteri juga adalah tempat-tempat luar bandar. Sebagai satu tempat luar bandar juga ia berhak untuk mendapat peruntukan untuk menaikkan taraf jalan di luar bandar itu.

Berkenaan dengan kualiti material yang digunakan supaya jalan-jalan yang diadakan itu lebih lasting, saya kira Jabatan Kerja Raya ada spesifikasi dan spesifikasi ini sudah semestinya menepati kaedah-kaedah jalan yang akan dibina. Tetapi apa yang selalunya terjadi ialah selepas jalan itu dibuat,

ianya dilalui oleh kenderaan-kenderaan yang beratnya adalah melebihi daripada had muatan jalan yang boleh diterima oleh jalan itu dan ini mengakibatkan bahawa jalan itu akan cepat rosak daripada kebiasaannya.

Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat lain memanglah kita akui bahawa pada masa ini jalan-jalan kampung masih banyak yang perlu dinaikkan taraf dan perlu dibaiki. Tetapi setakat ini kita hanya mendapatkan tambahan yang dipinta ini dan kita mengharapkan bahawa di dalam perbelanjaan yang akan datang, kita akan dapat peruntukan yang lebih untuk meningkatkan lagi pembinaan jalan dan menaikkan jalan di kampung-kampung.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.....

Tuaji Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta mengakhiri....

Tuan Mohamed bin Jamrah: Ya. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengatakan bahawa terdapat diskriminasi dari segi pemberian projek, tetapi di dalam satu segi, di dalam Butiran 02500 beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana Kerajaan telah mengadakan pertandingan kampung indah di kampung dalam kawasan beliau. Beliau mengakui dengan adanya pertandingan itu kawasannya menjadi cantik. Ini dengan sendirinya menunjukkan Kerajaan tidak ada diskriminasi, cuma pandangan serong sahaja yang telah dianggapkan oleh Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan perundingan keindahan kampung, memanglah pada tahun ini kita akan meneruskan pertandingan keindahan kampung, tetapi hadiah yang dipinta oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam iaitu

lawatan ke luar negeri tidaklah ada pada Kementerian ini. Apa yang kita tawarkan adalah merupakan pemberian projek-projek. Jika sekiranya sesebuah kampung itu berjaya maka ianya akan diberikan peruntukan untuk membina projek di kampung-kampung yang berjaya itu.

Jadi, saya kira itulah sahaja yang dapat saya sentuh dalam semua isu yang dibangkitkan oleh keempat-empat Yang Berhormat itu. Tetapi sekiranya ada saranan-saranan Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh di sini, Insya Allah, saya telah mencatatkan dan kami akan merujuk kembali apabila Kementerian mengkaji pelaksanaan projek-projek yang mana peruntukannya dipinda pada petang ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$25,780,000 yang disebutkan dalam maksud P.56 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,780,000 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1988.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak 304,722,860 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$304,722,860 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1988 dan disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Parid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawantankuasa telah pun menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$304,722,860 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$304,722,860 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1988 dan disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam

ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, disetujukan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$304,722,860 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$304,722,860 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1988 dan disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SAID
SEBAGAI Pengerusi
SEMENTARA**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mengumumkan bahawa atas sebab-sebab yang tidak boleh dielakkan dengan kuasa yang diberi di bawah Peraturan Mesyuarat 7(3), saya

telah meminta Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said untuk mempengerusikan mesyuarat selepas ini.

(Tuan Ismail bin Said *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMERBADANAN DEWAN
PERLOMBONGAN
NEGERI-NEGERI MELAYU
BERSEKUTU (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Akta Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan) 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Sebelum itu, saya ingin memberi tahniah kepada Yang Berhormat dari Kemaman yang untuk pertama kalinya mempengerusikan persidangan kita di Dewan kali ini.

Tuan Ismail bin Said: Terima kasih.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah ditubuhkan pada 10hb Disember, 1914 melalui Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu No.25 Tahun 1914. Nama Dewan ini kemudiannya telah dipinda kepada Dewan Perlombongan Negeri-negeri Tanah Melayu melalui Akta Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Berseku-

tu No.50 Tahun 1965 yang diwartakan pada 30hb Jun, 1965.

Penubuhan Dewan ini bertujuan untuk melindungi dan menjaga kepentingan perusahaan perlombongan di negara ini. Dewan ini berbentuk sukarela dan mempunyai tujuan seperti berikut:-

- (1) untuk memiliki, mengambilalih dan memelihara harta-harta alih dan tak alih yang dimiliki oleh persatuan atau pemegang amanah bagi pihaknya;
- (2) untuk melindungi dan memajukan sektor perusahaan melombong di negara ini, mengumpul, menyusun dan menyebarkan maklumat perlombongan, menimbangkan semua persoalan berkaitan dengan perusahaan melombong dan mengemukakan perbincangan umum mengenai, mengadakan apabila perlu satu mahkamah timbangtara untuk tujuan mengadili perbalahan dalam perusahaan perlombongan yang dirujuk kepada, menggalakkan, menyokong atau membantah sebarang perundangan atau sekatan-sekatan lain yang menjejaskan perusahaan melombong dalam Negeri-negeri Tanah Melayu serta menjadi sebagai penghubung dan penyebar maklumat atas hal-hal perlombongan di kalangan persatuan-persatuan perlombongan di dalam dan di luar Malaysia;
- (3) untuk membela dan menerima uran dan pemberian dalam pelbagai mata benda sama ada mutlak atau bersyarat bagi kegunaan Dewan; dan
- (4) secara amnya akan melaksanakan segala perkara yang perlu

atau bermanfaat bagi mencapai tujuan penubuhan dengan teratur dan berkesan.

Sejajar dengan peredaran masa dan perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara kita, mahupun di peringkat antarabangsa maka terdapat keperluan untuk membuat pindaan-pindaan terhadap Enakmen itu supaya Dewan Perlombongan dapat menjalankan fungsinya secara lebih meluas, licin dan berkesan, di samping mengubahsuai peruntukan-peruntukan yang diwarisi daripada penjahaj yang tidak sesuai lagi.

Saya tidak bercadang berucap secara panjang lebar mengenai sejarah dan pindaan-pindaan yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya sekadar ingin menyentuh aspek-aspek pindaan yang penting sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Enakmen Perbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Tanah Melayu Bersekutu seperti berikut.

Pindaan kepada seksyen 2 Enakmen yang dicadangkan dalam Fasal 2 adalah bertujuan untuk menukar nama Perbadanan daripada "States of Malaya Chamber of Mines" kepada "Malaysian Chamber of Mines" dan bagi memperuntukkan perkara-perkara yang berbangkit daripadanya. Pertukaran tersebut membolehkan orang-orang atau mana-mana Dewan Perlombongan atau pertubuhan-pertubuhan yang serupa ditubuhkan di Sabah dan Sarawak menjadi layak untuk menjadi ahli Dewan dan dengan demikian menjadikan Dewan tersebut wakil bagi seluruh Malaysia. Manakala pindaan yang dicadangkan di dalam Fasal 3

merupakan pindaan-pindaan berbangkit.

Fasal 4 bertujuan untuk menghapuskan kesan penjajahan yang ketara yang menghendaki Dewan Perlombongan menguruskan kira-kira kewangan dengan pihak bank yang ditubuhkan atau mempunyai cawangan di England dan pindaan ini membolehkan Dewan Perlombongan Malaysia menguruskan hal-hal kewangan dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia.

Pindaan yang dicadangkan di dalam Fasal 5 bertujuan untuk melengkapkan dan meletakkan skop bidang kuasa Menteri kepada perspektif yang betul. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah bertujuan memperbaiki dan memperluaskan aktiviti-aktiviti Dewan Perlombongan supaya lebih menyeluruh dan meliputi seluruh negara kita.

Sukalah saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ismail bin Said: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat dari Pagoh.

5.10 ptg.

Tnan Ahmad bin Omar (Pagoh): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Tuan Yang di-Pertua, Persekutuan Tanah Melayu telah merdeka sejak tahun 1957. Negara Malaysia yang merdeka telah lama wujud. Negeri-negeri Melayu Bersekutu hanya tinggal dalam lembaran sejarah. Zaman eksploitasi ekonomi asing di negara kita juga sudah berlalu dan glamournya juga, dengan izin, sudah tiada lagi, maka sudah wajarlah kesan-kesan sejarah penjajahan ini dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pindaan Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu seperti ini adalah kena pada masanya dan sangat-sangat diharapkan. Sepatutnya pindaan ini telah lama dibuat, walaupun begitu ini bukanlah merupakan langkah yang terlalu lewat. Pindaan kepada Fasal 2 dan Fasal 4 adalah di antara bahagian-bahagian pindaan-pindaan yang penting. Dengan wujudnya "Malaysian Chamber of Commerce" ini lebih menggambarkan peranan dan kepentingannya di negara ini yang meliputi semua negeri-negeri di Malaysia. Perubahan ini menjadikan Dewan lebih comprehensive, dengan izin, skopnya dan dapatlah memainkan peranan yang diperlukan di kesemua negeri-negeri di Malaysia tanpa ada sekatan atau, dengan izin, limitation.

Dengan penukaran nama Dewan ini juga ia dapat mencerminkan perannya dengan ciri-ciri keMalaysiaannya di negara Malaysia yang telah lama wujud dan merdeka dan bukan ciri-ciri Negeri-

negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) yang wujud sebelum merdeka. Tegasnya, pindaan ini adalah merupakan pembebasan dari unsur-unsur zaman penjajahan kepada zaman kemerdekaan dan yang lebih penting dari itu kesan penting daripada pindaan ini ialah membolehkan kumpulan wang Dewan itu dilaburkan di dalam bank-bank dan Institusi-institusi kewangan di dalam negeri. Pelaburan dalam negeri amatlah diharapkan dan kemampuan Dewan melabur di dalam negeri sesuai dan selaras dengan usaha Kerajaan menggalakkan pelaburan bukan sahaja dari luar negeri tetapi juga meningkatkan keupayaan pelaburan dari dalam negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, diharap dengan skop Dewan yang lebih meliputi akan menguatkan lagi Dewan dalam erti kata mempunyai keahlian yang lebih banyak dan menyeluruh dan merupakan satu-satunya Dewan yang wujud bagi melindungi mana-mana orang atau Dewan perlombongan atau pertubuhan yang serupa dengannya yang menjadi ahli-ahli Dewan.

Fasal 5, dengan pemotongan perkataan-perkataan "Federated Malay States" membolehkan Menteri menggunakan kuasanya pada perspective yang betul dan seterusnya dapat mengelakkan sebarang perkara berbangkit, khususnya dari segi pelaksanaan bidang kuasa Menteri yang berkemungkinan dipersoalkan akibat dari ketidaktentuan bidang kuasa Menteri yang ditetapkan, yang demikian membolehkan Menteri berkenaan menjalankan apa jua tindakan yang perlu tanpa gangguan dan kemungkinan menghadapi sebarang tindakan perundangan. Dengan lebih kemasnya Enakmen Perbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini,

saya juga mengharapkan bahawa Dewan akan membantu raeneguhkan lagi industri perlombongan di negara ini yang menjadi tulang-belakang yang penting bagi ekonomi negara satu masa dahulu dan dengan pemutihan secara beransur-ansur industri perlombongan, khususnya bijih timah, maka diharap masa depan industri perlombongan negara akan lebih maju dan Dewan akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.15ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta yang bernama Akta Perbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan) 1988.

Saya mengalu-alukan tujuan Rang Undang-undang seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini khasnya di bawah mana dengan pertukaran nama daripada "States of Malaya Chamber of Mines" kepada "Malaysian Chamber of Mines", maka kita akan membolehkan Perbadanan ini meluaskan aktiviti-aktivitinya kepada negeri Sabah dan Sarawak. Ini sebenarnya tidak bermakna kita akan meng 'colonise' ataupun memperjajahkan negeri-negeri Sabah dan Sarawak, tetapi kita hanya akan membantu sektor perlombongan di negeri Sabah dan Sarawak untuk bukan sahaja negeri itu mendapat lebih hasil, tetapi negara juga selanjutnya.

Seperti mana kita semua ketahui, Chamber of Mines di negara kita telah memainkan satu peranan yang penting

dan baik untuk semua aspek perlombongan di negara kita, khususnya untuk memperjuangkan di atas beberapa masalah yang dihadapi oleh sektor perlombongan kita. Bidang perlombongan ini telah memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara kita pada beberapa tahun yang lalu dan seterusnya hasil negara kita juga telah dibantu oleh sektor perlombongan ini dengan berjuta-juta ringgit melalui beberapa jenis cukai-cukai dan duti eksport. Tetapi sejak tahun 1985, peranan sektor perlombongan kita telah jatuh ke satu taraf yang tidak begitu sesuai oleh kerana beberapa ribu pekerja-pekerja yang telah bekerja dengan sektor perlombongan ini masih berada di dalam peringkat pengangguran dan walaupun ekonomi negara kita telah mulai pulih, tetapi dalam sektor perlombongan, kita masih tidak dapat apa-apa pemulihan hingga masa kini.

Dengan keadaan seperti ini saya terkejut sedikit dan tidak begitu faham sebab apa pihak Kementerian tidak mengambil faktor pengangguran ini di dalam Rang Undang-undang yang telahpun dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini. Untuk pihak Kementerian boleh membantu sektor perlombongan kita, saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk mengambil beberapa tindakan yang lebih positif untuk mencari jalan sebagaimana masalah pengangguran yang berlaku di dalam sektor perlombongan boleh dapat diselesaikan. Sebagai contohnya satu cara baik yang saya boleh katakan di sini ialah untuk mencari jalan bagaimana pihak Kementerian boleh menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh sektor perlombongan melalui satu sistem untuk menggiatkan dan membolehkan aktiviti-aktiviti prospection ataupun mencari galian-galian dan lain-lain

benda dalam tanahair kita bagi membantu pihak perlombongan menjalankan aktiviti-aktiviti perlombongan di seluruh negara kita.

Saya ingin menyentuh di sini sumber-sumber logam di negara kita boleh dapat dijalankan kerja-kerjanya melalui satu sistem 'prospection', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan pihak Kementeriannya harus mengambil tindakan yang positif untuk mencari jalan bagaimana kos prospection ini boleh ditanggung bukan sahaja oleh pihak swasta tetapi juga oleh pihak Kementeriannya. Walaupun kita ada beberapa Jabatan yang harus memainkan peranan yang lebih penting untuk mencari lebih logam-logam di dalam negara kita, tetapi nampaknya sampai masa kini kita tidak dapat hasil yang baik melalui usaha-usaha dari Jabatan-jabatan tersebut. Dengan ini saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian untuk mewujudkan suatu badan kerjasama antara pihak Kerajaan dan pihak swasta di bawah mana semua pihak yang pakar di dalam prospection, boleh menjadi ahlinya. Ahli-ahli badan ini boleh terdiri daripada pihak swasta seperti MMC, Osborne & Chappel dan juga lain-lain pakar perunding seperti tersebut di dalam sektor perlombongan serta juga pihak daripada luar negeri ataupun syarikat-syarikat antarabangsa terkemuka yang kita telahpun terkenal. Kita harus mewujudkan badan atau syarikat ini yang boleh bertanggungjawab di atas semua aktiviti prospection dan dapat mencari semua hasil yang berada di dalam tanahair kita. Melalui sistem itu juga kita harus memberi kuasa penuh kepada syarikat yang membuat prospection untuk mengambil bahagian di dalam industri perlombongan kita dan bukan lain-lain pihak.

Pada masa kini adalah satu masalah besar di bawah mana walaupun pihak swasta boleh membuatkan aktiviti prospection tetapi pada akhirnya tanah itu boleh diberi kepada pihak-pihak lain dan ini sedang mengelirukan aktiviti prospection. Saya rasa bahawa sistem yang saya telah menyebutkan tadi kita boleh menyelesaikan masalah berkaitan dengan kos prospection dan juga boleh memberi lebih hasil kepada pekerja-pekerja dan juga syarikat-syarikat yang ada menjalankan aktiviti-aktiviti prospection dan perlombongan. Tetapi sejak masa dua tiga tahun dahulu kita tidak terdapat apa-apa aktiviti dalam sektor itu. Oleh yang demikian, dengan cadangan saya untuk menggalakkan lebih kerja perlombongan, saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya suka juga memberitahu bahawa di Semenanjung Malaysia, khasnya di rantau tengah dan juga di negeri Sabah dan Sarawak kita mempunyai beribu-ribu hektar tanah yang masih tidak dapat dikaji dari segi sumber logam dan saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk menubuhkan syarikat prospection tersebut untuk mencari jalan sebagaimana semua hasil di seluruh negara kita boleh dapat dikaji dan juga boleh dapat dilombong untuk mendapat lebih faedah kepada semua rakyat dan juga negara kita.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.23ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

turut mengambil bahagian bagi membahaskan Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Sebelum itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat kerana telah dilantik mempengerusikan mesyuarat pada hari ini (*Tepuk*).

Tuan Ismul bin Said: Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bukan sahaja ianya sesuai tetapi sungguh nampak segar sekali! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu seperti yang telah dibentangkan tadi walaupun dikatakannya pindaan-pindaan ini hanya dikhususkan kepada perkara-perkara tertentu sahaja dan lebih-lebih lagi dalam menghapuskan ciri-ciri penjajahan, tetapi saya kira Enakmen ini mempunyai fungsi dan peranan yang penting di dalam industri perlombongan negara kita.

Satu perkara yang saya bangkit untuk turut serta membahaskan Enakmen ini ialah kerana ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sejauh manakah penglibatan kaum bumiputera di dalam Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini? Penghapusan ciri-ciri penjajahan dari segi bentuk undang-undang tidak akan bererti jika penyertaan (participation) orang-orang Melayu kaum bumiputera di dalam bidang ini tidak dapat ditingkatkan dengan sewajarnya sebagaimana tuntutan di bawah Dasar Ekonomi Baru, kerana ciri-ciri monopoli dalam perlombongan dahulu yang dikuasai oleh golongan-golongan ter-

tentu ataupun satu-satu kaum sahaja jelas memperlihatkan ciri-ciri yang dibawa oleh penjajah dahulu. Ini bererti kegiatan-kegiatan Dewan Perlombongan ini nanti masih bersifat sedemikian rupa, maka cita-cita ke arah pengwujudan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini bukan sahaja tidak berjaya tetapi juga tidak memenuhi tuntutan dan aspirasi nasional kita bersama.

Yang kedua, saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah, program-program ataupun rancangan-rancangan yang progresif dan tersusun yang disediakan oleh Kementerian bagi memastikan penglibatan kaum bumiputera dalam bidang ini dengan lebih bermakna lagi? Kita sedar bahawa bidang industri perlombongan dahulu memang merupakan satu yang begitu penting kepada tulang belakang ekonomi negara kita tetapi tidaklah seperti yang kita lihat pada hari ini.

Walau bagaimanapun, negara kita adalah negara yang kaya dengan bahan-bahan mentah, daripada berbagai-bagai logam, dahulu bijih timah dan kita dengar pula ada negeri-negeri sudahpun didapati adanya emas dan sebagainya, menuntut bahawa industri perlombongan perlu ditingkatkan, apatah lagi kita bimbang satu hari nanti sumber-sumber kekayaan bahan-bahan mentah kita yang ada di permukaan bumi akan terhapus dan terhakis. Seperti sekarang kita bergantung banyak seperti kayu balak tetapi hutan-hutan balak sudahpun banyak ditebang, maklum sahajalah sebab ada juga orang-orang tertentu mahu kaya cepat, tetapi walau macam manapun ini semua memberi faedah kepada negara, kalaulah semuanya mengambil bahagian, ini bukan sahaja untuk meningkatkan kekayaan masing-masing tetapi sentiasa juga meletakkan kepentingan negara di atas segala-galanya.

Maka sebab itu saya percaya logam-

logam yang ada di negara kita ini masih banyak dan di bawah perut bumi kita ini penuh dengan kekayaan yang diberi oleh Allah Subhanahu wataala, tetapi kekayaan ini tidak akan bermakna kalaulah cara kita mengeluarkannya itu bukan sahaja tidak mengikut perancangan yang teliti tetapi juga ianya membazir dan kadang-kadang merosakkan alam semula jadi. Tidak sedikit kita dengar masalah-masalah keruntuhan tanah-tanah akibat daripada perlombongan yang bukan sahaja mencacat alam semula jadi tetapi juga mengorbankan nyawa dan rakyat negara kita. Maka sebab itulah Akta-akta seperti ini perlu dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada Kementerian Perusahaan Utama supaya bukan sahaja melibatkan secara aktif dalam raembantu Dewan ini bukan sahaja sekadar mengadakan undang-undang ataupun menentukan peraturan-peraturan, tetapi bimbingan-bimbingan yang bermakna harus dilakukan. Kita tidak mahu melihat wujudnya dewan-dewan ataupun institusi-institusi tidak lebih daripada sebagai satu perhiasan. Kita lihat ada juga dewan-dewan lain yang tidak begitu berfungsi walaupun namanya boleh dikatakan bergegar di peringkat nasional.

Itulah sedikit sebanyak pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, sekadar bersama-sama memberi pandangan dan saya harap mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan juga diberi perhatian di atas saranan-saranan yang disebut secara ringkas tadi. Sekian, terima kasih.

5.30 ptg.

Tuan Abdul Rahman Bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut memberikan sedikit pandangan mengenai dengan Rang Undang-

undang bernama Suatu Akta untuk meminda Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Daripada lima perkara yang diterakan dalam kertas biru ini, saya melihat perkara yang lebih diutamakan iaitu untuk menukar nama "States of Malaya Chamber of Mines" kepada "Malaysian Chamber of Mines". Penukaran ini merupakan satu perkara yang penting dalam lima perkara ini dan penukaran itu sebagaimana yang dijelaskan dalam kertas ini adalah berhasrat untuk memberikan kuasa yang lebih dalam bidang perlombongan, bukan sahaja kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu tetapi juga Sabah dan Sarawak. Bagi saya penukaran nama itu memberi makna serta simbol yang jelas, nama itu adalah merupakan aspek yang kedua, tetapi yang perlu kita pandang, yang perlu kita lihat tentang isi serta hasrat penukaran nama itu.

Saya berpendapat kalau hanya setakat menukar nama daripada "States of Malaya" kepada "Malaysian" iajuga mengajak seluruh orang-orang di Sabah dan juga di Sarawak untuk melibatkan diri dalam aspek perlombongan ini, dan lebih daripada itu ia juga meminta serta mengajak penglibatan yang sungguh-sungguh, bukan sahaja pada nama, tetapi juga pada amalan dan juga pada tindakan itu sendiri.

Dalam soalan ini saya juga ingin mengingatkan bahawa adalah tidak menguntungkan kita kalau sekiranya soal hasil perut bumi itu hanya dibuat dalam bentuk bahan-bahan mentah sahaja. Saya kira adalah lebih baik sekiranya mulai daripada sekarang pihak Kementerian Perusahaan Utama dapat mencari jalan bagi kita menukarkan barang-barang mentah itu dalam bentuk barang-barang yang lebih siap.

Sudah terlalu lama negara ini sejak sebelum merdeka, selepas merdeka kita bergantung kepada bahan-bahan men-

tah seperti bahan-bahan mentah bijih timah, emas, minyak dan sebagainya dan dieksport dalam bentuk yang mentah juga tanpa dapat merasai hasilnya dalam bentuk-bentuk yang lebih siap. Hari ini kita merasakan satu perkara yang begitu pilu bila kita dapat melihat beberapa negara seperti Singapura, Korea dan Jepun yang negara-negara berkenaan tidak mempunyai hasil-hasil logam sebagaimana Semenanjung, Sabah dan Sarawak, tetapi bisa menjadikan negara itu pengeluar-pengeluar utama bahan-bahan yang serupa diperolehi daripada negara kita. Oleh yang demikian, saya kira sudah sampai masanya kita bukan sahaja menukarkan nama itu yang saya sebutkan tadi, tetapi tukar juga di segi cara amalan dan tindakan kita, ertinya tidaklah sesuai lagi kita sekadar mendapatkan duit panas tanpa memecahkan kepada barangan-barangan yang lebih siap. Perbuatan ini saya kira bukan sahaja melambatkan proses perindustrian, pertumbuhan ekonomi, tetapi juga sekali gus mematkan keupayaan, kebolehan anak-anak negeri bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Saya bimbang satu hari nanti apabila barang-barang logam telah habis kita tidak dapat apa-apa, kita tidak dapat kepakaran, kita tidak dapat kemahiran dan seumpamanya. Jadi perkara ini hendaklah kita sedari dan mulai daripada sekarang bagi memastikan juga berupaya menukarkan barang-barang mentah itu kepada barang-barang yang lebih siap.

Perkara yang kedua, kita melihat dari segi perlombongan kurang sekali dibincangkan dari segi aspek Dasar Ekonomi Baru. Kita mungkin dapat bercakap penglibatan kaum bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru ke tahap 30% dan sudah ada dalam bidang-bidang yang lain seperti pelajaran bumiputera mencapai angka yang demikian. Tetapi dalam bidang perlom-

bongan kaum bumiputera sering ketinggalan. Ini adalah kesan daripada penjajahan yang meletakkan bangsa-bangsa dan suku-suku itu berdasarkan keghairahannya. Orang Cina diletakkan di perlombongan dan di bandar-bandar besar, orang Melayu di tepi-tepi pantai menjadi nelayan dan juga petani, orang India di estet-estet dan juga di rel-rel keretapi. Jadi penyusunan itu telah menjadikan masyarakat Malaysia menguasai ekonomi dalam bentuk yang ditentukan, mereka.....

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Ismail bin Said: Ya, Simunjan ada apa? Minta penjelasan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Tuan Ismail bin Said: Beri jalan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Bagilah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tadi Yang Berhormat kata orang India di rel-rel keretapi, adakah di atas rel keretapi atau dekat rel keretapi? Ertinya berhampiran atau bagaimana? Ini tidak jelas, saya minta penjelasan.

Tuan Ismail bin Said: Sila Marang tolong jelaskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dekat rel-rel keretapilah, takkan atas rel, atas rel kena langgar - matilah. Jadi penyusunan itu adalah tidak benar dan tidak dapat mencerminkan satu komposisi kaum yang melibatkan ekonomi secara agak melibatkan semua pihak. Saya kira dalam soal ini penyusunan perlu dibuat dan ini sangat penting apabila kita memasukkan Sabah, Sarawak dalam enakmen ini, kerana bercakap nama Sabah banyak sekali kaum bumiputera di sana begitu juga Sarawak. Tetapi sehingga hari ini kita rasakan gagal, hatta untuk kita

membilang dengan jari kaki ataupun jari tangan di mana kita boleh melahirkan orang-orang ataupun kaum bumiputera yang berkeupayaan dalam bidang perlombongan. Jadi soal penyusunan itu walaupun tidak dibincangkan hari ini dalam enakmen ini, tetapi ia sudah tentulah mengajak Kementerian untuk berfikir dengan lebih mendalam dan jauh betapa perlunya pengelibatan Dasar Ekonomi Baru dalam soal perlombongan. Kalau Dasar Ekonomi Baru itu diberhentikan cadangannya tahun 1990, tetapi kerana enakmen ini akan dikuatkuasakan, dlmulakan pelaksanaannya daripada tarikh enakmen ini diluluskan, maka ianya mungkin boleh dipanjangkan dan dilibatkan dalam satu jangka masa yang lebih jauh.

Saya juga ingin menyentuh bahawa bila kita mengeksport hasil-hasil sering kita lupa bahawa kita hanya beruntung di satu pihak. Apa yang telah terjadi terutama di kawasan-kawasan Sarawak sendiri soal eksploitasi itu melibatkan keuntungan satu pihak dengan secara keterlaluan dan di satu pihak lagi dengan agak sedikit, pendekatan saya, melalui contoh ini, misal kata dahulu begitu hebat isu pengeksploitanian balak mengakibatkan kaum Penan dan juga kaum Kenyan serta kaum-kaum yang lain merasakan mereka itu tersisih akibat dari segi royalti yang begitu sedikit dan tidak memberi kesan apa-apa.

Sehubungan dengan ini bertolak daripada contoh itu dan contoh-contoh yang lain, yang tidak perlu saya sebut dalam Dewan ini kerana masa yang terhad. Saya mengira bahawa adalah sangat perlu pihak Kementerian mengkaji soal imbuhan, soal gantirugi, soal pampasan terhadap mana-mana kawasan yang akan disedut hasil logamnya, terutama di Sabah dan juga di Sarawak.

Saya kira adalah malang sekiranya

kita hanya berupaya mengambil hasil-hasil bumi mereka tetapi dalam masa yang sama kita tidak menyedari bahawa kita langsung tidak memberatkan aspek-aspek kemanusiaan dan juga pertumbuhan ekonomi di kawasan-kawasan mereka. Jadi, supaya pisang tidak berbuah dua kali dan juga kita berhasrat untuk memberikan pertolongan kepada kaum bumiputera maka imbuhan ganti rugi, pampasan kepada tanah-tanah yang akan dilombong, yang akan digali diberikan keutamaan.

Saya percaya bahawa di Sabah bukan sahaja tembaga yang diperolehi pada hari ini tetapi juga banyak hasil-hasil perut bumi yang lain akan dapat dikuasai apabila soal cari gali, soal penentuan akan dibuat di seluruh Negeri Sabah dan juga Sarawak. Jadi satu 'framework' yang meliputi soal ini perlulah juga diberi keutamaan.

Saya juga ingin menyentuh bahawa apabila kita bercakap tentang Enakmen ini, kita juga perlu berhati-hati. Banyak negara hari ini begitu ghairah untuk mengeksport hasil bumi mereka tanpa sekatan ataupun tanpa had, had dan sekatan ini bisa dibuat apabila hasilnya sudah di hujung Julai mula difikir kuota seumpamanya. Tetapi ada juga negara-negara dalam dunia ini seperti Burma yang meletakkan reserve kuota ini awal-awal lagi. Jadi tidaklah dieksplot begitu ghairah tetapi hendaklah direserve ataupun dihadkan pengambilannya.

Oleh yang demikian saya rasa meletakkan nama sahaja ataupun memindahkan "States of Malaya (Chamber of Mines)" kepada "Malaysian Chamber of Mines" adalah tidak mencukupi tetapi soal untuk meletakkan dasar ini perlulah diberikan perhatian.

Saya juga ingin menyentuh bahawa pengalaman di Semenanjung adalah kurang menyenangkan iaitu bila kita bercakap tentang Semenanjung, kita

melihat seolah-olah penjajah telah memberi satu kebaikan kepada kita iaitu dalam konteks pekerjaan telah memberi pekerjaan kepada kita. Bagi saya ini tidak mencukupi kerana boleh dikatakan pekerjaan yang diberi kepada orang-orang Semenanjung adalah dalam bentuk buruh-buruh kasar, dalam bentuk pekerja-pekerja biasa, am, Kerani, kalau ada sedikit atas itu, Mandor sahaja.

Jadi kita melihat bahawa kalau dibentangkan satu fasal iaitu Fasal 4 yang bertujuan menghapuskan kesan penjajahan yang ketara maka aspek pekerjaan ini juga mesti dilihat iaitu aspek profesional, aspek teknikal di dalam soal-soal perlombongan perlu dan mula ditekankan secara sungguh-sungguh kepada anak Malaysia. Kita tidak mahu orang Malaysia hanya setakat menjadi buruh biasa, pelombong biasa yang hanya hidup untuk cukup kais pagi makan pagi.

Jadi kita percaya bahawa inipun akan kita lalui, inipun akan kita tempuhi, maka walaupun kita akan membawa orang-orang asing kerana kita mungkin tidak ada kepandaian, tidak ada kepakaran tetapi soal penukaran melalui satu peraturan, melalui satu kuasa mestilah ditekankan, mestilah dibuat bersama-sama dengan usaha yang kita jalankan itu sendiri.

Saya juga ingin membuat satu kesimpulan secara keseluruhan bahawa Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini saya sokong penuh berdasarkan kepada ianya memberi satu ruang pergerakan ekonomi serta urusan perniagaan yang lebih luas dan juga ini merupakan satu cara yang sungguh sesuai dan sungguh baik kerana ia melibatkan integrasi ekonomi yang lebih nampak bersungguh-sungguh dan integrasi ini juga kita tidak akan lagi bercakap dari segi pelajaran ataupun bidang-bidang yang lain tetapi

bila lahir Enakmen ini maka kita akan mula merasa bangga bahawa satu integrasi ekonomi telah mula dijalankan.

Saya juga menyokong penuh kerana ianya memang sesuai apabila negara kita telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Walaupun Enakmen ini lewat untuk dipinda tetapi saya akan menyesal serta merasakan dukacita kerana menentang sebarang langkah mungkin daripada DAP yang akan menentang Enakmen ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Said: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.46 ptg.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan Rang Undang-undang yang telah saya bantangkan sebentar tadi dan saya menghargai sepenuhnya pendapat-pendapat, pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh dalam menyokong Rang Undang-undang ini telah membuat penjelasan-penjelasan yang amat sesuai dan oleh kerana penjelasan-penjelasan itu bersifat sokongan, maka saya hanya mengucapkan terima kasih kepada beliau dan tidak ingin hendak membuat apa-apa ulasan.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor menyatakan bahawa sektor perlombongan yang telah merosot kerana kejatuhan harga beberapa tahun yang lepas belum lagi pulih dan meminta supaya Kementerian ini mencari jalan untuk mengatasi masalah pengangguran akibat daripada penutupan lombong-lombong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa pada tahun 1980 bilangan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam perlombongan ialah 39,000 orang tetapi pada hari ini iaitu tarikh yang terbaru pada bulan Disember tahun lepas angkanya menurun sehingga 10,900 orang. Ini bererti kira-kira 20,000 orang telah kehilangan mata pencarian sejak tahun 1980 hingga sekarang akibat daripada kuncupnya industri perlombongan ini.

Pihak Kementerian telah menjalankan berbagai-bagai ikhtiar bekerjasama dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah pengangguran yang diakibatkan oleh kemerosotan perusahaan bijih timah ini.

Saya suka memaklumkan bahawa banyak langkah telah diambil, misalnya untuk menjadikan tanah-tanah di kawasan sekitar perlombongan yang tidak lagi digunakan untuk tujuan meilombong dijadikan kawasan tanaman dan bekas pekerja lombong yang berkenaan diberi galakan untuk menanam sayur-sayuran untuk menampung kehidupan mereka di kawasan yang tersebut itu.

Selain daripada itu setengah-setengah daripada pekerja-pekerja itu juga telah mendapat pekerjaan dalam bidang-bidang yang lain dan setengahnya membuat pekerjaan sendiri.

Saya percaya Kementerian Buruh telah mengambil apa juga langkah yang perlu untuk membantu orang-orang yang terpaksa berhenti kerja akibat daripada kemerosotan pengeluaran bijih timah sejak beberapa tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perusahaan bijih timah kelihatan mulai pulih sejak akhir-akhir ini dengan meningkatnya harga bijih timah daripada \$14.00 lebih tahun yang lalu kepada \$18.00 lebih pada masa ini. Ini

sudah pasti akan memberi peluang kepada bekas-bekas pekerja-pekerja lombong tiraah kembali bekerja di tempat-tempat lama mereka sekiranya kilang-kilang yang telah ditutup itu dibuka kembali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor juga telah menyentuh masalah prospeksyen. Beliau dalam ucapannya, ladi telah mengesyorkan supaya kos prospeksyen ini ditanggung oleh Kementerian secara bersama dengan pihak swasta. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak Kementerian sendiri dan Kerajaan tidak boleh melibatkan diri dalam prospeksyen ini kerana ini adalah sebenarnya suatu bidang yang selama ini digalakkan kepada pihak swasta. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan melalui Malaysian Mining Corporation, dengan izin, telah menjalankan kerja-kerja prospeksyen ini dengan kerjasama pihak swasta seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh kerana kerja prospeksyen ini memerlukan modal yang sangat besar dan memerlukan masa yang lama dan kadang-kadang modal yang banyak habis hangus begitu sahaja apabila prospeksyen itu tidak mendatangkan apa-apa hasil, maka tidak banyak pihak-pihak yang ingin terlibat di dalam kerja-kerja prospeksyen ini. Walau bagaimanapun, seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, badan yang paling giat menjalankan kerja-kerja prospeksyen ini ialah Malaysian Mining Corporation yang telah pun menjalankan survey dan kajian-kajian prospeksyen di beberapa buah negeri yang diketahui mengandungi deposit-deposit bijih seperti di pendalaman Pahang, Kelantan dan juga negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menimbulkan penglibatan kaum bumiputera di dalam bidang perlombongan dan beliau ingin mengetahui apakah langkah-langkah positif yang dijalan-

kan untuk menambahkan bilangan kaum bumiputera di dalam bidang perlombongan. Perkara yang sama telah juga dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang apabila beliau membangkitkan bahawa pentingnya aspek DEB dalam di sektor perlombongan dan mestilah diberi perhatian. Tuan Yang di-Pertua, kaum bumiputera memang mempunyai peranan yang penting di dalam sektor perlombongan dan pentingnya pernyataan mereka dalam bidang ini. Kita jelas kelihatan daripada hakikat bahawa mereka mempunyai Dewan yang tersendiri iaitu Dewan Perlombongan Bumiputera Malaysia yang juga menjadi ahli Dewan Perlombongan Malaysia. Masalah sama ada cukup atau tidak penglibatan bumiputera di dalam sektor perlombongan ini adalah soal yang sentiasa dibincangkan antara pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab untuk membahagi-bahagikan kawasan-kawasan perlombongan kepada orang-orang yang memohon.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penyertaan bumiputera di dalam bidang, dengan izin, upstream dalam sektor perlombongan ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, dalam bidang downstream, kegiatan kaum bumiputera masih memerlukan pembaikan yang amat besar dan di sinilah perhatian diberikan dan bimbingan diberikan untuk memastikan bahawa kaum bumiputera bukan sahaja memiliki kawasan-kawasan perlombongan tetapi juga terlibat sama di dalam usaha-usaha perlombongan dan lebih penting lagi menjalankan usaha-usaha memproses bahan perlombongan di kawasan mereka sendiri. Tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa perkara ini akan mengambil masa yang agak panjang oleh kerana penglibatan bumiputera di dalam sektor perlombongan ini adalah suatu yang baru seperti yang diakui sendiri oleh

beberapa Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan perkara perlunya kita menubuhkan lebih banyak syarikat-syarikat atau kilang-kilang yang memproses bahan-bahan daripada galian. Dasar Kementerian dan Kerajaan adalah jelas bahawa kita memberi galakan dan bukan sahaja memberi galakan, tetapi juga sanggup memberi bimbingan sekiranya ada pihak-pihak yang ingin memproses barang-barang logam kita untuk dijadikan barang siap sebagai bahan eksport atau untuk jualan di dalam negeri. Banyak insentif yang ditawarkan kepada mereka tetapi seperti yang kita sedia maklum bahawa pasaran di dalam negara adalah terhad dan sekiranya barang-barang itu hendak diproses di dalam negeri, pihak swasta itu perlu mencari pasaran di luar negeri kerana penggunaan di dalam negeri tidak dapat menampung, tidak dapat menyokong perusahaan mereka. Pihak Kerajaan melalui usaha-usaha research yang dibuat dan juga Jabatan Galian dan Hasil Bumi sentiasa menjalankan kajian-kajian mengenai penggunaan barang-barang yang boleh dibuat daripada bijih timah khususnya dan lain-lain bijih. Pihak swasta yang ingin mendapat manfaat daripada hasil kajian itu boleh menghubungi kita kalau sekiranya mereka ingin membuka kilang-kilang perusahaan yang berasaskan kepada bijih timah.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga menimbulkan masalah pampasan kepada rakyat yang tanah mereka digunakan untuk tujuan melombong dan lain-lain. Perkara ini adalah terpulang pada budibicara Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan oleh kerana lesen mengeluarkan bijih itu adalah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan perkara kuota supaya kita hadkan jumlah bahan-bahan yang

kita keluarkan setiap tahun supaya hasil bijih kita ini tidak pupus dalam masa yang singkat. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Malaysia adalah menjadi anggota pada Persatuan Pengeluar-pengeluar Bijih Timah Antarabangsa dan kita melalui Perjanjian Timah Antarabangsa telah menentukan kuota masing-masing dan kita tidak boleh mengeluarkan daripada jumlah kuota yang diberikan kepada kita. Walaupun tujuan mengenakan kuota ini ialah untuk menstabilkan harga bijih timah, namun demikian, ia boleh juga membantu menambahkan tempoh habisnya bijih timah kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah menimbulkan masalah pekerja-pekerja Malaysia yang hanya menjadi buruh di dalam perusahaan bijih timah ini. Saya suka memaklumkan bahawa perusahaan bijih timah ini telah berjaya diMalaysiakan hampir keseluruhannya. Walaupun ada tuan-tuan punya lombong dan juga smelting dan dredging yang dipunyai oleh syarikat-syarikat luar negeri tetapi kebanyakan pegawai-pegawai tinggi dan juga pekerja-pekerja pertengahan telah pun diisi oleh orang-orang Malaysia sendiri.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada perkara yang tak sempat saya jawab, kita akan ambil perhatian dan sekiranya perlu kita perbetulkan, insya Allah, kita akan perbetulkan dan akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahh-ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Ismail bin Said: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan.

dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Ismail bin Said *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEGAHAN DAN
PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT**

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

6.13 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini diwujudkan untuk menyeragamkan serta mengemaskinikan undang-undang berkaitan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit. Rang Undang-undang ini juga akan memberi kuasa undang-undang yang menyeluruh kepada Menteri Kesihatan untuk mencegah kemasukan penyakit-penyakit berjangkit ke dalam negeri dan mencegah serta mengawal penyakit-penyakit berjangkit dari merebak di dalam negeri.

Pada masa ini setiap negeri di

Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak ada mempunyai undang-undang sendiri untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit berjangkit. Undang-undang ini adalah di dalam berbagai bentuk ordinan dan enakmen yang telah digubal lama dahulu sehingga peruntukan-peruntukannya tidak lagi sesuai atau memenuhi keperluan pada masa ini. Juga memandangkan tidak ada satu daripada undang-undang ini yang lengkap dan seragam untuk seluruh negara, maka Rang Undang-undang baru yang lengkap dan seragam perlulah digubal.

Tuan Yang di-Pertua, faktor terpenting yang memerlukan Rang Undang-undang ini ialah Undang-undang yang sedia ada dan sedang berkuatkuasa sekarang adalah tidak lagi sesuai dan tidak lagi mencukupi untuk maksud mencegah kemasukan penyakit-penyakit berjangkit dari luar negeri ke Malaysia serta mencegah dan mengawal merebaknya penyakit berjangkit di dalam negeri oleh sebab-sebab yang berikut:

- (1) Undang-undang yang sedang berkuatkuasa ini hanya menyebabkan pencegahan kemasukan penyakit-penyakit berjangkit melalui pelabuhan sahaja tanpa mengambilkira pintu-pintu masuk yang lain seperti lapangan terbang antarabangsa dan stesyen-stesyen keretapi di sempadan seperti di Johor Bharu dan Padang Besar, sedangkan masa ini lebih ramai pelancong-pelancong yang keluar masuk ke Malaysia melalui lapangan terbang dan stesyen-stesyen keretapi;

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*

- (2) Undang-undang yang sedang berkuatkuasa sekarang juga sudah ketinggalan masa dan

tidak lengkap oleh kerana ianya tidak memuatkan kehendak-kehendak Peraturan-peraturan Kesihatan Antarabangsa atau International Health Regulations, dengan izin, di mana Malaysia juga terikat dengannya untuk maksud pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit berjangkit yang lebih berkesan. Ordinan-ordinan dan enakmen-enakmen yang ada sekarang adalah tidak seragam untuk seluruh Malaysia. Ketiadaan undang-undang yang seragam untuk mengawal dan mencegah penyakit-penyakit berjangkit yang boleh dikuatkuasakan di seluruh Malaysia ini menimbulkan beberapa masalah seperti:

- (1) Penguatkuasaan menjadi satu masalah yang besar. Pegawai-pegawai berkuasa tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna jika tugas-tugas tersebut melibatkan lebih dari satu negeri;
- (ii). Orangramai juga menghadapi beberapa kesulitan akibat tiadanya suatu undang-undang yang komprehensif dan seragam. Sebagai misalan pembawaan jenazah dari satu negeri yang dahulunya di bawah Negeri-negeri Melayu Bersekutu, misalnya Selangor, ke negeri yang dahulunya di bawah Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu, misalnya Kelantan. Perkara ini melibatkan berbagai prosedur, syarat dan borang yang boleh menghindarkan pelaksanaan yang licin dan membawa berbagai masalah kepada sanak saudara si mati itu.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman dan penalti yang terdapat dalam ordinan-

ordinan dan enakmen-enakmen yang ada sekarang tidak lagi sesuai atau realistik dari segi jumlah denda ataupun penalti-penalti yang dikenakan. Di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan ini penalti dan denda ditetapkan berdasarkan keadaan masa kini supaya ianya lebih sesuai dan realistik dan mampu untuk mencegah kesalahan atau mencegah pihak-pihak bersalah dari mengulangi kesalahan mereka.

Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, 1988 ini yang saya kemukakan sekarang ini mengandungi 33 Fasal yang dibahagikan di bawah VI Bahagian. Bahagian III dan IV adalah bahagian-bahagian yang pokok dalam Rang Undang-undang. Penekanan penting adalah seperti berikut.

Bahagian III mengandungi Fasal-fasal bersabit pencegahan kemasukan penyakit berjangkit dari luar ke dalam Malaysia. Fasal-fasal tersebut meliputi beberapa perihal tertentu seperti pemberitahuan dan seterusnya pengisytiharan kawasan jangkitan di luar Malaysia dan syarat-syarat secara am untuk kemasukan kapal-kapal, pesawat-pesawat udara dan kenderaan lain ke Malaysia. Bahagian ini juga meliputi pemeriksaan ke atas orang, mayat, serangga dan sebagainya bila dibawa masuk ke Malaysia.

Bahagian IV mengandungi fasal-fasal yang lebih comprehensive dan kemas kini. Bersabit dengan kawalan penyakit berjangkit dari merebak di dalam negara dan ini termasuk peruntukan-peruntukan untuk pemberitahuan kejadian penyakit berjangkit, pengisytiharan kawasan tempatan, kehendak-kehendak atas orang-orang dan barang-barang yang dijangkiti, pemberitahuan atau pengawasan kontek, perintah pemeriksaan mayat-mayat serta pengu-urusan orang-orang yang mati, pembas- mian kuman dan penutupan premise,

pemusnahan struktur yang dijangkiti, penyewaan bangunan yang dijangkiti dan hal-hal sebagainya. Selain daripada tanggungjawab kepada orangramai, pegawai Kerajaan dan sebagainya yang dihuraiakan di dalam Bahagian IV ini.

Fasal 2 memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan satu-satu kawasan sebagai kawasan tempatan jangkitan. Dengan pengisytiharan seperti itu pegawai-pegawai yang berkenaan boleh mengarahkan mana-mana orang dalam kawasan itu diberi rawatan atau immunisasi ataupun diasingkan untuk mencegah penyakit dan sebagainya. Adalah juga diperuntukkan di dalam Fasal 12 Rang Undang-undang ini bahawa orang-orang yang dijangkiti tidak boleh bertindak mengikut cara yang boleh merebakkan penyakit berjangkit.

Fasal 12(1) mempunyai peruntukan sedemikian untuk mengawal tempat-tempat awam, walhal Fasal 12(2) melarang seseorang yang dijangkiti dengan penyakit yang disebutkan dalam Bahagian II Jadual Pertama daripada melakukan apa-apa yang mungkin membawa kepada merebaknya penyakit berjangkit itu.

Pada masa ini hanya Human Immuno - deficiency virus infection (AIDS) dimasukkan dalam Bahagian II Jadual Pertama ini.

Bahagian V pula meletakkan kesalahan-kesalahan penalti am dan mengkompaun kesalahan. Kesalahan yang dikira boleh dikompaun akan ditetapkan dengan terperinci di bawah peraturan tertentu kelak.

Bahagian VI rngeandungi fasal-fasal yang mengambil kira berbagai perkara termasuk hak Kerajaan mendapatkan kembali kos atau perbelanjaan dikeluarkan untuk mncegah dan mengawal penyakit-penyakit berjangkit. Pengecualian dari kehendak-

kehendak peruntukan-peruntukan tertentu Rang Undang-undang ini, rekuisisi premis serta kompansasinva, kuasa menggubal jadual dalam Rang Undang-undang ini dan kuasa membuat peraturan-peraturan di bawah Rang Undang-undang ini juga. Akhirnya, pindaan dan pemansuhan ke atas undang-undang yang sedang berkuatkuasa dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mempunyai dua Jadual. Jadual Pertama ialah senarai penyakit-penyakit berjangkit yang ditafsirkan di bawah Fasal 2. Jadual Kedua, ialah senarai ordinan dan enakmen yang akan mansuh dengan kuatkuasanya Rang Undang-undang int nanti. Jadual Pertama telah diubahsuaikan untuk mengandungi penyakit-penyakit yang terbaharu seperti AIDS dan sebagainya. Peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam tiap-tiap Fasal Rang Undang-undang ini dibuat secara am dan tidak memperincikan prosedur-prosedur dan syarat-syarat yang timbul dalam penguatkuasaannya. Perkara-perkara terperinci seperti ini akan digubal di bawah peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah Rang Undang-undang ini kelak.

Semua negeri di Malaysia telah bersejua untuk diwujudkan satu undang-undang yang seragam dan memansuhkan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri masing-masing. Memandangkan undang-undang di negeri Sabah dan Sarawak hanya boleh dimansuhkan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing, maka Kementerian Kesihatan akan meminta Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak supaya mengambil tindakan untuk memansuhkan undang-undang berkenaan setelah Rang Undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan. Berhubung dengan undang-undang yang terdapat di negeri-negeri lain, ianya akan dimansuhkan dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Pertua, dengan penjelasan itu saya mohon supaya Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 ini diluluskan.

Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Seremban.

6.14 ptg.

Dr. Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bercakap sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit. Saya hendak memberi sedikit pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan menyambut baik Rang Undang-undang ini oleh sebab sekarang kita ada menghadapi satu penyakit berjangkit yang baru yang dahsyat, bukan sahaja negara kita menghadapi penyakit ini tetapi di seluruh dunia, tiap-tiap negara menghadapi satu penyakit berjangkit yang serius ini.

Sebelum penyakit berjangkit seperti AIDS dijumpai, semua doktor-doktor berasa bahawa penyakit-penyakit berjangkit (infectious diseases) telah dihapuskan dan tidak akan datang lagi, sebab kita ada vaccine, kita ada ubat-ubat untuk mengontrol penyakit-penyakit seperti cholera, malaria, TB dan lain-lain. Tetapi kita sekarang menghadapi penyakit lain misalnya

penyakit jantung, itu yang pertama. Tetapi beberapa tahun dahulu AIDS telah timbul. Oleh sebab itu saya rasa Bil ini dibentangkan pada hari ini.

Tadi kita telah mendengar Timbalan Menteri Kesihatan ada memberi sebab-sebab mengapa kita adakan undang-undang ini. Di antaranya ialah untuk mengintegrasikan atau menseragamkan semua undang-undang atau enactment yang ada dahulu. Tetapi saya rasa itu bukan sebab yang penting. Sebab yang penting ialah bagaimana kita boleh mengawal penyakit berjangkit AIDS. Itu masalahnya.

Selain daripada itu, ada satu lagi penyakit berjangkit yang serius dalam negara kita iaitu Hepatitis B. Hepatitis B ada menyerang semua orang dalam negara kita oleh sebab dalam negara kita ada sekurang-kurangnya 5% - 10% carrier. Sebab itu DAP selalu membangkitkan hal-hal ini untuk pihak Kementerian Kesihatan mengadakan satu vaccination campaign untuk mengatasi masalah ini. Saya pun berasa sangat gembira oleh sebab Kementerian Kesihatan telah mengumumkan satu program di mana ia hendak mengadakan peruntukan sebanyak \$14 juta untuk mengadakan satu kempen di mana bayi-bayi dan orang-orang yang ada di dalam group risiko, misalnya, kakitangan kesihatan dan lain-lain.

Saya berharap wang ini boleh didapati. Sekarang masanya sudah cukup, kita hendaklah terus adakan kempen ini. Saya harap kita jangan tunggu lagi satu tahun untuk dapat \$14 juta. Sebab kempen ini tidak boleh ditangguhkan lagi, cannot delay anymore. Satu hari delay lagi banyak bayi akan dijangkiti penyakit Hepatitis B ini.

Saya pun sangat dukacita oleh sebab Kerajaan tidak adakan satu kempen untuk "screening" semua orang di

negara kita. Beri peluang kita punya rakyat tahu sama ada dia ada penyakit Hepatitis B atau tidak. Pada masa sekarang kalau seseorang rakyat jelata hendakkan "screening" dia kena bayar \$20 hingga \$30 seorang. Kalau keluarganya ini ada 5 orang, kurang-kurang kena \$100 hingga \$150.

Saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya ada satu "screening" di mana orang miskin boleh tahu dia ada kena penyakit Hepatitis B ini atau tidak. Kalau tidak, boleh dapat satu vaccination.

DAP pun menyeru kepada Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan supaya mengadakan satu kempen bukan untuk tertumpu ke atas mereka yang berisiko tinggi (high risk) seperti bayi-bayi dan kakitangan Kementerian Kesihatan tetapi lain-lain juga khasnya orang-orang perempuan muda yang akan kahwin. Misalnya wanita yang berumur di antara 16 hingga 30 tahun yang akan berkahwin. Ini pun dianggap high risk punya kes. Kalau dia kena penyakit Hepatitis B diapun boleh infect dia punya anak-anak atau bayi. Sebab itu kita mesti adakan 'vaccination campaign' untuk perempuan-perempuan muda yang akan kahwin. Serupa macam kempen sekarang untuk mencegah Rubella. Rubella kita tertumpu kepada perempuan-perempuan yang akan kahwin, perempuan yang belum kahwin oleh sebab kalau dia ada dapat rubella vaccination dia punya bayi boleh diselamatkan. Itu yang mustahak.

Saya tidak faham, sungguhpun DAP ada kata, ada vaccine sangat murah, kalau satu dose vaccine bagi Hepatitis B untuk seorang dikenakan USS1 bersamaan \$2.50 kita punya wang. Kerajaan atau Kementerian Kesihatan tidak mahu memakai vaccine daripada Korea Selatan di mana diiktiraf oleh beberapa buah negara termasuk Thailand, Indonesia dan China yang ada menggunakan vaccination ini. Tetapi

kita mahu ikut rules of the book, kalau WHO tidak memberi authority atau iktiraf, kita tidak boleh pakai. Saya tidak setuju. Kalau kita pakai vaccine daripada Korea Selatan, semua orang boleh dapat vaccination. Satu jab atau satu dose \$2.50. Sekarang satu dose kalau dibeli di kompeni-kompeni atau syarikat-syarikat lain harganya \$50 satu dose. Ini tidak munasabah. Ini tidak rational. Saya tidak mahu rekomen satu vaccine yang tidak ada guna. Kalau tidak ada guna, apa sebab negara China pakai, Thailand pakai, Indonesia pakai? Saya tidak faham dengan peraturan Kementerian Kesihatan ini.

Saya harap dia timbangkan hal ini. Kalau dia pakai ini barangkali terselamat khususnya semua kita punya rakyat khasnya murid-murid dan perempuan-perempuan yang muda.

Dan berkenaan dengan AIDS. Sungguhpun saya rasa ada nampak provision dalam Rang Undang-undang ini untuk mencegah AIDS untuk memasuki negara kita tetapi saya rasa rancangan ini tidak mencukupi. Ada berapa orang yang mengidap penyakit AIDS saya pun tidak tahu.

Saya rasa Kerajaan pun tidak tahu sebab kita tidak ada "test" untuk semua orang. Berapa orang ada AIDS tetapi belum keluar tanda-tanda itu, banyak ada ARS - AIDS Related Complex. Berapa ada dalam negara kita, kita tidak tahu. Negara jiran kita di utara ada banyak orang kena AIDS. Kita punya rakyat selalu hendak pergi Bangkok, Golok atau lain-lain tempat. Ada apa pencegahan dibuat. Adakah atau tidak staff ditempatkan di border Thailand/Malaysia untuk menyiasat semua orang yang balik daripada Golok atau Bangkok. Ada atau tidak? Tidak.
(Ketawa)

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:
Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap. Dia minta penjelasan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Seremban sama ada dia pasti setiap orang yang pergi ke Golok dan ke Siam itu buat perkara yang jahat- Jangan buat sangkaan jahat.

Dr Chen Man Hin: Saya bukan kata semua orang pergi ke tempat itu. Ada banyak orang lelaki pergi ke sana, ke Thailand jadi tourist atau berniaga. Tetapi kita pun tahu itu satu tempat di mana banyak tempat hendak pergi, tidak boleh dinafikan; termasuk banyak kita punya Ahli-ahli daripada Dewan di sini. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini cara-cara untuk mencegah penyakit AIDS saya harap Kerajaan adakan satu program untuk pendidikan (education). Tadi kita ada dengar Kerajaan sudah cetak 50,000 booklets berkenaan dengan AIDS. Ini baik, saya sokong. Tetapi tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua.

Pendidikan untuk mencegah AIDS ialah sampai semua orang di negara kita khususnya murid-murid dan pemuda-pemuda. Pendidikan mesti bermula di sekolah-sekolah kita bukan sahaja untuk memberitahu berkenaan dengan AIDS tetapi juga kita hendak memberi satu program supaya dia ada satu pendidikan moral. Itulah sebabnya sekarang kita nampak semua media - press, radio, television ada banyak siar cerita berkenaan dengan seks. Saya harap kita mahu kita punya murid-murid, pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi mempunyai attitude atau sikap yang sihat terhadap seks.

Kita menggalakkan atau meng-'encourage'kan sama dia ada satu life

style, bukan ikut cara negara-negara barat tetapi ikut cara kita punya life style, bukan sahaja bergantung kepada seks. Tetapi ada lain-lain hiburan. Jangan ikut cara-cara lain yang ada ditunjukkan di dalam TV. Life style.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung esok. Masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Bahaya Lalulintas di Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur

6.30 ptg.

Dr. Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, 'Kemalangan-kemalangan di Lebuhraya'. Dengan terbina-nya lebuhraya-lebuhraya moden, jalan-jalan yang luas dan lain-lain peningkatan kita akan menjangka bahawa kadar kemalangan-kemalangan teruk akan menurun, sedihnya kemalangan-kemalangan teruk masih berlarutan, khususnya di sepanjang Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur dan Lebuhraya Karak. Kemalangan-kemalangan seperti kes di mana satu bas pesiaran bertembung dengan satu trak yang sedang berhenti di Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur dekat dengan Bangi dua bulan yang lalu di mana beberapa orang telah terkorban sepatutnya tidak harus berlaku jika

langkah-langkah keselamatan yang lebih kemas telah diambil. Lain-lain kemalangan berlaku kerana memandu laju, memandu dengan kurang cermat dan kejahilan langkah-langkah keselamatan oleh pihak pemandu-pemandu kenderaan dan yang lebih buruk lagi ialah kekurangan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Lembaga Lebuhraya.

Mengelaskan jalan-jalan, ini adalah perlu supaya dapat memberi peruntukan minima kepada keselamatan jalanraya bagi setiap kategori. Sudah tentu langkah-langkah perlu bagi keselamatan lebuhraya-lebuhraya utama hendaklah dijadikan lebih ketat dari jalan-jalan di mana jumlah kenderaan adalah lebih berkurangan. Negeri-negeri di Eropah mengelaskan jalan-jalan sebagai 'motorways', dengan izin, jalan bertaraf A dan bertaraf B. Motorways mereka mempunyai bahu-bahu jalan dan semua kenderaan-kenderaan tidak dibenarkan meletak kenderaan mereka sesuka hati, tidak kira sama ada kenderaan mereka rosak atau sebarang sebab-sebab yang lain.

Selain dari Lebuhraya Senawang-Air Keroh tidak terdapat peruntukan-peruntukan bagi bahu-bahu jalan (road shoulders) di lebuhraya-lebuhraya lain. Contohnya, satu kerideraan yang mengalami kerosakan di Lebuhraya Ekspres Seremban-Kuala Lumpur tidak mempunyai tempat untuk meletak kenderaannya yang rosak selain dari menempatkan kenderaannya di atas lebuhraya utama sahaja, ini bahaya kepada kenderaan yang lain terutama di waktu malatn. Pembaikan-pembaikan jalan oleh pekerja-pekerja di pembinaan selalunya dilakukan tanpa tanda-tanda amaran yang cukup kepada kenderaan-kenderaan yang datang dan pemandu-pemandu kenderaan ini akan hanya melihat tanda-tanda amaran bilamana mereka sudah hampir berada di atas pekerja-pekerja ini. Tanda-tanda amaran ini haruslah diletakkan sekurang-

kurangnya 1 km jauhnya dari tempat-tempat yang sedang dibaiki.

Had laju 110 km sejam di lebuhraya-lebuhraya mungkin adalah terlalu tinggi jika memandangkan kekurangan langkah-langkah keselamatan yang wujud buat masa sekarang. Lembu-lembu yang berkeliaran, pemotong-pemotong rumput dan 'jay-walkers' yang melintas lebuhraya-lebuhraya ini adalah menjadi sasaran yang mudah bagi kenderaan-kenderaan yang dipandu oleh pemandu-pemandu laju pada kelajuan 110 km sejam.

Pihak Lembaga Lebuhraya adalah juga bersalah dengan membenarkan simpang merbahaya yang mengeluarkan kenderaan-kenderaan tanpa sebarang amaran di lorong-lorong kenderaan yang sedang mendatang. Saya merujuk kepada simpang-simpang merbahaya Lebuhraya Ekspres Seremban-Kuala Lumpur di Sungai Besi khususnya bagi memenuhi kehendak Selangor Turf Club. Pihak Lembaga Lebuhraya telah menyekat semua laluan-laluan terus kampung dan estet di lebuhraya tetapi dia telah membenarkan laluan terus kepada Kelab Lumba Kuda semata-mata bagi kemudahan penjudi-penjudi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya lebuhraya-lebuhraya dengan jalan-jalan yang lebar akan menggoda pemandu-pemandu kenderaan untuk memandu dengan kelajuan yang lebih laju dan akibatnya ialah kemalangan-kemalangan di jalanraya-jalanraya akan lebih kerap berlaku. Pemandu-pemandu kenderaan hendaklah diberitahu supaya memandu mengikut had laju yang ditetapkan. Nasihat-nasihat dan arahan-arahan yang betul hendaklah diberi kepada pemandu-pemandu kenderaan tentang bagaimana menggunakan lebuhraya-lebuhraya atau lebuhraya-lebuhraya ekspres, bagaimana meletak kenderaan yang rosak, mengguna atau 'flash' lampu-lampu amaran, memandu

di lorong-lorong yang betul dan menghindari dari keinginan untuk menggunakan lebuhraya jadi satu 'racetrack', dengan izin. Arahan-arahan ini hendaklah dicatat dalam bentuk satu 'brochure' dan diedarkan kepada pemandu-pemandu apabila sahaja mereka memasuki lebuhraya di pondok-pondok tol. Pondok-pondok tol janganlah hanya mengutip tol sahaja, tetapi hendaklah memberi perkhidmatan kepada pemandu-pemandu kenderaan dan pengguna-pengguna lebuhraya yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Menteri.

6.37 *ptg.*

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak berapa tepat ataupun tidak benar bahawa langkah-langkah keselamatan yang sedia ada di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban kurang memuaskan atau tidak mencukupi. Di antara langkah keselamatan yang telah diadakan adalah seperti pemasangan pagar keselamatan (guard rails) di bahagian-bahagian pembahagi jalan dan lain-lain bahagian tertentu lebuhraya. Selain daripada itu, alat pemantul cahaya (delineators) juga telah dipasangan di tepi-tepi jalan dan di tempat-tempat tertentu sebagai panduan kepada pengguna-pengguna lebuhraya.

Papan tanda dan lain-lain tanda keselamatan jalanraya serta lampu-lampu limpah (flood lights) telah dipasang di persimpangan-persimpangan bertingkat yang terdapat di sepanjang lebuhraya ini dan semua ciri-ciri yang saya sebutkan itu adalah bertujuan bagi meningkatkan taraf keselamatan lebuhraya ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan peruntukan wang yang banyak iaitu

tidak kurang daripada \$2 juta setahun untuk menyelenggarakan lebuhraya ini supaya ia berada di dalam keadaan yang sempurna dan selamat untuk digunakan. Di antara kerja-kerja penyelenggaraan itu termasuklah menggantikan pagar keselamatan (guard rails), pemantul cahaya (delineators), papan-papan tanda yang hilang atau rosak dan juga menurapkan permukaan jalanraya yang rosak atau telah pecah serta kerja-kerja pembersihan dan pengindahan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan penggunaan lebuhraya kepada para pengguna lebuhraya pada masa ini Kerajaan sedang mengambil tindakan tersebut melalui Majlis Keselamatan Jalanraya Negara melalui program tertentu untuk mendidik pengguna lebuhraya tentang peraturan keselamatan lebuhraya. Selain daripada itu LLM juga mempunyai satu unit penguatkuasa yang ditugaskan bagi menentukan penggunaan-pengguna lebuhraya mematuhi semua peraturan lalulintas. Semenjak unit ini menjalankan operasinya kemalangan maut di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban telah berkurangan sebanyak 30% daripada masa-masa sebelumnya.

Bagi kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan lebuhraya pula, adalah dimaklumkan bahawa mereka terpaksa mematuhi beberapa langkah keselamatan sebelum memulakan sebarang kerja-kerja penyelenggaraan. Langkah-langkah keselamatan itu adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam dokumen kontrak berkenaan. Perkara ini sememangnya telahpun dilaksanakan bagi semua kerja-kerja kontrak yang telah dan akan dilaksanakan di semua jalanraya dan lebuhraya di seluruh negara.

JENAYAH DAN LANUN DI SABAH

6.42 *ptg.*

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kebanjiran pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram Filipina dan Indonesia ke Negeri Sabah, keadaan keselamatan Negeri Sabah semakin terugut.

Aktiviti lanun sering meningkat dan terdapat banyak kes pelanunan yang berlaku di Pantai Timur Negeri Sabah, dari Kudat ke Tawau. Bukan sahaja lanun-lanun ini merompak nelayan-nelayan kita dalam perairan Sabah malah mereka menculik nelayan-nelayan serta merampas bot-bot mereka. Hampir dalam setiap kes culikan atau rampasan, wang tebusan dibayar di Filipina sebelum mangsa culikan atau bot yang dirampas diserahkan balik. Kadangkala mangsa culikan atau bot yang dirampas tidak diserahkan balik walaupun wang telah dibayar. Penduduk-penduduk di tepi sungai terpaksa berpindah kerana takut diserang oleh lanun-lanun. Para lanun ini juga menyerang penduduk-penduduk yang duduk di bandar. Dalam tahun 1985, lanun-lanun menyerang Standard Chartered Bank dan membunuh 10 rakyat kita dan wang sebanyak \$80,000 dirampas dari bank tersebut.

Pada 10hb Mei, 1988 seramai 10 orang lanun yang bersenjatakan rifle M16 yang menggunakan bot laju telah datang menyerang Kampung Gum Gum di Sandakan dan merompak 3 buah kedai. Seorang nelayan keturunan Melayu berumur 20 tahun telah juga diserang oleh 3 orang lanun yang bersenjata pada 19hb April, 1988 di Sungai Keratam. Sebuah bot pukut tunda juga dirampas pada bulan yang sama di Nunu Yan dekat Sandakan dan bot ini dibawa ke Filipina. Lanun-lanun juga telah menyerang bandar Tawau, Lahad Datu dan Semporna.

Jenayah-jenayah serius yang melibatkan senjatapi telah menjadi satu fenomena biasa di Sabah. Ramai pemandu-pemandu teksi juga dibunuh

oleh pendatang haram dan ini menyebabkan penderitaan yang amat sangat kepada keluarga mereka. Tiga orang termasuk dua orang mata-mata dibunuh dan dua orang lain tercedera parah pada 23hb Jun ini apabila kereta Land Cruiser yang dinaiki mereka meletup dekat Lahad Datu. Kereta tersebut yang membawa sebanyak \$30,000 gaji bagi pekerja-pekerja di sebuah ladang koko telah meletup dan orang-orang asing disyaki terlibat dalam kejadian ini.

Pada 23hb Mei ini 8 orang asing yang menjadi anggota kumpulan dakwah songsang telah ditembak mati di Sandakan. Mereka ini dikatakan merancang untuk menyerang balai polis di situ. Motif mereka tidaklah diketahui.

Pada 24hb Jun ini rumah Ahli Parlimen Gaya telah diledah oleh 4 orang perompak yang bersenjatakan parang dan pisau. Mereka mencuri \$4,000 wang tunai, emas, TV, radio serta pistol dan 150 butir peluru. Beliau diugut supaya jangan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis, kalau tidak beliau dan keluarganya akan dibunuh. Saya juga difahamkan bahawa rumah Pemangku Pesuruhjaya Polis Sabah ditembak pada hari yang sama. Sebabnya tidak diketahui. Saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelaskan sama ada kejadian ini benar atau tidak kerana sekiranya benar, ia membawa implikasi yang serius dan kejadian tersebut harus disiasat secara menyeluruh.

Kekerapan serangan serta jenayah-jenayah serius yang berlaku di mana senjata api digunakan telah melahirkan kebimbangan dan mewujudkan ketakutan. Ia juga mengancam nyawa dan keselamatan negeri Sabah. Walaupun pihak polis sering berkata bahawa keadaan perlanunan dan jenayah berat di Sabah adalah terkawal, namun hakikatnya adalah sebaliknya.

Langkah-langkah berikut harus diambil untuk memerangi pelanun dan jenayah di Sabah:

- (i) Membekalkan senjata api yang lebih sofistikated serta menambahkan bot-bot perondaan di perairan Sabah.
- (ii) Menghantar lebih ramai anggota polis ke Sabah.
- (iii) Menyegerakan penubuhan pengkalan kapal di Sandakan dan Tawau untuk melicinkan perondaan di pantai timur Negeri Sabah sebagai langkah untuk mencegah kegiatan lanun serta menahan kebanjiran pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia.
- (iv) Mengusir balik semua pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram ke negara asal mereka.
- (v) Membincang dan mengatur perondaan bersama dengan pihak kerajaan Filipina untuk meronda perairan bersama.

Sekian, terima kasih.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Wakil dari Sandakan yang telah mengemukakan beberapa perkara ini. Memang tidak dinafikan bahawa kadar jenayah di Sabah meningkat sejak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun perbandingan jenayah bagi tahun-tahun kebelakangan ini iaitu tahun 1985, 1986 dan 1987 menunjukkan bahawa peningkatan tersebut adalah kecil. Pada tahun 1985 sebanyak 4,274 kes dilaporkan, pada tahun 1986 sebanyak 4,465 kes dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 191 kes atau 4.47% daripada tahun sebelumnya.

Pada tahun 1987 pula sebanyak 4,696 kes dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 231 kes atau 5.17% pada tahun sebelumnya.

Kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang asing adalah kecil. Pada tahun 1986 penglibatan pendatang asing dalam jenayah adalah 25 iaitu 0.55% daripada 4,465 yang dilaporkan, sementara pada tahun 1987 pula ialah 299 atau 4.88% daripada 4,696 kes yang dilaporkan. Sukalah saya memberi maklumat bahawa pertambahan perompakan, rompakan bersenjata dan pembunuhan adalah selari dengan peningkatan jenayah seperti berikut:

Bunuh:

1985-57, 1986-77, 1987-71
(Pertambahan 7%)

Samun Bersenjata:

1985-44, 1986-71, 1987- 101
(Peningkatan 42.25%)

Samun atau rompakan tanpa senjata api:

1985 - 103, 1986 - 136,
1987 - 136 (Pertambahan 0%)

Tidak dinatkan juga bahawa rompak senjata api meningkat sedikit sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Pada tahun 1985 jumlah senjata yang dirampas ialah 18 pucuk, pada tahun 1986 - 23 pucuk, pada tahun 1987 - 26 pucuk dan pada tahun 1988 pucuk (hingga 20.6.1988).

Pertambahan rampasan senjatapi tidaklah bermakna keselamatan rakyat telah terancam dan tidak selamat. Keadaan ini menggambarkan bahawa Pasukan Keselamatan telah mencapai hasil dari kerjasama orang ramai. Kerjasama seumpama ini hendaklah dipertingkatkan supaya lebih banyak senjatapi yang dimiliki secara haram dan digunakan untuk tujuan jenayah

dapat dirampas.

Mengenai dakwaan rondaan Polis Marin tidak berkesan, sukalah dijelaskan bahawa Polis Marin telah berusaha sedaya upaya selaras dengan kemampuan untuk mencegah lanun-lanun daripada mengganggu. Walaupun begtu, harus diperingatkan bahawa Polis tidak boleh berada di satu tempat pada satu masa yang sama. Memandangkan lanun juga bijak merancang strategi dan taktik, pihak Polis Marin mempunyai taktik tersendiri untuk mengesan dan menghapuskan mereka. Baru-baru ini 4 orang lanun telah ditembak mati termasuk seorang ketua perompak yang sangat dikehendaki bernama Berhaton Otohani serta 2 pucuk pistol dirampas.

Ahli Yang Berhormat merasa bimbang dan mendakwa bahawa keadaan keselamatan di Sabah tidak terkawal ekoran daripada adanya peningkatan jenayah. Sukalah saya memberi jaminan bahawa keadaan keselamatan di Sabah adalah terkawal dan penduduk di sana masih boleh menjalankan aktiviti harian mereka seperti bekerja mencari nafkah, bersiar-siar dan sebagainya dan aman damai tanpa rasa ketakutan.

Peningkatan kadar jenayah yang dialami ini merupakan satu fenomena biasa dan patut dijangkakan berikutan daripada kemelesetan ekonomi yang dihadapi sekarang. Kerajaan memandang berat terhadap peningkatan jenayah di Sabah. Pihak Polis telahpun diarahkan supaya mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan dalam usaha mencegah dan membanteras jenayah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, apabila bercakap tentang kekuatan Pasukan Keselamatan kita di Sabah, ingin saya menjelaskan di sini bahawa di Sabah pegawai yang diwartakan ialah 96 orang, Inspektor 272 orang, -anggota pangkat rendah ialah 4,111 orang,

Konstabel Tambahan (Border Scout) ialah 370 orang.

Bot dan kapalterbang;

<i>Jenis Bot</i>	<i>Bilangan</i>
PZ- 1	4
PX	10
PA	10
PB	3
PGR	10
PXC	9
PLC	2
	48
Jumlah:	-----

Kita akan mengutarakan satu lagi jenis bot iaitu PAR yang akan ditempatkan di Sabah sebanyak 8 buah dan kapalterbang Cessna dan Palatos sebanyak 4 buah.

Kejayaan Polis dalam tahun 1988:

Pada 25-2-1988 - Pasukan Polis setelah menerima maklumat telah menyerang hendap sekumpulan perompak di Perairan Pulau Matakina dan berjaya membunuh 3 orang perompak serta mencederakan 5 orang yang lain.

Pada 1-3-1988 - Pihak Polis telah menembak mati seorang ketua lanun dan sepertimana yang saya katakan tadi di Perairan Sempurna dan merampas sepucuk pistol serta 5 butir peluru.

Pada 2-3-1988 - Pasukan Polis telah berjaya menawan 9 orang dan sebuah bot serta merampas 3 laras senapang AK.47, 437 peluru; AK.47, 15 megazin dan 25 biji detonator ataupun fuse.

Pada 11-4-1988 - Pasukan Polis telah berjaya membunuh 3 orang lanun di Perairan Tanjung Sedogol, Sempurna

dan berjaya merampas 2 pucuk pistol .38 dan 4 peluru .38.

Tentang cerita rumah Pemangku Ketua Polis Sabah ditembak baru-baru ini, saya hanya mendengar berita ini daripada Yang Berhormat sendiri, saya akan menyiasat perkara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul bagi diputuskan. Usulnya ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang, disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.

